Kejujuran dalam akademik adalah penting kerana kejujuran merupakan tonggak dalam memastikan adab dan tatasusila berkenaan dengan integriti pendidikan tinggi terpelihara.

Universiti Sains Malaysia menggalakkan pelajarinya agar menghormati dan memastikan perkara berkaitan integriti akademik sentiasa terpelihara dan disanjung tinggi. Universiti Sains Malaysia sentiasa menerapkan prinsip ini kepada pelajar Universiti Sains Malaysia untuk memastikan bahawa akhlak, etika dan integriti akademik ini adalah suatu perkara penting semasa mereka mendalami pengajian mereka di Universiti Sains Malaysia.

Berikut adalah amalan atau perbuatan yang dianggap sebagai tindakan tidak berintegriti dalam akademik:

### **1. Menipu**

Menipu dalam konteks akademik termasuklah meniru dalam sesuatu peperiksaan, penggunaan maklumat atau bahan bantu lain tanpa kebenaran atau secara tidak jujur. Terdapat pelbagai cara dan kaedah yang digunakan dalam penipuan akademik dan antaranya:

- a. Menyalin jawapan daripada orang lain semasa ujian atau peperiksaan.

- b. Melakukan apa-apa perbuatan mencurigakan yang boleh dianggap sebagai menipu atau cuba menipu dalam peperiksaan.
- c. Menggunakan bahan atau alatan tanpa kebenaran contohnya nota bertulis tangan, telefon bimbit, telefon pintar, jam pintar atau apa-apa bahan elektronik yang tidak dibenarkan semasa ujian atau peperiksaan.
- d. Meminta atau membenarkan pelajar lain untuk mengambil ujian atau peperiksaan bagi pihak diri pelajar dan sebaliknya.
- e. Berkongsi jawapan bagi sesuatu tugas atau projek.
- f. Sengaja merosakkan markah/gred kerja setelah dipulangkan, kemudian menghantarnya semula bagi pemarkahan/penggredan semula.
- g. Mengarah, memaksa, memujuk, memperdaya atau mengugut orang lain membuat penyelidikan, penulisan, pemrograman, atau jenis tugas yang lain untuk kepentingan diri pelajar sendiri.
- h. Menghantar kerja yang serupa atau sama bagi lebih daripada satu kursus tanpa berunding atau terlebih dahulu mendapatkan kebenaran daripada pensyarah yang terlibat.

## 2. Ciplakan

Reputasi sesebuah institusi akademik bergantung pada keupayaannya untuk mencapai dan melestarikan kecemerlangan akademik melalui pelaksanaan kejujuran dan integriti akademik. Integriti akademik berasaskan kepercayaan, kesaksamaan, rasa hormat dan kebertanggungjawaban, yang membentuk asas kepada semua hasil karya akademik.

Salah satu aspek hilangnya integriti akademik ialah ciplakan, iaitu perbuatan seseorang yang menyatakan secara tidak jujur, sama ada secara bertulis atau medium lain, bahawa sesuatu idea, yang telah diterbitkan ataupun yang belum terbit, penulisan, karya atau ciptaan orang lain, merupakan usaha intelektualnya sendiri tanpa memberikan penghargaan atau rujukan jelas tentang pengarang asal atau sumbernya.

## **DASAR UNIVERSITI SAINS MALAYSIA TERHADAP CIPLAKAN**

Dasar Universiti terhadap Ciplakan menerangkan komitmen jitu Universiti untuk menegakkan integriti akademik berkaitan dengan ciplakan. Dasar ini akan menjadi sumber kuasa apabila terdapat suatu pelanggaran tatakelakuan akademik yang berkait dengan ciplakan.

Dasar Universiti terhadap ciplakan ini adalah sebagai peraturan yang bersifat mendidik dan mencegah dan boleh dijadikan asas sekiranya mana-mana warga Universiti melanggar mana-mana peraturan dan undang-undang Universiti.

Dasar ini terpakai kepada semua pelajar, bekas pelajar, staf dan bekas staf termasuk felo, pascakedoktoran, sarjana pelawat, dan staf akademik, staf bukan akademik, staf penyelidikan, staf kontrak dan staf sementara yang belajar, berkhidmat atau telah berkhidmat atau telah menamatkan pengajian di Universiti.

Ciplakan ditakrifkan sebagai satu perbuatan membentangi, memetik, menyalin, memparafrasa atau menyebarkan idea, imej, proses, karya, data, perkataan sendiri atau orang lain atau sumber tanpa memberi perakuan, rujukan atau petikan yang betul kepada sumber asalnya. Perbuatan ciplakan termasuk, tetapi tidak terhad, kepada hal-hal berikut:

- a. Memetik secara verbatim (pereplikaan kata demi kata) hasil karya orang lain.
- b. Memparafrasa karya orang lain dengan mengubah sesetengah daripada perkataan, atau susunan kata tanpa memberikan perakuan yang sewajarnya kepada sumber asalnya.
- c. Menghantar karya orang lain sama ada secara keseluruhannya atau sebahagiannya sebagai karya sendiri.
- d. *Auto-plagiarisme* atau swaplajarisme (self-plagiarism) (karya sendiri yang telah diterbitkan) atau karya yang sudah pun dihantar untuk penilaian atau bagi mana-mana anugerah dan menyerahkannya sebagai ciptaan yang baharu tanpa memetik kandungan asal.
- e. Perujukan sumber yang tidak mencukupi atau mengelirukan yang membolehkan pembaca menyamak sama ada sesuatu karya itu telah dipetik dengan tepat dan/atau secara adil, justeru membolehkan mereka mengenal pasti sumbangan penulis asal dalam karya yang

diserahkan itu.

Universiti mengambil berat setiap aduan dan kesalahan berkaitan ciplakan dan sekiranya pelajar didapati melakukan kesalahan menciplak dan terbukti bersalah, maka Universiti boleh mengenakan hukuman tatatertib mengikut Kaedah Tatatertib Pelajar.

### 3. Pemalsuan

Pemalsuan bermaksud suatu proses pembuatan, adaptasi atau meniru dengan maksud untuk menipu. Pemalsuan ialah perbuatan memperdaya orang lain. Pemalsuan pada dasarnya merupakan sesuatu yang bersangkutan dengan objek yang dihasilkan atau diubah.

Ciptaan atau hasil tugas atau kerja akademik yang tidak memberikan pengiktirafan, meminda, memalsu atau penyalahgunaan data, maklumat atau petikan dalam mana-mana kerja akademik boleh dianggap sebagai kerja-kerja pemalsuan. Maklumat yang dipalsukan dan bukannya hasil usaha sebenar pelajar yang berkaitan dengan sesuatu penyiasatan atau kajian tertentu dianggap sebagai melanggar prinsip mencari kebenaran ilmu. Antara contoh pemalsuan termasuklah:

- a. Mengubah data atau keputusan, atau menggunakan keputusan orang lain, dalam sesuatu eksperimen, tugas atau penyelidikan.
- b. Memetik sumber yang tidak digunakan atau dirujuk.
- c. Sengaja menyenaraikan rujukan yang tidak betul atau rekaan.
- d. Memalsukan rekod atau dokumen akademik untuk kepentingan akademik.
- e. Memalsukan dokumen termasuklah tandatangan pemberian kuasa dalam mana-mana rekod akademik atau dokumen USM yang lain.
- f. Membangunkan set data palsu.

### 4. Bersubahat Terhadap Perkara Salah

Bersubahat secara umumnya bermaksud bersepakat menjayakan atau melakukan sesuatu perbuatan atau pekerjaan dengan tujuan tidak baik. Antara contoh bersubahat termasuklah:

- a. Mengupah, merasuah atau membenarkan seseorang membuat tugas, ujian/peperiksaan, projek atau penyelidikan untuk

kepentingan sendiri.

- b. Melakukan atau membantu orang lain dalam sesuatu tugas, ujian/peperiksaan, projek atau penyelidikan secara tidak jujur bagi sesuatu pulangan.
- c. Membenarkan tugas atau kerja anda digunakan oleh orang lain.
- d. Menyediakan bahan, maklumat, atau sumber kepada orang lain, dan sedar atau tahu bahawa bantuan yang sedemikian boleh digunakan dalam cara yang tidak jujur.

5. Pelanggaran etika lain yang melibatkan integriti akademik

- a. Hadir lewat ke kuliah, tutorial, kelas atau pengajaran lain berkaitan dengan kursus pengajiannya.
- b. Lewat menghantar atau menyerahkan sebarang tugas yang diarahkan berkaitan dengan kursus pengajiannya.
- c. Mengupah orang lain untuk membuat tugas atau tesis.
- d. Menjalankan perniagaan dengan menyediakan khidmat menulis tugas atau tesis pelajar.
- e. Sebarang kesalahan lain yang pada pandangan USM sebagai melanggar integriti akademik.

**2.6.1 Kesan Pelanggaran Integriti Akademik**

Pelajar bertanggungjawab untuk melindungi dan menyokong pelaksanaan integriti akademik di USM.

Jika dalam keadaan tertentu, pelajar mengetahui wujudnya pelanggaran integriti akademik, dalam keadaan yang demikian, pelajar hendaklah melaporkannya kepada pensyarah yang berkaitan. Pensyarah berkenaan kemudiannya perlu menyiasat dan mengesahkan perkara tersebut dan kemudiannya boleh melaporkannya kepada Dekan Pusat Pengajian.

1. Jika sesuatu pelanggaran integriti akademik dianggap kurang serius, Dekan di Pusat Pengajian boleh mengambil tindakan pentadbiran kepada pelajar berkenaan.
2. Walau bagaimanapun, jika sesuatu pelanggaran integriti

akademik dianggap serius oleh Pusat Pengajian, maka kes ini hendaklah dirujuk kepada Urusetia Jawatankuasa Tata tertib Pelajar (Kes Akademik) Universiti di alamat Pejabat Perundangan, Aras 2, Bangunan E42, Canselor II untuk tindakan tata tertib sewajarnya berdasarkan prosedur yang ditetapkan.

3. Sekiranya pelajar ditangkap kerana melakukan suatu kesalahan meniru atau menipu semasa peperiksaan berlangsung, Jawatankuasa Siasatan Kes Meniru/Menipu Dalam Peperiksaan akan mengendalikan kes ini mengikut prosedur Universiti. Jika hasil siasatan tersebut mendapati wujudnya kesalahan yang boleh didakwa, pelajar berkenaan boleh dirujuk kepada Jawatankuasa Tata tertib Pelajar (Kes-kes Akademik) Universiti. Dalam hal ini, peruntukan tingkah laku pelajar berkaitan dengan peperiksaan dalam Kaedah Tata tertib Pelajar terpakai.
4. Kaedah 48 Kaedah Universiti Sains Malaysia (Tata tertib Pelajar) memperuntukkan bahawa pelajar yang melakukan suatu kesalahan tata tertib dan didapati bersalah atas kesalahan itu boleh dikenakan mana-mana satu atau mana-mana gabungan dua atau lebih hukuman yang sesuai seperti berikut:
  - a. amaran;
  - b. denda tidak melebihi Ringgit Malaysia Dua Ratus (RM200.00);
  - c. dilarang daripada mana-mana bahagian atau bahagian-bahagian tertentu Universiti bagi tempoh yang ditetapkan;
  - d. digantung daripada menjadi seorang pelajar Universiti bagi tempoh yang ditetapkan;
  - e. dipecat dari Universiti.

## **2.7 Program Mentor USM**

Program Mentor bertindak sebagai program sokong-bantu yang melibatkan staf yang menjalani latihan khas sebagai perunding dan pembimbing kepada warga USM yang ingin berkongsi perasaan dan apa jua aspek psikososial yang boleh menjejaskan kefungsi sosial mereka. Program ini menguruskan isu psikososial dengan lebih berkesan dan akhirnya dapat meningkatkan kesejahteraan demi mencapai kehidupan yang lebih bermutu.



## Objektif

1. Sebagai mekanisme kerjasama dan saling membantu dalam kalangan warga untuk berkongsi segala tekanan, masalah psikososial dan memperkukuh kesejahteraan sosial warga USM.
2. Memupuk semangat kekitaan dan konsep saling membantu dengan menjadikan mentor yang dilatih sebagai ejen sosial untuk mempromosikan masyarakat penyayang USM.
3. Melahirkan ahli sukarelawan yang lebih ramai untuk membantu mereka yang memerlukan pertolongan.
4. Mencegah kemudaratan dalam apa jua aspek psikososial sebelum sampai ke tahap yang kritikal.

## **2.8 Rancangan Pertukaran Pelajar**

### **2.8.1 Skim Belajar Luar Negara (SBLN)**

SBLN bertujuan memberikan peluang kepada pelajar USM untuk mengikuti pengajian di institusi pengajian tinggi luar negara selama satu atau dua semester. Secara ideal, para pelajar digalakkan untuk menyertai rancangan pertukaran ini sama ada antara semester ketiga hingga semester kelima (program ijazah 3 tahun) dan antara semester ketiga hingga semester ketujuh (program ijazah 4 tahun).

Bagi pelajar USM yang berhasrat untuk mengikuti SBLN, pelajar perlu membuat perancangan (akademik) terlebih dahulu bersama Dekan atau Timbalan Dekan, Pusat Pengajian serta Pusat Mobiliti dan Kolaborasi Antarabangsa (IMCC) (untuk membolehkan kredit yang diperoleh daripada institusi pengajian tinggi luar negara itu dipindahkan sebagai sebahagian daripada pengumpulan kredit untuk pengijazahan).

Mana-mana pelajar yang mengikuti SBLN dan melakukan kesalahan tatatertib di institusi pengajian tinggi luar negara berkenaan, boleh dikenakan tindakan tatatertib berdasarkan Kaedah Tatatertib Pelajar sekiranya kes tersebut dirujuk kepada USM.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.imcc.usm.my](http://www.imcc.usm.my) atau hubungi Pusat Mobiliti dan Kolaborasi Antarabangsa (IMCC) di talian +604 – 653 2777/2774.

## **2.8.2 Rancangan Pertukaran Pelajar Antara IPT (RPPIPT)**

Program ini membenarkan pelajar di USM untuk menyertai program pertukaran pelajar selama satu semester antara Institut Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia. Pelajar boleh memilih mana-mana kursus yang berkenaan dan boleh memohon pemindahan kredit untuk kursus yang telah diikuti.

Bagi pelajar USM yang berhasrat untuk mengikuti RPPIPT, pelajar perlu membuat perancangan (akademik) terlebih dahulu bersama Dekan atau Timbalan Dekan, Pusat Pengajian serta Bahagian Akademik & Antarabangsa (untuk membolehkan kredit yang diperoleh daripada IPT di Malaysia dipindahkan sebagai sebahagian pengumpulan kredit untuk pengijazahan).

Mana-mana pelajar yang mengikuti RPPIPT dan melakukan kesalahan tatatertib di institusi pengajian tinggi berkenaan, mereka boleh dikenakan tindakan tatatertib berdasarkan Kaedah Tatatertib Pelajar sekiranya kes tersebut dirujuk kepada USM.

Untuk maklumat lanjut, sila berhubung dengan Bahagian Akademik & Antarabangsa di talian +604 – 653 2430.

## **2.9 Pemilikan Hak Milik Disertasi/Laporan Projek/Tesis Pelajar dan Harta Intelek Universiti**

### **2.9.1 Hak Milik Disertasi/Laporan Projek/Tesis Pelajar dan Harta Intelek Universiti**

Hak cipta sesuatu disertasi/laporan projek/ tesis ialah hak milik pelajar berkenaan. Walau bagaimanapun, sebagai syarat untuk dianugerahkan ijazah, pelajar dengan ini memberikan hak tanpa sebarang balasan, secara berterusan, bukan eksklusif dan bebas royalti kepada Universiti untuk menggunakan kandungan kerja dan/atau tesis tersebut bagi kegunaan pengajaran, penyelidikan dan promosi. Di samping itu, mereka juga memberikan hak bukan eksklusif kepada Universiti, untuk menyimpan, menggunakan, menghasilkan semula, mempamerkan dan mengedarkan salinan karya tesis tersebut, bersama-sama dengan hak penerbitan bagi tujuan penyelidikan masa hadapan dan arkib.

## BAB 3

## 3.0 KEPERLUAN KURSUS UNIVERSITI

## 3.1 Ringkasan Keperluan Kursus Universiti

Pelajar dikehendaki mengambil 15-22 kredit kursus Universiti/opsyen berikut untuk keperluan Universiti:

KEPERLUAN KURSUS UNIVERSITI		JUMLAH KREDIT	
		Pelajar Tempatan	Pelajar Antarabangsa
<b>Mata Pelajaran Umum (MPU)</b>			
U1	<u>Pelajar Tempatan</u> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ HFF225 (Falsafah dan Isu Semasa) (2 kredit)</li> <li>▪ HFE224 (Penghayatan Etika dan Peradaban) (2 kredit)</li> <li>▪ LKM400 (Bahasa Malaysia IV) (2 kredit)</li> </ul> <u>Pelajar Antarabangsa Aliran Sains dan Teknologi</u> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ HFF225 (Falsafah dan Isu Semasa) (2 kredit)</li> <li>▪ LKM100 (Bahasa Malaysia I) (2 kredit)</li> </ul>	6	4
	<u>Pelajar Antarabangsa Aliran Sastera</u> <i>(Program Pengajian dengan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Pengantar)</i> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ HFF225 (Falsafah dan Isu Semasa) (2 kredit)</li> <li>▪ LKM100 (Bahasa Malaysia I) (Z)</li> <li>▪ LKM200 (Bahasa Malaysia 2) (U) (2 kredit)</li> </ul>		
U2 Atau U3	<u>Pelajar Tempatan</u> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ WUS101** (Teras Keusahawanan) (2 kredit)</li> <li>▪ Kursus Bahasa Inggeris (4 kredit)</li> </ul> <u>Pelajar Antarabangsa</u> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ SEA205E (Kajian Malaysia) (4 kredit)</li> <li>▪ Kursus Bahasa Inggeris (4 kredit)</li> </ul>	6	8
U4	Kursus Kokurikulum*	2	2
<b>Opsyen</b>	Kursus Kemahiran/Kursus Bahasa Asing/Kursus-kursus yang ditawarkan oleh pusat pengajian lain. Pelajar perlu memilih mana-mana yang berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Kursus Kokurikulum</li> <li>▪ Kursus Kemahiran/Kursus Bahasa Asing/ Kursus-kursus yang ditawarkan oleh pusat pengajian lain</li> </ul>	1-8	1-8
<b>JUMLAH KREDIT</b>		<b>15-22</b>	<b>15-22</b>

\* Pelajar Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan diwajibkan memilih satu pakej kokurikulum berpakaian seragam.

\* Pelajar Pusat Pengajian Sains Pergigian diwajibkan mendaftar kursus kokurikulum sebanyak tiga (3) kredit. Maklumat lanjut boleh diperoleh

daripada Pejabat Akademik, Pusat Pengajian Sains Pergigian, Kampus Kesihatan.

### **3.2 Komponen Mata Pelajaran Umum (MPU) (14 kredit)**

MPU ialah satu daripada strategi serta inisiatif yang dirancang bagi tujuan memenuhi keperluan yang terdapat dalam Lonjakan 1, iaitu Graduan Holistik, Berciri Keusahawanan dan Seimbang. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) atau PPPM (PT) menggariskan 10 lonjakan bagi mencapai aspirasi sistem pendidikan tinggi negara dan aspirasi pelajar.

MPU dibahagikan kepada empat kelompok seperti berikut:

1. U1: penghayatan falsafah, nilai dan sejarah;
2. U2: penguasaan kemahiran insaniah;
3. U3: perluasan ilmu pengetahuan tentang Malaysia;
4. U4: kemahiran pengurusan masyarakat yang bersifat praktikal seperti khidmat masyarakat dan kokurikulum.

#### **A. Kelompok U1**

##### **Pelajar Tempatan**

Semua pelajar tempatan perlu mengambil dan lulus kursus-kursus berikut. Gred lulus minimum yang diperlukan ialah gred C sebagai syarat pengijazahan.

##### **(i) HFF225 (Falsafah dan Isu Semasa) (2 kredit)**

Sinopsis kursus adalah seperti berikut:

*Kursus ini merangkumi hubungan ilmu falsafah dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Rukun Negara. Falsafah digunakan sebagai alat untuk memurnikan budaya pemikiran dalam kehidupan melalui seni dan kaedah berfikir serta konsep insan. Topik utama dalam falsafah, iaitu epistemologi, metafizik, dan etika, dibincangkan dalam konteks isu semasa. Penekanan diberi kepada falsafah sebagai asas bagi menjalin dialog antara budaya serta memupuk nilai sepunya. Di hujung kursus ini, pelajar akan mampu melihat disiplin-disiplin ilmu sebagai satu badan ilmu yang komprehensif dan terkait antara satu sama lain.*

**(ii) HFE224 (Penghayatan Etika dan Peradaban) (2 kredit)**

Sinopsis kursus adalah seperti berikut:

*Kursus ini menerangkan tentang konsep etika daripada perspektif peradaban yang berbeza. Ia bertujuan bagi mengenal pasti sistem, tahap perkembangan, kemajuan dan kebudayaan sesuatu bangsa. Isu-isu kontemporari dalam aspek ekonomi, politik, sosial, budaya dan alam sekitar dari perspektif etika dan peradaban turut dibincangkan. Pada akhir kursus ini, pelajar akan dapat menghayati nilai-nilai etika dan peradaban.*

**(iii) LKM400/2 (Bahasa Malaysia IV)**

Gred lulus minimum yang diperlukan ialah gred C sebagai syarat pengijazahan. Syarat kelayakan pendaftaran kursus Bahasa Malaysia adalah seperti berikut:

Bil	Kelayakan	Gred	Peringkat Kemasukan	Jenis	Kredit	Status
1	(a) SPM/MCE/SC (atau kelayakan setara)	1 - 6	LKM400	U	2	Keperluan Pengijazahan
	(b) STPM/HSC (atau kelayakan setara)	P/S				

Catatan:

Untuk memperoleh kredit bagi kursus Bahasa Malaysia, gred minimum yang diperlukan ialah gred C. Pelajar boleh mendapatkan nasihat daripada Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan jika mempunyai kelayakan yang berbeza daripada yang tertera dalam jadual.

**Pelajar Antarabangsa**

Semua pelajar antarabangsa perlu mengambil dan lulus kursus-kursus berikut. Gred lulus minimum yang diperlukan ialah gred C sebagai syarat pengijazahan.

**(i) HFF225 (Falsafah dan Isu Semasa) (2 kredit)**

Sinopsis kursus adalah seperti berikut:

*Kursus ini membincangkan asas-asas ilmu falsafah. Topik utama dalam kursus ini ialah epistemologi, metafizik, etika, kaedah berfikir serta konsep insan, dan kesemua ini dibincangkan dalam konteks isu semasa. Penekanan diberi kepada falsafah sebagai asas bagi menjalin dialog antara budaya, memupuk nilai sepunya dan hubungannya dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Rukun Negara. Pada akhir kursus ini, pelajar dapat memahami kepentingan falsafah dalam budaya dan kehidupan.*

**(ii) Kursus Bahasa Malaysia (2 kredit)**

Semua pelajar antarabangsa perlu mengambil dan lulus kursus Bahasa Malaysia. Gred lulus minimum yang diperlukan ialah gred C sebagai syarat pengijazahan. Keperluan kursus Bahasa Malaysia mengikut aliran program pengajian adalah seperti berikut:

- (i) Pelajar antarabangsa yang mengikuti Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Sastera (program pengajian dengan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Pengantar) dikehendaki mengambil kursus berikut:

Kod	Jenis	Kredit
LKM100	Z	2
LKM200	U	2

- (ii) Pelajar antarabangsa yang mengikuti Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Sastera (program pengajian dengan Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Pengantar) dikehendaki mengambil kursus berikut:

Kod	Jenis	Kredit
LKM100	U	2

- (iii) Pelajar Antarabangsa yang mengikuti Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Sains dan Teknologi dikehendaki mengambil kursus berikut:

Kod	Jenis	Kredit
LKM100	U	2

## **B. Kelompok U2 atau U3**

### **Pelajar Tempatan**

#### **WUS101 (Teras Keusahawanan) (2 kredit)**

Semua pelajar tempatan perlu mengambil dan lulus kursus WUS101/2 (Teras Keusahawanan). Gred lulus minimum yang diperlukan ialah gred C sebagai syarat pengijazahan. Berikut ialah sinopsis kursus:

*Kursus ini memberikan pendedahan asas kepada pelajar tentang bidang keusahawanan dan perniagaan, dengan memberikan penekanan terhadap pelaksanaan aspek pembelajaran sambil mengalami proses melaksanakan projek perniagaan di dalam kampus. Hasil pembelajaran utama ialah penerapan budaya dan amalan murni keusahawanan dalam amalan harian pelajar. Inisiatif ini diambil untuk membuka minda dan merangsang semangat keusahawanan kepada kumpulan sasar yang berpotensi sebagai usahawan yang berjaya.*

*Untuk maklumat lanjut, sila rujuk laman sesawang Pusat Rancangan Kokurikulum.*

### **Pelajar Antarabangsa**

#### **SEA205E (Kajian Malaysia) (4 kredit)**

Semua pelajar antarabangsa perlu mengambil dan lulus kursus SEA205E/4 (Kajian Malaysia). Gred lulus minimum yang diperlukan ialah gred C sebagai syarat pengijazahan. Berikut ialah sinopsis kursus:

*Kursus ini membincangkan Malaysia dari sudut sejarah, politik, sosial, budaya dan ekonomi. Kursus ini akan mengupas hubungan antara sejarah dengan politik negara Malaysia, pembentukan masyarakat majmuk yang menjadi ciri utama masyarakat Malaysia, serta isu pembangunan di Malaysia. Pelajar juga didedahkan dengan topik-topik kontemporari dalam masyarakat Malaysia seperti golongan terpinggir, budaya popular, isu-isu kesihatan dan kesejahteraan, serta melihat Malaysia dalam konteks global.*

### **Pelajar Tempatan dan Antarabangsa**

Semua pelajar perlu mengambil empat (4) kredit kursus Bahasa Inggeris bagi memenuhi keperluan pengijazahan.

(a) Syarat kelayakan pendaftaran kursus Bahasa Inggeris bagi pelajar yang mempunyai MUET

Jadual di bawah menunjukkan syarat kelayakan mengikuti kursus Bahasa Inggeris yang ditawarkan oleh Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan:

Bil	Kelayakan MUET/ Kursus Prasyarat	Gred	Kursus Bahasa Inggeris	Jenis Kursus
1	MUET <b>atau</b> ;	Band 3/2	LMT100 (2 kredit)	Prasyarat/ Jenis Z
	Budi Bicara Dekan PPBLT			
2	MUET <b>atau</b> ;	Band 4	LSP300 (2 kredit)	Wajib/Jenis U
	LMT100 <b>atau</b> ;	A - C		
	Budi Bicara Dekan PPBLT			
3	MUET <b>atau</b> ;	Band 5	LSP 401/402/403/404 *semua kursus LSP berjumlah 2 kredit	Wajib/Jenis U
	LSP300 <b>atau</b> ;	A - C		
	Budi Bicara Dekan PPBLT			
4	MUET <b>atau</b> ;	Band 6	LHP 451/452/453/454/455/ 456/457/458/459 *semua kursus LHP berjumlah 2 unit kecuali kursus LHP457 yang berjumlah 4 kredit	Wajib/Opsyen/ Jenis U
	LSP401/402/403/404 <b>atau</b> ;	A - C		
	Budi Bicara Dekan PPBLT			

(b) Syarat kelayakan pendaftaran kursus Bahasa Inggeris bagi pelajar yang mempunyai TOEFL/IELTS

Jadual di bawah menunjukkan syarat kelayakan mengikuti kursus Bahasa Inggeris yang ditawarkan oleh Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan:

TOEFL (Berasaskan Kertas Ujian)	TOEFL (Ujian Berasaskan Komputer)	TOEFL (Ujian Berasaskan Internet)	IELTS	Kursus Bahasa Inggeris	Jenis Kursus
310 - 413	0 - 103	0 - 34	1 – 4.5	LMT 100 (2 kredit)	Wajib/Jenis Z
417 - 497	107 - 170	35 - 60	5.0 – 5.5	LSP 300 (2 kredit)	Wajib/Jenis U
500 - 650	173 - 277	61 - 114	6.0 – 8.0	LSP 401/402/403/404 (2 kredit)	Wajib/Jenis U
653 - 677	280 - 300	115 - 120	8.5 – 9.0	Kursus LHP * semua kursus LHP (2 kredit) kecuali LHP457 (4 kredit)	Wajib/opsyen/ Jenis U



**Nota:**

- Pelajar perlu merujuk jadual senarai kursus Bahasa Inggeris yang diwajibkan mengikut pusat pengajian masing-masing.
- Pelajar boleh mendapatkan nasihat daripada Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan jika mempunyai kelayakan bahasa Inggeris yang berbeza daripada yang tertera dalam jadual di atas.
- Untuk memperoleh kredit bagi semua kursus bahasa Inggeris, pelajar perlu mendapatkan sekurang-kurangnya gred C bagi kursus tersebut.
- Bagi pelajar yang memperoleh skor 260 – 300 (Band 6) dalam MUET, 4 kredit kursus Bahasa Inggeris mesti dikumpulkan daripada kursus peringkat maju (LHP451/ 452/ 453/ 454 /455/ 456/ 457/ 458/ 459) atau kursus bahasa asing dengan kebenaran bertulis daripada Dekan Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan. (Sila gunakan borang yang boleh didapati di Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan).
- Pelajar yang mendapat skor MUET kurang daripada 180 (Band 4) BOLEH mengulang MUET sehingga mendapat skor Band 4 ATAU mengikuti kursus LMT100 dan lulus gred minimum Gred 'C' sebelum pelajar boleh mendaftar kursus LSP300.

(c) Kursus Bahasa Inggeris

Kursus Bahasa Inggeris yang ditawarkan sebagai kursus Universiti adalah seperti berikut:

<b>Bil</b>	<b>Kod/Unit</b>	<b>Tajuk Kursus</b>	<b>Pusat Pengajian (Jika Berkenaan)</b>
1	LMT100/2	Bahasa Inggeris Persediaan	Pelajar daripada semua pusat pengajian
2	LSP300/2	Bahasa Inggeris Akademik	Pelajar daripada semua pusat pengajian
3	LSP401/2	Bahasa Inggeris Am	Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan (Sastera) Pusat Pengajian Seni Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan

4	LSP402/2	Bahasa Inggeris Sainifik dan Perubatan	Pusat Pengajian Sains Kajihayat Pusat Pengajian Sains Fizik Pusat Pengajian Sains Kimia Pusat Pengajian Sains Matematik Pusat Pengajian Teknologi Industri Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan (Sains) Pusat Pengajian Sains Perubatan Pusat Pengajian Sains Kesihatan dan Pergigian Pusat Pengajian Sains Farmasi
5	LSP403/2	Bahasa Inggeris Perniagaan dan Komunikasi	Pusat Pengajian Pengurusan Pusat Pengajian Komunikasi
6	LSP404/2	Bahasa Inggeris Teknikal dan Kejuruteraan	Pusat Pengajian Sains Komputer Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan Pusat Pengajian Kejuruteraan

### C. Kelompok U4

Semua pelajar diwajibkan untuk mengambil kursus kokurikulum bagi melengkapkan keperluan minimum dua (2) kredit dalam struktur MPU. Pelajar yang memilih untuk mengambil kursus kokurikulum berpakej dikehendaki melengkapkan semua peringkat pakej berkenaan. Pelajar boleh memilih kursus yang ditawarkan mengikut kelompok Teras seperti berikut:

#### (i) Teras Kesukarelawan (6 - 10 kredit)

Semua kursus yang ditawarkan di bawah teras ini ialah kursus berpakaian seragam yang ditawarkan secara berpakej seperti berikut:

<b>PALAPES Tentera Darat</b>	<b>PALAPES Tentera Laut</b>	<b>PALAPES Tentera Udara</b>	<b>SUKSIS (Kor Sukarelawan Polis Siswa/Siswi)</b>
WTD103/3	WTL103/3	WTU103/3	WPD101/2
WTD203/3	WTL203/3	WTU203/3	WPD201/2
WTD304/4	WTL304/4	WTU304/4	WPD301/2

<b>SISPA (Siswa Siswi Pertahanan Awam Malaysia)</b>	<b>Kumpulan Latihan Kelanasiswa Malaysia</b>	<b>Pasukan Ambulans St. John</b>	<b>Pasukan Bantuan Kecemasan Bulan Sabit Merah</b>
WPA103/2	WLK102/2	WJA102/2	WBM102/2

WPA203/2	WLK202/2	WJA202/2	WBM202/2
WPA303/2	WLK302/2	WJA302/2	WBM302/2

Maklumat lanjut boleh dirujuk dalam laman sesawang Pusat Rancangan Kokurikulum.

**(ii) Teras Sukan (1 - 3 kredit)**

Kursus-kursus yang ditawarkan adalah seperti berikut:

<b>Kursus Berpakej (3 kredit, 3 Semester) (Pelajar perlu melengkapkan kesemua peringkat)</b>	
<b>Karate</b>	<b>Taekwondo</b>
WSC108/1	WSC115/1
WSC208/1	WSC215/1
WSC308/1	WSC315/1
<b>Kursus Tidak Berpakej (1 kredit)</b>	
WSC105/1 - Bola Tampar	WSC 125/1- Futsal
WSC106/1 - Golf	WSC 126/1 - Bola Jaring
WSC110/1 - Memanah	WSC127/1 - Pengurusan Acara 1
WSC111/1 - Ping Pong	WSC227/1 - Pengurusan Acara 2
WSC112/1 - Renang	WSC128/1 - Petanque
WSC113/1 - Senamrobik	WSC130/1 - Orienteering
WSC114/1 - Skuasy	WSC131/1 - Woodball
WSC116/1 - Tennis	WSC124/1 - Sepak Takraw
WSC119/1 - Badminton	

Maklumat lanjut boleh dirujuk dalam laman sesawang Pusat Rancangan Kokurikulum.

**(iii) Teras Kebudayaan (1 – 6 kredit)**

Kursus-kursus yang ditawarkan adalah seperti berikut:

<b>Kursus Berpakej (6 kredit, 3 Sidang Akademik) (Pelajar perlu melengkapkan kesemua peringkat)</b>	
<b>Jazz Band</b>	<b>Seni Silat Cekak Malaysia</b>
WCC108/2	WCC123/2

WCC208/2	WCC223/2
WCC308/2	WCC323/2
<b>Kursus Tidak Berpakej (1 kredit)</b>	
WCC105/1 - Gamelan	WCC117/1 - Teater Moden
WCC107/1 - Gitar	WCC118/1 - Wayang Kulit Melayu
WCC109/1 - Koir	WCC119/1 - Senaman Qigong
WCC115/1 - Tarian Moden	WCC124/1 - Kompang Berlagu
WCC116/1 - Tarian Tradisional	WCC129/1 – Tarian Latin

*Maklumat lanjut boleh dirujuk dalam laman sesawang Pusat Rancangan Kokurikulum.*

**(iv) Teras Daya Usaha dan Inovasi (1 - 2 kredit)**

Kursus-kursus yang ditawarkan adalah seperti berikut:

<b>Kursus Tidak Berpakej (1 kredit)</b>	
WCC103/1 - Catan	WCC128/1 - Seni Sulaman Benang & Manik Labuci
WCC110/1 - Kraftangan	WCC130/1 - Seni Fotografi SLR Digital
WCC120/1 - Canting Batik	WCC 131/1 - Seni Suntingan Fotografi Digital
WCC121/1 - Seni Khat	WCC132/1 - Seni Seramik
WCC122/1 - Seni Memasak	WCC133/1 - Seni Decoupage
WCC125/1 - Seni Wau Tradisional	
<b>Kursus Tidak Berpakej (2 kredit)</b>	
WMU102/2 - Makers@USM Tahap 1	

*Maklumat lanjut boleh dirujuk dalam laman sesawang Pusat Rancangan Kokurikulum.*

**(v) Teras Khidmat Komuniti (4 kredit)**

Kursus-kursus yang ditawarkan adalah seperti berikut:

<b>Kursus Berpakej (4 kredit)</b> <b>(Pelajar perlu melengkapkan kesemua peringkat)</b>	
WKM102/2 - Khidmat Komuniti 1	WKM202/2 - Khidmat Komuniti 2

<b>Kursus Tidak Berpakej (2 kredit)</b>
WSK102/2 - Sains Kesukarelawanan

*Maklumat lanjut boleh dirujuk dalam laman sesawang Pusat Rancangan Kokurikulum.*

**(vi) Teras Pengucapan Awam (2 kredit)**

Kursus-kursus yang ditawarkan adalah seperti berikut:

<b>Kursus Tidak Berpakej (2 kredit)</b>
WEC102/2 - Pengucapan Awam dalam Bahasa Melayu
WEC103E/2 - Public Speaking in English Language

*Maklumat lanjut boleh dirujuk dalam laman sesawang Pusat Rancangan Kokurikulum.*

**(vii) Teras Kelestarian (2 kredit)**

Kursus-kursus yang ditawarkan adalah seperti berikut:

<b>Kursus Tidak Berpakej (2 kredit)</b>
WSU101/2 – Kelestarian Isu, Cabaran dan Prospek

*Maklumat lanjut boleh dirujuk dalam laman sesawang Pusat Rancangan Kokurikulum.*

### 3.3 Opsyen (1 - 8 kredit)

#### A. Kursus Kokurikulum

Pelajar yang telah mendaftar kursus kokurikulum melebihi dua (2) kredit di bawah keperluan kelompok U4 MPU tidak perlu mengikuti kursus kokurikulum di bawah kursus Opsyen. Pelajar hanya perlu mendaftar kursus-kursus kemahiran atau kursus Bahasa Asing tertakluk pada keperluan pengijazahan program pengajian masing-masing.

Perincian senarai kursus kokurikulum yang ditawarkan adalah pada bahagian kelompok U4 MPU seperti di atas.

#### B. Kursus-kursus Kemahiran / Bahasa Asing / Kursus-kursus yang ditawarkan oleh pusat pengajian lain

Pelajar boleh memilih kursus-kursus berikut sebagai kursus opsyen:

##### (i) WSU 101 (Kelestarian: Isu, Cabaran dan Prospek) (2 kredit)

Sinopsis kursus adalah seperti berikut:

*Kursus ini memperkenalkan serta mendedahkan konsep pembangunan lestari kepada pelajar. Kursus ini bertujuan memastikan keupayaan generasi akan datang untuk memenuhi keperluan mereka pada masa hadapan tidak terjejas, terutama dalam era globalisasi yang mencabar dan kepesatan kemajuan teknologi maklumat pada masa ini. Model pembangunan lestari serta kajian kes turut dibincangkan.*

Maklumat lanjut boleh dirujuk dalam laman sesawang Pusat Rancangan Kokurikulum.

##### (ii) HTV201 (Teknik Berfikir) (2 kredit)

Sinopsis kursus adalah seperti berikut:

*Kursus ini memperkenalkan pelbagai pemikiran kreatif kepada pelajar seperti stail dan alat berfikir yang boleh meluaskan kefahaman tentang kreativiti dan menambah baik kemahiran menyelesaikan masalah. Pelajar dilatih memilih dan mengaplikasikan teknik terbaik untuk menyelesaikan masalah yang spesifik. Jadi kursus ini membantu pelajar untuk belajar berfikir secara efektif supaya dapat membuat keputusan yang paling efektif dalam kehidupan akademik dan sepanjang hayat.*

**(iii) SHE101 (Hubungan Etnik) (2 kredit)**

Sinopsis kursus adalah seperti berikut:

*Kursus ini ialah pengantar bagi hubungan etnik di Malaysia. Kursus ini dirangka dengan tiga objektif utama: (1) memperkenalkan pelajar terhadap konsep asas dan praktis permuafakatan sosial di Malaysia, (2) mengukuhkan kefahaman asas terhadap cabaran dan masalah dalam masyarakat berbilang etnik, dan (3) memberikan kefahaman dan kesedaran dalam menangani kerumitan/kekompleksan hubungan etnik di Malaysia. Pada akhir kursus ini, pelajar diharapkan berupaya mengenal pasti dan mengaplikasikan kemahiran untuk menganalisis isu-isu yang berkaitan dengan hubungan etnik di Malaysia.*

**(iv) Kursus opsyen/kemahiran lain yang disarankan atau diwajibkan oleh pusat pengajian masing-masing (jika ada)**

**(v) Kursus Bahasa Inggeris**

Kursus berikut boleh diambil sebagai kursus Universiti untuk memenuhi keperluan bahasa Inggeris yang wajib (bagi Band 5 dan Band 6 dalam MUET) atau sebagai kursus kemahiran/opsyen:

Bil	Kod/Kredit	Tajuk Kursus
1.	LHP451/2	Pembacaan Berkesan
2.	LHP452/2	Penulisan untuk Perniagaan
3.	LHP453/2	Penulisan Kreatif
4.	LHP454/2	Penulisan Akademik
5.	LHP455/2	Kemahiran Sebutan Bahasa Inggeris
6.	LHP456/2	Bahasa Inggeris Lisan
7.	LHP457/4	Penulisan Ucapan dan Berpidato
8.	LHP458/2	Bahasa Inggeris bagi Penterjemahan (Ditawarkan pada Semester II sahaja)
9.	LHP459/2	Bahasa Inggeris bagi Interpretasi (Ditawarkan pada Semester I sahaja)

**(vi) Kursus Bahasa Asing**

Kursus bahasa asing yang ditawarkan oleh Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan boleh diambil untuk

mencukupkan unit kredit sama ada sebagai opsyen atau elektif untuk pengijazahan. Pelajar tidak dibenarkan mendaftar lebih daripada satu kursus bahasa asing secara serentak dalam satu semester. Pelajar dikehendaki menamatkan dua peringkat bagi kursus bahasa asing yang sedang diambil sebelum dibenarkan mendaftar kursus bahasa asing yang lain. Walau bagaimanapun, pelajar tidak perlu menamatkan keempat-empat peringkat kursus jika tidak berkeupayaan. Kursus bahasa asing yang ditawarkan adalah seperti berikut:

<b>Arab</b>	<b>Cina</b>	<b>Jepun</b>	<b>Jerman</b>	<b>Spanyol</b>
LAA100/2	LAC100/2	LAJ100/2	LAG100/2	LAE100/2
LAA200/2	LAC200/2	LAJ200/2	LAG200/2	LAE200/2
LAA300/2	LAC300/2	LAJ300/2	LAG300/2	LAE300/2
LAA400/2	LAC400/2	LAJ400/2	LAG400/2	LAE400/2

<b>Perancis</b>	<b>Thai</b>	<b>Tamil</b>	<b>Korea</b>
LAP100/2	LAS100/2	LAT100/2	LAK100/2
LAP200/2	LAS200/2	LAT200/2	LAK200/2
LAP300/2	LAS300/2	LAT300/2	LAK300/2
LAP400/2	LAS400/2		



## BAB 4

### PROGRAM SARJANA MUDA SAINS KEMASYARAKATAN (KEPUJIAN)

#### 4.0 PENGENALAN

Program Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan merupakan salah satu terawal di negara ini yang telah menawarkan pendidikan berbentuk integratif dan transdisiplin. Program ini dirancang bagi tujuan membentuk pelajar yang berpengetahuan luas, mantap, prihatin, berkeupayaan memahami dan menangani isu-isu kemasyarakatan semasa.

Program ini menggabungkan pilihan pengkhususan (major), pengkhususan kecil (minor) dan elektif selaras dengan falsafah pendidikan transdisiplin dan integratif.

Kursus-kursus yang ditawarkan menggabungkan keperluan pengetahuan teoritis, amali dan kaedah yang dibentuk secara kreatif dan kritikal. Pada peringkat awal pengajian, pelajar didedahkan dengan isu, kaedah dan falsafah sains kemasyarakatan secara umum dari bidang yang berbeza. Terdapat **EMPAT (4)** Major yang ditawarkan iaitu:

- **Antropologi dan Sosiologi**
- **Perancangan dan Pengurusan Pembangunan**
- **Ekonomi**
- **Sains Politik**

**Objektif Pendidikan Program (OPP)** dan **Hasil Pembelajaran Program (HPP)** program ini adalah seperti berikut:

<b>Objektif Pendidikan Program</b>	<b>Hasil Pembelajaran Program</b>
Mengekalkan konsep pendidikan integratif antara disiplin dan pelbagai disiplin bagi kepentingan perkembangan ilmu pengetahuan dan kemahiran sains kemasyarakatan.	Pelajar dapat mempamerkan penguasaan ilmu pengetahuan dalam bidang sains kemasyarakatan yang komprehensif dan integratif.
Melahirkan graduan yang matang, berkemahiran analitikal, berkebolehan berkomunikasi dan berkeupayaan mencadangkan penyelesaian kepada masalah sosio-ekonomi dan sosio-budaya.	Pelajar berkeupayaan mengaitkan teori dan pendekatan sains kemasyarakatan dalam menganalisis dan mencari penyelesaian alternatif kepada pelbagai isu dan masalah sosial.
Melahirkan graduan yang peka kepada isu sosio-ekonomi dan sosio-budaya semasa serta komited kepada penjana kesejahteraan masyarakat.	Pelajar dapat menunjukkan kebolehan untuk berfikir secara analitikal dan mengaplikasi kaedah penyelidikan sosial dalam menganalisis isu, masalah dan fenomena sosial.
Menyumbang kepada usaha pembangunan sumber manusia untuk kepentingan dan keperluan negara.	Pelajar berkemampuan untuk berkomunikasi secara efektif dalam bentuk penulisan dan secara lisan.
	Pelajar dapat mempamerkan keprihatinan dan kesungguhan untuk memahami serta mencari penyelesaian alternatif bagi mengatasi isu, masalah dan fenomena sosial di peringkat tempatan dan global.

Objektif Pendidikan Program	Hasil Pembelajaran Program
	Pelajar dapat mengamalkan ilmu dan nilai-nilai yang dipelajari dalam bidang sains kemasyarakatan secara profesional dan beretika.
	Pelajar dapat menghayati kepentingan pembelajaran berterusan dan berupaya untuk memperoleh maklumat dari pelbagai sumber dalam pekerjaan dan kehidupan.
	Pelajar berkemahiran dalam pengurusan diri, masa dan maklumat melalui aktiviti pembelajaran yang dilakukan.
	Pelajar mempamerkan kebolehan untuk memimpin dan bekerja dalam satu pasukan secara efektif dan efisien.

#### 4.1 BIDANG PENGKHUSUSAN (MAJOR)

Pelajar akan membuat pemilihan major di akhir Semester 1 pada Tahun 1. Pendaftaran kursus major bermula pada Semester 2 pada Tahun 1. Objektif pendidikan dan hasil pembelajaran program setiap major adalah seperti berikut:

<b>Major Antropologi dan Sosiologi</b>	
Objektif Pendidikan Program	Hasil Pembelajaran Program
OPP 1: Melahirkan graduan antropologi dan sosiologi yang berintelektual dan profesional serta menguasai pengetahuan teori dan pengalaman praktikal yang diperlukan dalam bidang antropologi dan sosiologi.	HPP 1: Menunjukkan keupayaan untuk menghubungkan konsep/teori antropologi dan sosiologi dengan isu, permasalahan dan fenomena sosial.
OPP 2: Melahirkan graduan antropologi dan sosiologi yang mempunyai standard etika yang tinggi, bertanggungjawab dan mempunyai kemahiran komunikasi yang baik.	HPP 2: Menunjukkan keupayaan untuk menjalankan penyelidikan dan menggunakan perisian analitikal.
OPP 3: Mentransformasikan pengetahuan antropologi dan sosiologi untuk membentuk dan melestarikan kesejahteraan sosial.	HPP 3: Menggunakan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif serta pemikiran saintifik untuk mengenal pasti dan menyelesaikan isu, permasalahan dan fenomena sosial.
	HPP 4: Menunjukkan keupayaan untuk berkomunikasi secara berkesan dalam bentuk lisan dan bertulis.
	HPP 5: Menunjukkan kemahiran dan tanggungjawab sosial, kerja berpasukan dan kepekaan dalam menjalankan projek penyelidikan dan tugas.

Objektif Pendidikan Program	Hasil Pembelajaran Program
	HPP 6: Menunjukkan keupayaan dalam mempraktikkan nilai etika dan profesionalisme dalam akademik.
	HPP 7: Menggunakan kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan pembelajaran sepanjang hayat untuk pembangunan akademik dan kerjaya.
	HPP 8: Menunjukkan keupayaan menggunakan kemahiran pengurusan dan keusahawanan dalam aktiviti seharian.
	HPP 9: Menunjukkan keupayaan kepemimpinan yang berkesan dalam kerja kumpulan.

Major Perancangan dan Pengurusan Pembangunan	
Objektif Pendidikan Program	Hasil Pembelajaran Program
OPP 1: Melahirkan graduan berintelektual dan profesional yang menguasai pengetahuan teori dan pengalaman praktikal yang diperlukan dalam bidang yang melibatkan isu pelbagai disiplin pembangunan.	HPP 1: Pelajar dapat untuk menguasai ilmu secara komprehensif dalam bidang perancangan dan pengurusan pembangunan.
OPP 2: Melahirkan graduan perancangan dan pengurusan pembangunan yang mempunyai standard etika yang tinggi dan bertanggungjawab dengan kemahiran komunikasi yang baik melalui kurikulum dan projek penyelidikan yang dinamik.	HPP 2: Pelajar mahir menghubungkan teori dan pendekatan pembangunan bersepadu dalam menilai isu-isu pembangunan semasa dan masa depan.
OPP 3: Mentransformasikan pengetahuan perancangan dan pengurusan pembangunan untuk memupuk pembangunan yang holistik demi melestarikan kesejahteraan sosial.	HPP 3: Pelajar mempunyai kemampuan untuk berfikir secara kritis dan saintifik dengan menganalisis impak pembangunan dari perspektif ekonomi, sosial dan alam sekitar.
	HPP 4: Pelajar dapat mempraktikkan komunikasi yang berkesan pada pelbagai peringkat, bentuk dan situasi dalam komuniti dan organisasi yang berkaitan dengan pembangunan.

Objektif Pendidikan Program	Hasil Pembelajaran Program
	HPP 5: Pelajar dapat menguasai kemahiran sosial semasa mengumpul dan menganalisis maklumat yang diperlukan untuk merancang dan mengurus program pembangunan serta bertanggungjawab dalam pelbagai peringkat organisasi dan pentadbiran.
	HPP 6: Pelajar dapat mempraktikkan nilai etika dan profesionalisme dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang berkaitan dengan isu-isu serta masalah pembangunan negara.
	HPP 7: Pelajar mempunyai keupayaan untuk memupuk pembelajaran sepanjang hayat dengan sentiasa mengemas kini pengetahuan tentang strategi dan pendekatan baru untuk menangani pelbagai isu pembangunan.
	HPP 8: Pelajar dapat menunjukkan ciri kreativiti, inovasi dan keusahawanan bagi mewujudkan pekerjaan selaras dengan perkembangan pesat negara.
	HPP 9: Pelajar dapat menunjukkan kualiti kepemimpinan dan membuat keputusan dalam pelbagai situasi yang menyumbang kepada penyelesaian masalah yang berkaitan dengan pembangunan.

<b>Major Ekonomi</b>	
Objektif Pendidikan Program	Hasil Pembelajaran Program
OPP 1: Melahirkan graduan dengan pengetahuan dan kemahiran yang kukuh dan mengaplikasikan teori ekonomi untuk pembangunan sosio-ekonomi negara.	HPP 1: Menunjukkan penguasaan dan pemahaman pengetahuan dalam bidang ekonomi pada tahap penghayatan, prinsip, teori dan aplikasi.
OPP 2: Melahirkan graduan yang berpengetahuan, memahami teori ekonomi yang dipelajari, mempunyai kognitif, menguasai kemahiran digital dan kuantitatif serta kuantitatif gunaan.	HPP 2: Meningkatkan kemahiran teknikal untuk menganalisis data ekonomi.
	HPP 3: Mengaplikasikan pemikiran kritis dan analitikal untuk menjelaskan, membezakan dan menilai dasar ekonomi dan isu ekonomi global untuk mencadangkan penyelesaian alternatif.

<b>Objektif Pendidikan Program</b>	<b>Hasil Pembelajaran Program</b>
OPP 3: Melahirkan graduan yang dapat mengaplikasikan pengetahuan ekonomi, mempunyai kemahiran interpersonal dan dapat berkomunikasi dengan berkesan.	HPP 4: Menunjukkan keupayaan untuk berkomunikasi secara berkesan dan lisan pada setiap peringkat organisasi dan komuniti.
OPP 4: Melahirkan graduan yang mempunyai kemampuan untuk berkomunikasi dan mengaplikasikan pengetahuan yang diperoleh untuk pembentukan dasar sosio-ekonomi di peringkat kebangsaan dan global secara etika dan profesional.	HPP 5: Mempunyai keupayaan untuk bekerja sebagai satu pasukan untuk mencapai misi organisasi.
	HPP 6: Mengaplikasikan pengetahuan yang dipelajari secara profesional dan beretika.
	HPP 7: Menghargai dan mempraktikkan pengetahuan yang dipelajari untuk pembelajaran sepanjang hayat.
	HPP 8: Memupuk kemahiran keusahawanan dalam perancangan dan pengurusan.
	HPP 9: Menguasai kemahiran pengurusan dan kepimpinan dengan berkesan.

<b>Major Sains Politik</b>	
<b>Objektif Pendidikan Program</b>	<b>Hasil Pembelajaran Program</b>
OPP 1: Melahirkan graduan yang berintelektual dan profesional serta berpengetahuan dalam memahami dan menganalisis prinsip, pendekatan, dan konsep Sains Politik secara kritis.	HPP 1: Mengaplikasikan pengetahuan teori dalam Sains Politik.
	HPP 2: Melakukan praktikal, prosedur dan penyelidikan yang berkaitan dengan Sains Politik.
OPP 2: Menghasilkan graduan yang cekap dalam kemahiran praktikal, mempunyai kemampuan interpersonal yang baik dan menunjukkan sifat kepimpinan ke arah mencapai tadbir urus yang baik.	HPP 3: Menggunakan kemampuan berfikir secara kritis dan kreatif serta pemikiran saintifik untuk mengenal pasti dan memberikan idea dan penyelesaian terhadap masalah sosial.
OPP 3: Mengaplikasikan prinsip, pendekatan, dan konsep Sains Politik untuk melestarikan masyarakat demokratik yang berfungsi.	HPP 4: Berkomunikasi secara berkesan dalam bentuk lisan dan bertulis untuk menyampaikan maklumat, penemuan, dan hasil yang berkaitan dalam konteks politik.
OPP 4: Menunjukkan amalan nilai etika dan profesional dalam melaksanakan semua tugas dan tanggungjawab.	HPP 5: Menunjukkan tanggungjawab sosial, kerja berpasukan dan menyelaraskan aktiviti sosial seharian secara mendalam yang merangkumi pelbagai profesion dan komuniti.
	HPP 6: Menunjukkan nilai moral dan etika yang tinggi serta profesionalisme dalam mematuhi prinsip, tatacara, undang-undang dan peraturan dalam bidang sains politik.

Objektif Pendidikan Program	Hasil Pembelajaran Program
	HPP 7: Menggunakan kemahiran dalam penyelidikan dan teknologi komunikasi untuk pembelajaran sepanjang hayat untuk pembangunan akademik dan kerjaya.
	HPP 8: Menerapkan kemahiran pengurusan dan keusahawanan dalam aktiviti dan perancangan seharian dengan mempertimbangkan masalah sosial dan dalam perspektif yang berbeza.
	HPP 9: Menggunakan pengetahuan dan pemahaman dalam kepemimpinan untuk kepimpinan yang berkesan dalam usaha untuk menyumbang kepada kemajuan komuniti politik.

## 4.2 SYARAT PENGIJAZAHAN

Keperluan komponen	Teras (T), Elektif (E), Minor (M), Universiti (U)
PNGK	2.00 dan ke atas
PNGK-AT	2.00 ke atas untuk Kursus Teras (T)
Gred minima C untuk kursus-kursus universiti	<p><b>Pelajar Tempatan:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• * Bahasa Malaysia</li> <li>• * Bahasa Inggeris</li> <li>• HFE224 Penghayatan Etika dan Peradaban</li> <li>• HFF225 Falsafah dan Isu Semasa</li> <li>• WUS101 Teras Keusahawanan</li> <li>• Kokurikulum</li> </ul> <p><b>Pelajar Antarabangsa:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• SEA205E Malaysian Studies</li> <li>• HFF225 Falsafah dan Isu Semasa</li> <li>• Kokurikulum</li> </ul>
Gred minima C untuk kursus-kursus opsyen	<p>Pelajar perlu memilih mana-mana yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kursus Kokurikulum</li> <li>• Kursus Kemahiran/Kursus Bahasa Asing/ Kursus-kursus yang ditawarkan oleh pusat pengajian lain</li> </ul>
Keperluan Program	Mengambil minima 3 kursus yang ditawarkan dalam Bahasa Inggeris (Selain kursus Bahasa Inggeris yang ditawarkan di Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan)

\* Rujuk Bab 3 Keperluan Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Kokurikulum dan Opsyen untuk pengijazahan.

### 4.3 KURIKULUM DAN STRUKTUR PENGIJAZAHAN

<b>Kursus Teras Major (Kod: T)</b>		SSW110/3 Pengantar Kerja Sosial	SSW200/4 Kaedah Kerja Kes Individu dan Keluarga	SSW223/3 Undang-Undang untuk Pekerja Sosial	SSW310/3 Praktis Kerja Sosial di Sekolah	SSW322E/3 Dasar dan Perancangan Sosial	SSW410/4 Kerja Sosial Antarabangsa dan Silang Budaya	SSW413E/4 Seminar Kerja Sosial
		SSW111/3 Falsafah, Nilai & Etika Kerja Sosial	SSW211/3 Teori-Teori dalam Praktis Kerja Sosial	SSW224/6 Praktikum I	SSW312/4 Kaedah Kerja Komuniti	SSW352/4 Penyelidikan Kerja Sosial	SSW411E/3 Organisasi dan Pentadbiran Khidmat Manusia	
		SSW112/4 Kemahiran Asas Kerja Sosial (Makmal)	SSW221/4 Kaedah Kerja Kumpulan		SSW313/6 Praktikum II		SSW412/6 Praktikum III	
		SSW113/3 Tingkh laku Manusia dan Persekitaran Sosial						
<b>Kursus Elektif (Kod: E)</b>				SSE374/3* Kerja Sosial dengan Kanak-Kanak, Remaja dan Keluarga	SSE375/3* Pembangunan dan Pengelolaan Komuniti	SSE384/3 Kerohanian dan Kerja Sosial	SSE373/3** Kerja Sosial Perubatan SSE464/3** Praktis Kerja Sosial dengan Warga Tua SSE394/3** Seksualiti Manusia dan Intervensi Kerja Sosial	STU244/4 Psikologi Tak Normal (silang senarai)
					SSE396/3* Kerja Sosial Forensik			SSE463/3 Terapi Keluarga
					STU245/4* Psikologi Positif			

\* Kursus Elektif : Pilih salah satu kursus

\*\* Kursus Elektif : Pilih dua kursus

## 6.5 SYARAT-SYARAT DAN KEPERLUAN AM

Syarat utama untuk pelajar Kerja Sosial adalah seperti berikut:

- (a) Pelajar Kerja Sosial **tidak perlu** mengambil minor.
- (b) Pelajar yang dipilih melalui pengambilan khas daripada agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan dikehendaki mematuhi semua keperluan program dan Universiti.
- (c) Semua kursus praktikum adalah wajib. Prasyarat untuk Praktikum I, II dan III ialah kursus SSW112 Kemahiran Asas Kerja Sosial (Makmal). Praktikum I dijalankan semasa cuti antara Semester 3 dan Semester 4 berjalan. Praktikum II pula dijalankan semasa cuti panjang antara Tahun 2 dan Tahun 3. Praktikum III dijalankan semasa cuti panjang antara Tahun 3 dan Tahun 4. Pelajar wajib lulus Praktikum I sebelum melangkah ke peringkat yang seterusnya.
- (d) Kursus-kursus daripada kurikulum Program Sarjana Muda Kerja Sosial tidak boleh diganti kecuali dengan kelulusan Bahagian.

## 6.6 LATIHAN PRAKTIKUM

Komponen Praktikum merupakan komponen teras penting dalam bidang Kerja Sosial. Praktikum adalah proses interaksi terbimbing di antara pelajar dan situasi kehidupan yang sebenar. Situasi tersebut melibatkan isu-isu yang memerlukan tindakan sosial bagi membolehkan pembangunan manusia dan persekitaran. Oleh itu, praktikum merupakan latihan amali yang bersifat pengajaran-pembelajaran.

Latihan praktikum adalah komponen utama dalam disiplin kerja sosial yang disyaratkan oleh badan antarabangsa iaitu *International Association of Schools of Social Work (IASSW)*. Struktur praktikum yang ditawarkan dalam program Ijazah Sarjana Muda Kerja Sosial, USM adalah mengikut panduan piawaian IASSW yang telah diterima secara sejangat.

**Objektif dan Struktur Praktikum** program adalah seperti berikut:

Objektif	Struktur Praktikum
Menawarkan pengalaman pembelajaran yang khusus dengan bimbingan penyelia/pengajar demi perkembangan profesional dalam aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap.	Pelajar dikehendaki mengikut latihan amali wajib yang dijalankan sebanyak tiga (3) siri praktikum, yang setiap satu latihan praktikum membawa jumlah 6 unit pembelajaran.
Membentuk sikap yang dapat membantu perkembangan diri profesional, meningkatkan kesedaran tentang limitasi dan keupayaan pelajar serta menghargai diri sendiri.	Ketiga-tiga siri ini memperkenalkan pelajar beberapa kemahiran dalam kaedah dan teknik praktik kerja sosial. Pelajar juga diselia dan berpeluang untuk mengaitkan pengetahuan teoritis dan praktis dengan lebih kritis dalam keadaan yang sebenarnya. Penyeliaan tersebut juga mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh IASSW.
Menolong pelajar mengancam dan memahami situasi sosial yang memerlukan intervensi profesional.	
Membolehkan pelajar melaksanakan rancangan intervensi berdasarkan pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi.	

Pelajar dikehendaki mengikuti amali wajib yang dijalankan sebanyak tiga (3) siri praktikum (6 unit setiap satu) seperti berikut:

<b>Praktikum I &amp; Praktikum II (Blok)</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Tempoh masa ialah 30 hari selama 8 jam sehari untuk kedua-dua praktikum.</li><li>• Tempat praktikum ialah di agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO).</li><li>• Pelajar wajib menulis rakaman harian (proses rakaman intervensi) setiap hari dan menyediakan laporan akhir.</li><li>• Setiap pelajar diselia oleh seorang pensyarah dan penyelia agensi.</li><li>• Praktikum ini memberi latihan kemahiran yang diperlukan dalam proses menolong di agensi perkhidmatan sosial dan komuniti.</li><li>• Pelajar diberi pendedahan kepada dasar perancangan, pentadbiran dan pelaksanaan perkhidmatan.</li><li>• <u>Praktikum I</u>: Dijalankan semasa cuti Semester 3 dan Semester 4.</li><li>• <u>Praktikum II</u>: Dijalankan semasa cuti panjang Tahun 2 dan Tahun 3.</li><li>• Jumlah jam praktikum I dan II ialah 480 jam (Praktikum I : 240 jam dan Praktikum II : 240 jam).</li></ul>
<b>Praktikum III (Blok):</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Tempoh masa ialah 60 hari termasuk hari Sabtu dan Ahad selama 8 minggu.</li><li>• Tempat praktikum adalah dalam komuniti.</li><li>• Pelajar wajib tinggal dalam komuniti yang terpilih dan melaksanakan perkhidmatan sebagai pekerja komuniti berlandaskan teori-teori kerja komuniti yang telah dipelajari.</li><li>• Pelajar wajib menulis rekod kerja harian, laporan separuh penggal, laporan akhir dan menghadiri sesi viva.</li><li>• Pelajar diselia oleh seorang pensyarah dan penyelia agensi.</li><li>• Praktikum ini akan memberi peluang kepada pelajar mengaplikasi teori yang dipelajari kepada situasi sebenar.</li><li>• Dijalankan semasa cuti panjang Tahun 3 dan Tahun 4.</li><li>• Jumlah jam Praktikum III ialah 480 jam.</li></ul>
<b>Jumlah keseluruhan jam untuk ketiga-tiga latihan praktikum adalah sebanyak 960 jam. Jumlah ini adalah mengikut panduan IASSW yang memerlukan latihan praktikum di peringkat Ijazah Sarjana Muda di antara 900 – 1000 jam.</b>	

## 6.7 TAKRIFAN JENIS KURSUS

<b>Nama</b>	<b>Kod</b>	<b>Takrifan</b>
Kursus Teras	T	Kursus teras dalam Program Sarjana Muda Kerja Sosial terdiri daripada Kursus Teras Sains Kemasyarakatan dan Kursus Teras Kerja Sosial.
Kursus Elektif	E	Kursus elektif ialah kursus-kursus yang ditawarkan dalam pakej penawaran kursus Ijazah Sarjana Muda Kerja Sosial seperti yang telah ditetapkan dalam Bahagian 6.2.2.
Kursus yang ditawarkan dalam Bahasa Inggeris	-	Kursus yang mempunyai huruf E dalam kod kursus ialah kursus yang ditawarkan dalam Bahasa Inggeris. Pelajar wajib melengkapkan 3 kursus Teras Kerja Sosial (SSW322E Dasar dan Perancangan Sosial, SSW411E Organisasi dan Pentadbiran Khidmat Manusia dan SSW413E Seminar Kerja Sosial) yang ditawarkan dalam Bahasa Inggeris.
Kursus Opsyen	U	Kursus opsyen ialah kursus-kursus di luar Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan. Kursus opsyen diambil bagi menggantikan kursus-kursus Ko-Kurikulum dan kursus-kursus kemahiran.
Kursus Prasyarat	-	Kursus prasyarat ialah kursus yang perlu diambil sebelum kursus peringkat seterusnya diambil. Dalam Program Sarjana Muda Kerja Sosial, terdapat kursus yang memerlukan pelajar mengambil kursus pra-syarat sebelum boleh mengambil kursus yang seterusnya. Pelajar wajib mengambil dan lulus kursus SSW112 Kemahiran Asas Kerja Sosial (Makmal) sebelum mengambil kursus SSW224 Praktikum I.
Kursus Audit	Y	Secara prinsip, pihak universiti membenarkan pelajar mendaftar kursus-kursus secara audit bagi menambah pengetahuan mereka. Namun begitu, unit untuk kursus-kursus audit tidak diambil kira untuk tujuan pengijazahan.

## BAB 7

### RANCANGAN MINOR

#### 7.0 PENGENALAN

Kursus minor adalah satu pakej kursus berjumlah **20 unit** yang ditawarkan oleh sesuatu bidang pengkhususan di Universiti Sains Malaysia. Rancangan minor bertujuan untuk memperkukuhkan konsep pengajian antara disiplin bertujuan untuk memperluaskan pengetahuan serta meningkatkan keupayaan pelajar untuk bersaing dalam pasaran kerja. Pelajar dinasihatkan mengambil pakej minor yang sesuai dengan rancangan pengajian.

Pelajar-pelajar Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan dan Sarjana Muda Ekonomi mesti memilih satu pakej kursus minor di luar bidang masing-masing. Pelajar boleh memilih pakej minor dari dalam atau luar Pusat Pengajian.

Sila ambil perhatian struktur pakej minor berbeza untuk Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan dan Sarjana Muda Ekonomi kecuali Minor Psikologi dan Minor Pengajian Asia Tenggara.

#### 7.1 RANCANGAN MINOR DARI PUSAT PENGAJIAN SAINS KEMASYARAKATAN

Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan menawarkan beberapa bidang minor.

##### 7.1.1 Antropologi dan Sosiologi

Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan			Sarjana Muda Ekonomi/ Pusat Pengajian Lain		
<b>Wajib (4 Unit)</b>			<b>Wajib (7 Unit)</b>		
Kod Kursus	Nama Kursus	Unit	Kod Kursus	Nama Kursus	Unit
SAW206	Teori Antropologi dan Sosiologi	4	SKW110	Pengantar Antropologi dan Sosiologi	3
			SAW206	Teori Antropologi dan Sosiologi	4
<b>Pilihan (16 Unit)</b>			<b>Pilihan (13 Unit)</b>		
Kod Kursus	Nama Kursus	Unit			
SAU200	Sosiologi Keluarga	3			
SAU217	Hubungan Industri	4			
SAU219E	Ekonomi, Keusahawanan dan Budaya	3			
SAU220E	Gender, Ideologi dan Kuasa	3			
SAU222	Ketaksamaan Sosial	3			
SAU300E	Pekerjaan dan Kehidupan	4			
SAU321	Antropologi Pelancongan	3			
SAU322	Antropologi Perubatan	3			
SAU323	Antropologi dan Alam Sekitar	4			
SAU324	Agama dan Hubungan Sosial	3			
SAU325	Hubungan Etnik dan Rasisme	3			
SAU326	Masyarakat Maklumat	3			
SAU327	Sosiologi Politik	3			
SAU404	Etnografi	3			
SAU407	Sosiologi Kehidupan Sehari-hari	3			

### 7.1.2 Perancangan dan Pengurusan Pembangunan

Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan			Sarjana Muda Ekonomi/ Pusat Pengajian Lain		
<b>Wajib (10 Unit)</b>			<b>Wajib (13 Unit)</b>		
Kod Kursus	Nama Kursus	Unit	Kod Kursus	Nama Kursus	Unit
SBW205	Teori dan Isu Pembangunan	3	SKW101	Pengantar Perancangan dan Pengurusan Pembangunan	3
SBW206	Dasar Ekonomi dan Pembangunan Malaysia	3	SBW205	Teori dan Isu Pembangunan	3
SBW209	Pengurusan Pembangunan	4	SBW206	Dasar Ekonomi dan Pembangunan Malaysia	3
			SBW209	Pengurusan Pembangunan	4
<b>Pilihan (10 Unit)</b>			<b>Pilihan (7 Unit)</b>		
Kod Kursus	Nama Kursus	Unit			
SBU200	Analisis Pelaburan Projek	3			
SBU201	Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah	3			
SBU210	Pembangunan Bandar	3			
SBU211E	Isu-isu Perbandaran	3			
SBU220	Masyarakat dan Teknologi	3			
SBU230	Demografi dan Perancangan Tenaga Manusia	3			
SBU233E	Pendidikan, Latihan dan Sumber Manusia	3			
SBU305	Kependudukan, Pembangunan dan Sumber Asli	3			
SBU307	Gender dan Pembangunan	3			
SBU310	Kemiskinan dan Pembangunan	3			
SBU313	Kerajaan Tempatan dan Undang-undang Perbandaran	4			
SBU326E	Perindustrian dan Pembangunan Antarabangsa	3			
SBU346	Pengurusan Sistem Kesihatan	3			
SBU347	Pembangunan dan Pentadbiran Tanah	3			
SBU348	Penilaian Impak Sosial dan Alam Sekitar	4			
SBU349	Pertanian dan Pembangunan	3			
SBU350	Pembangunan Dalam Islam	3			
SBU411E	Alam Sekitar dan Pembangunan	4			

### 7.1.3 Ekonomi

Pakej Minor Ekonomi **TIDAK** ditawarkan kepada pelajar Sarjana Muda Ekonomi.

<b>Wajib (6 Unit)</b>		
Kod Kursus	Nama Kursus	Unit
SEW101	Mikroekonomi	3
SEW103	Makroekonomi	3
<b>Pilih tiga kursus (9 Unit)</b>		
Kod Kursus	Nama Kursus	Unit
SEP206	Ekonomi Malaysia	3
SEU227	Ekonomi Pembangunan	3
SEU230	Ekonomi Buruh	3
SEU231	Ekonomi Islam	3
<b>Pilih dua kursus (6 Unit)</b>		
Kod Kursus	Nama Kursus	Unit
SEU224	Ekonomi Pemasaran Pertanian dan Koperasi	3
SEU332	Ekonomi Perlakuan	3
SEU334	Wang Perbankan dan Pasaran Kewangan	3
SEU336E	Ekonomi Persekitaran dan Sumber Asli	3
SEU339E	Perancangan Ekonomi dan Analisis Projek	3

\* Pelajar minor Ekonomi hanya dibenarkan mendaftar kursus-kursus wajib pada Semester 2. Pendaftaran kursus wajib pada semester pertama dibenarkan untuk pelajar Sarjana Muda Ekonomi dan Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (Major Ekonomi) sahaja..

### 7.1.4 Sains Politik

Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan			Sarjana Muda Ekonomi/ Pusat Pengajian Lain		
<b>Wajib (10 Unit)</b>			<b>Wajib (9 Unit)</b>		
Kod Kursus	Nama Kursus	Unit	Kod Kursus	Nama Kursus	Unit
SPW202	Perhubungan Antarabangsa	4	SKW105	Pengantar Sains Politik	3
SPW205	Falsafah Politik	3	SPU205	Kerajaan dan Politik Malaysia	3
SPW209	Politik Perbandingan	3	SPW205	Pengantar Falsafah Politik	3
<b>Pilihan (10 Unit)</b>			<b>Pilihan (11 Unit)</b>		
Kod Kursus	Nama Kursus	Unit	Kod Kursus	Nama Kursus	Unit
SPW201	Pentadbiran Awam	4	SPW201	Pentadbiran Awam	4
SPU205	Kerajaan dan Politik Malaysia	3	SPW202	Perhubungan Antarabangsa	4
SPU208E	Asas-asas Dasar Awam	3	SPU208E	Asas-asas Dasar Awam	3
SPU314E	Politik Antarabangsa dan Kerjasama Serantau	4	SPW209	Politik Perbandingan	3
SPU322	Teori dan Praktik	3	SPU314E	Politik Antarabangsa dan	4



	Penyelesaian Konflik			Kerjasama Serantau	
SPU323E	Pengurusan Sektor Awam	3	SPU322	Teori dan Praktik Penyelesaian Konflik	3
SPU324	Transformasi Konflik dan Pembinaan Perdamaian	3	SPU323E	Pengurusan Sektor Awam	3
SPU325	Politik Asia Tenggara	3	SPU324	Tranformasi Konflik dan Pembinaan Perdamaian	3
SPU326E	Kerajaan Demokratik	4	SPU325	Politik Asia Tenggara	3
SPU327	Strategi dan Kemahiran Penyelesaian Konflik	3	SPU326E	Kerajaan Demokratik	3
SPU329E	Ideologi-ideologi Dunia Ketiga	3	SPU327	Strategi dan Kemahiran Penyelesaian Konflik	3
SPU404	Seminar Politik Malaysia	3	SPU329E	Ideologi Dunia Ketiga	3
SPU406	Seminar Pentadbiran Awam	3	SPU403	Seminar Perhubungan Antarabangsa	3
			SPU404	Seminar Politik Malaysia	3
			SPU406	Seminar Pentadbiran Awam	3

### 7.1.5 Hubungan Antarabangsa

Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan			Sarjana Muda Ekonomi/ Pusat Pengajian Lain		
<b>Wajib (10 Unit)</b>			<b>Wajib (10 Unit)</b>		
Kod Kursus	Nama Kursus	Unit	Kod Kursus	Nama Kursus	Unit
SPW202	Perhubungan Antarabangsa	4	SKW105	Pengantar Sains Politik	3
SPW209	Politik Perbandingan	3	SPW202	Perhubungan Antarabangsa	4
SPU325	Politik Asia Tenggara	3	SPW209	Politik Perbandingan	4
<b>Pilihan (10 Unit)</b>			<b>Pilihan (10 Unit)</b>		
Kod Kursus	Nama Kursus	Unit	Kod Kursus	Nama Kursus	Unit
SPU322	Teori dan Praktik Penyelesaian Konflik	3	SPU322	Teori dan Praktik Penyelesaian Konflik	3
SPU329E	Ideologi-ideologi Dunia Ketiga	3	SPU324	Transformasi Konflik dan Pembinaan Perdamaian	3
SPU314E	Politik Antarabangsa dan Kerjasama Serantau	4	SPU325	Politik Asia Tenggara	3
SPU324	Transformasi Konflik dan Pembinaan Perdamaian	3	SPU326E	Kerajaan Demokratik	3
SPU326E	Kerajaan Demokratik	3	SPU327	Strategi dan Kemahiran Penyelesaian Konflik	3
SPU327	Strategi dan Kemahiran Penyelesaian Konflik	3			
SPU403	Seminar Perhubungan Antarabangsa	3			

### 7.1.6 Dasar dan Pentadbiran Awam

Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan			Sarjana Muda Ekonomi/ Pusat Pengajian Lain		
<b>Wajib (10 Unit)</b>			<b>Wajib (10 Unit)</b>		
Kod Kursus	Nama Kursus	Unit	Kod Kursus	Nama Kursus	Unit
SPW201	Pentadbiran Awam	4	SKW105	Pengantar Sains Politik	3
SPU208E	Asas-asas Dasar Awam	3	SPW201	Pentadbiran Awam	4
SPU205	Kerajaan dan Politik Malaysia	3	SPU208E	Asas-asas Dasar Awam	3
<b>Pilihan (10 Unit)</b>			<b>Pilihan (10 Unit)</b>		
Kod Kursus	Nama Kursus	Unit	Kod Kursus	Nama Kursus	Unit
SPU322	Teori dan Praktik Penyelesaian Konflik	3	SPW209	Politik Perbandingan	4
SPU326E	Kerajaan Demokratik	3	SPU205	Kerajaan dan Politik Malaysia	3
SPU329E	Ideologi Dunia Ketiga	3	SPU322	Teori dan Praktik Penyelesaian Konflik	3
SPU404	Seminar Politik Malaysia	3	SPU323E	Pengurusan Sektor Awam	3
SPU406	Seminar Pentadbiran Awam	3	SPU326E	Kerajaan Demokratik	3
			SPU329E	Ideologi Dunia Ketiga	3
			SPU404	Seminar Politik Malaysia	3
			SPU406	Seminar Pentadbiran Awam	3

### 7.1.7 Psikologi

Struktur pakej Minor Psikologi adalah sama untuk Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan dan Sarjana Muda Ekonomi.

<b>Wajib (4 Unit)</b>		
Kod Kursus	Nama Kursus	Unit
STU231	Asas-Asas Psikologi	4
<b>Pilihan (16 Unit)</b>		
Kod Kursus	Nama Kursus	Unit
STU241	Psikologi Kesihatan	4
STU242	Psikologi Sosial	4
STU243	Psikologi Perkembangan	4
STU244	Psikologi Tak Normal	4
STU245	Psikologi Positif	4
STU338	Kaunseling	4

### 7.1.8 Pengajian Asia Tenggara (*Southeast Asian Studies*)

Kod Kursus	Nama Kursus	Unit
SEA301	<i>Politics and Regionalism in ASEAN</i>	4
SEA302	<i>Economic Transformation in Southeast Asia</i>	4
SEA303	<i>Societies and Cultures of the Nusantara</i>	4
SEA306	<i>Independent Studies</i>	4

Selain daripada kursus-kursus di atas, pelajar perlu mengambil satu kursus yang ditawarkan sepenuhnya dalam Bahasa Inggeris di Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan iaitu SPU314E/3 *International Politics and Regional Cooperation* dan SAU300E/4 *Work and Life*.

## 7.2 RANCANGAN MINOR DARI PUSAT-PUSAT PENGAJIAN LAIN

Pelajar Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan juga dibenarkan memilih bidang minor yang ditawarkan oleh Pusat-Pusat Pengajian lain.

Bil.	Minor	Pusat Pengajian
1.	(a) Bahasa Inggeris	Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
	(b) Bahasa Malaysia	
	(c) Falsafah dan Tamadun	
	(d) Geografi	
	(e) Kesusasteraan	
	(f) Pengajian Islam	
	(g) Sejarah	
	(h) Terjemahan dan Interpretasi	
2.	Pengurusan	Pusat Pengajian Pengurusan
3.	Komunikasi	Pusat Pengajian Komunikasi
4.	(a) Bahasa Jepun	Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan
	(b) Bahasa Cina	
	(c) Bahasa Arab Komunikasi	
	(d) Bahasa Perancis	
	(e) Bahasa Inggeris untuk Professional	
5.	(a) Seni Halus	Pusat Pengajian Seni
	(b) Grafik Komunikasi	
	(c) Lakonan	
	(d) Pengarahan	
	(e) Sinografi	
	(f) Seni Persembahan dan Pedagogi	
	(g) Teknologi Muzik	
	(h) Sains Warisan	
6.	(a) Teknologi Biosumber, Kertas dan Penglitup	Pusat Pengajian Teknologi Industri
	(b) Teknologi Makanan	
	(c) Teknologi Persekitaran	
7.	(a) Sains Komputer	Pusat Pengajian Sains Komputer
	(b) Teknologi Maklumat	
8.	Astronomi	Pusat Pengajian Sains Fizik
9.	Biologi	Pusat Pengajian Sains Kajihayat
10.	Sains Kimia	Pusat Pengajian Sains Kimia
11.	Matematik	Pusat Pengajian Matematik
12.	Arkeologi	Pusat Penyelidikan Arkeologi Global
13.	Kelestarian	Pusat Kajian Kelestarian Global

## **BAB 8**

### **MAKLUMAT LAIN PUSAT PENGAJIAN**

#### **8.1 SISTEM PENASIHATAN AKADEMIK**

Untuk membantu menyelesaikan isu-isu yang berkaitan dengan pengajian pelajar, setiap pelajar diberikan seorang Penasihat Akademik dalam kalangan pensyarah Pusat Pengajian. Pelajar Tahun Pertama pada Semester I dibahagikan secara umum, manakala mulai Semester II, mereka diberikan seorang penasihat mengikut bidang pengkhususan mereka. Tugas Penasihat Akademik ialah untuk memberi nasihat tentang pendaftaran kursus-kursus sewaktu pendaftaran bagi setiap semester serta perkara-perkara yang berkaitan dengan proses pembelajaran. Selain dari itu, Penasihat Akademik perlu membantu pelajar dalam menyelesaikan apa juga masalah yang boleh menjejaskan prestasi pelajar serta membuat rujukan ke bahagian-bahagian yang tertentu sekiranya masalah pelajar memerlukan intervensi dari pihak-pihak lain.

#### **8.2 JAWATANKUASA PENSYARAH-PELAJAR**

Hubungan pensyarah-pelajar disalurkan melalui Jawatankuasa Pensyarah-Pelajar. Jawatankuasa ini telah ditubuhkan di Pusat Pengajian bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan di antara pensyarah dan pelajar bagi membincangkan masalah bersama. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Timbalan Dekan (Akademik, Kerjaya dan Antarabangsa) dan diwakili oleh Pengerusi-pengerusi Rancangan dan wakil-wakil pelajar Tahun I serta pelajar-pelajar daripada semua bidang pengkhususan Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan.

Jawatankuasa ini bertindak sebagai mekanisme maklum balas daripada para pelajar dalam hal-hal akademik, pengajaran dan pembelajaran, kebajikan, aktiviti bukan akademik, kemudahan yang disediakan dan lain-lain. Dari perbincangan dua-hala ini diharapkan sebarang kerumitan dan salah anggap dapat dihindarkan.

#### **8.3 HADIAH PINGAT EMAS, HADIAH BUKU, HADIAH KEPUJIAN DAN ANUGERAH SIJIL DEKAN**

Hadiah-hadiah pingat emas dianugerahkan kepada pelajar tahun akhir Universiti Sains Malaysia yang memperolehi pencapaian yang cemerlang dalam segala lapangan. Selain daripada hadiah-hadiah umum ini, pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan juga boleh memenangi hadiah pingat emas dan hadiah buku yang diberikan kepada pelajar yang terbaik keseluruhannya dan mengikut pengkhususan. Pelajar-pelajar cemerlang Tahun 1 dan 2 dalam satu Sidang Akademik akan dicalonkan ke pihak Bahagian Hal Ehwal Pembangunan Pelajar & Alumni (BHEPPA) untuk anugerah Pelajar Terbaik Sidang Akademik berkenaan. Hadiah-hadiah kepujian ini bertujuan memberi pengiktirafan kepada pelajar-pelajar cemerlang dan juga merupakan satu galakan kepada pelajar-pelajar untuk berusaha bersungguh-sungguh bagi mencapai keputusan peperiksaan yang cemerlang. Butir-butir lanjut mengenai hadiah-hadiah ini adalah seperti berikut.

**HADIAH PINGAT EMAS USM UNTUK IJAZAH SARJANA MUDA**

**[i] Hadiah Pingat Emas Canselor**

Dianugerahkan kepada pelajar tahun akhir yang terbaik dalam segala lapangan.

**[ii] Anugerah Pelajaran DiRaja oleh Majlis Raja-Raja Malaysia**

Dianugerahkan kepada pelajar yang terbaik dalam segala lapangan.

- Pelajar Bumiputra.

- Bukan Bumiputra.

**[iii] Hadiah Pingat Emas USM Pelajar Wanita Terbaik**

Dihadiahkan oleh Persatuan Wanita Universiti Sains Malaysia kepada pelajar wanita terbaik dalam segala lapangan.

**[iv] Hadiah Pingat Emas USM Pelajar Kelainan Upaya (PKU)**

Dianugerahkan oleh M. K. Baskaran Nair kepada Pelajar Kelainan Upaya terbaik.

**HADIAH PINGAT EMAS USM UNTUK IJAZAH SARJANA MUDA SAINS KEMASYARAKATAN (KEPUJIAN)**

**[i] Hadiah Pingat Emas USM Bagi Peringatan Puan Seri Haseenah Abdoolcader**

Dihadiahkan oleh Tan Sri Dato' Seri Eusoffe Abdoolcader atas memperingati Puan Seri Haseenah Abdoolcader kepada pelajar tahun akhir yang terbaik bagi **Ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (Kepujian)**.

**HADIAH PINGAT EMAS USM UNTUK IJAZAH SARJANA MUDA EKONOMI (KEPUJIAN)**

**[i] Hadiah Pingat Emas USM Peringatan P.P Narayanan**

Dianugerahkan atas memperingati P.P Narayanan kepada pelajar tahun akhir yang terbaik bagi **Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian)**.

**HADIAH PINGAT EMAS USM UNTUK IJAZAH SARJANA MUDA KERJA SOSIAL (KEPUJIAN)**

**[i] Hadiah Pingat Emas USM Yayasan LIN**

Dihadiahkan oleh Yayasan LIN atas memperingati Puan Y.C. Lin kepada pelajar tahun akhir yang terbaik bagi **Ijazah Sarjana Muda Kerja Sosial (Kepujian)**.

#### **HADIAH PINGAT EMAS USM BAGI BIDANG PENGAJIAN**

- [i] **Hadiah Pingat Emas USM Kelab Rotary Pulau Pinang**  
Diberi kepada pelajar tahun akhir yang terbaik dalam bidang **Ekonomi** -  
dihadiahkan oleh Kelab Rotary Pulau Pinang.
- [ii] **Hadiah Pingat Emas USM Peringatan Puan Bishen Kaur**  
Diberi kepada pelajar tahun akhir yang terbaik dalam bidang **Perancangan  
dan Pengurusan Pembangunan**
- [iii] **Hadiah Pingat Emas USM Sunsuria Holdings Sdn. Bhd.**  
Diberi kepada pelajar tahun akhir yang terbaik dalam bidang **Antropologi  
dan Sosiologi** – dihadiahkan oleh Sunsuria Holdings Sdn. Bhd.

#### **HADIAH BUKU USM BAGI BIDANG PENGAJIAN**

- [i] Hadiah Buku USM untuk pelajar tahun akhir yang terbaik dari Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan yang mengkhusus dalam bidang **Ekonomi** dihadiahkan oleh Persatuan Ekonomi Malaysia (Wilayah Utara).
- [ii] Hadiah Buku USM untuk pelajar tahun akhir yang terbaik dalam bidang **Kerja Sosial** dari Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan - dihadiahkan oleh Dato' K. Ponnampalam untuk memperingati Suseeladevi a/p Ponnampalam.
- [iii] Hadiah Buku USM untuk pelajar tahun akhir yang terbaik dalam bidang **Perancangan Dan Pengurusan Pembangunan** dihadiahkan oleh Tetuan Presgrave dan Matthews.

#### **HADIAH KEPUJIAN**

Hadiah Kepujian akan diberikan oleh USM kepada pelajar Tahun 1, Tahun 2 dan Tahun 3 Ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan yang mencapai keputusan peperiksaan yang cemerlang dalam satu Sidang Akademik. Pelajar-pelajar cemerlang Tahun 1 dan Tahun 2 dalam satu Sidang Akademik akan dicalonkan ke pihak Bahagian Hal Ehwal Pembangunan Pelajar & Alumni (BHEPPA) untuk Anugerah Pelajar Terbaik sidang Akademik berkenaan.

#### **ANUGERAH SIJIL DEKAN**

Pelajar-pelajar yang mencapai PNG 3.50 ke atas bagi minimum 14 unit kursus yang didaftarkan akan dianugerahkan Sijil Dekan bagi semester berkenaan.

### **8.4 SKIM BELAJAR KE LUAR NEGARA**

Untuk maklumat lanjut, sila layari <http://www.imcc@usm.my> atau hubungi Pusat Mobiliti dan Kolaborasi Antarabangsa (IMCC) di talian +604-6532777/2774.

## **BAB 9**

### **SINOPSIS KURSUS**

#### **9.1 KURSUS PUSAT PENGAJIAN**

##### **SKU301/4 Pengajian Bebas**

Kursus ini bersifat topikal mengikut keperluan pelajar dan hanya ditawarkan untuk kes-kes tertentu sahaja.

##### **SKW101/3 Pengantar Perancangan dan Pengurusan Pembangunan**

Kursus ini merupakan kursus pengantar kepada bidang perancangan dan pengurusan pembangunan. Pelajar akan didedahkan kepada beberapa konsep asas dalam bidang ini supaya mereka lebih memahami proses pembangunan yang berlaku di dalam dan luar negara. Kepentingan dan sumbangan proses perancangan serta pengurusan dalam pembangunan juga turut diberi penekanan dalam kursus ini. Pelajar juga berpeluang mendapat pendedahan tentang konsep pembangunan secara lebih komprehensif melalui pengenalan kepada pengkhususan yang ada dalam bidang pengajian ini.

##### **SKW105/3 Pengantar Sains Politik**

Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para pelajar mengenai asas-asas utama Ilmu Politik. Penegasan pengajaran dan pembelajaran kursus ini akan diberikan kepada aspek konsep dan teori serta aplikasinya dalam kehidupan alam nyata. Sehubungan dengan itu adalah diharapkan para pelajar akan berkebolehan membuat penganalisaan yang wajar kepada isu-isu politik persekitarannya. Diharapkan juga di akhir kursus ini para pelajar akan sentiasa peka kepada persekitaran politik dan berkebolehan untuk menjadi penyumbang aktif dalam mencari jalan penyelesaian kepada permasalahan politik masyarakatnya. Perkara ini adalah sangat penting kerana kemahiran dalam bidang ilmu politik boleh mempengaruhi kehidupan manusia sejangat.

##### **SKW109/3 Pengantar Isu-Isu Ekonomi**

Kursus ini meliputi prinsip-prinsip dan teori-teori utama mikroekonomi dan makroekonomi yang diguna untuk menjelaskan dan menganalisis masalah-masalah dan isu-isu ekonomi. Secara khusus, fokus kursus ini pada peringkat mikro ialah perlakuan pengguna dan firma, interaksi pengguna dengan firma dalam pasaran, manakala fokusnya pada peringkat makro ialah perbincangan tentang sistem-sistem ekonomi, sektor benar dan sektor wang.

##### **SKW110/3 Pengantar Antropologi dan Sosiologi**

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada asas-asas bidang Antropologi dan Sosiologi. Sosiologi ialah bidang kajian mengenai kehidupan sosial, perubahan sosial serta sebab dan akibat sosial tingkah laku manusia. Ahli Sosiologi mengkaji struktur kumpulan, organisasi dan masyarakat, dan melihat bagaimana manusia berinteraksi dalam konteks-konteks tersebut. Antropologi pula ialah kajian tentang kehidupan sosial manusia dan budaya kumpulan kecil. Pendekatan makro dan mikro digunakan dalam mengkaji proses sosial kumpulan-kumpulan ini dengan menggunakan konsep-konsep seperti sosialisasi,



interaksi, stratifikasi, peranan dan kawalan sosial. Kursus ini juga mengkaji dinamika komuniti dengan meneliti sumber dan pola perubahan sosial, hubungan manusia dan persekitaran sosial.

### **SKW123/3 Statistik Untuk Sains Sosial**

Kursus ini merupakan kursus yang bersifat pengenalan kepada statistik khusus untuk pelajar sains kemasyarakatan. Kursus ini akan memperkenalkan pelajar kepada jenis data yang digunakan dalam analisis statistik dan analisis yang bersesuaian dengan data-data tersebut. Kursus ini membantu persembahan data. Kursus ini akan memperkenalkan statistik deskriptif dan inferential. Kursus ini memperkenalkan analisis bersifat univariat dan bivariat kepada pelajar.

### **SKW124/3 Penyelidikan Sosial: Kaedah Kuantitatif dan Kualitatif**

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada pelbagai falsafah dan teknik kaedah kuantitatif dan kualitatif untuk mengkaji secara saintifik dan sistematik tentang fenomena sosial. Kursus ini juga menekankan interaksi antara teori dan proses penyelidikan. Tumpuan juga akan diberikan kepada prosedur umum dan isu epistemologikal serta teknik-teknik konkrit penyelidikan kuantitatif dan kualitatif.

### **SKW321/3 Falsafah Sains Sosial**

Pengajian Sains Sosial merupakan suatu bidang ilmu yang sangat luas dan subjektif. Bagi memastikan ia difahami secara tepat dan mendasar, kursus ini bertujuan memperkenalkan falsafah bagi pengajian sains sosial. Falsafah ini merangkumi pengertian konsep ilmu pengetahuan dan sifat-sifatnya termasuk persoalan dan keperluan melihat kajian sains sosial sebagai suatu yang menyeluruh. Ia juga akan mengupas bagaimana falsafah sains sosial memberi kesan kepada kaedah penyelidikan dan kajian lapangan. Salah satu konsep asas yang akan diperkenalkan adalah kelestarian ilmu dalam konteks sains sosial. Kursus ini juga akan melihat implikasi ideal kajian sains sosial dalam melihat kejadian semasa. Perbincangan tentang falsafah tersebut akan merujuk kepada teori-teori asas yang digunakan dalam disiplin sains sosial Barat dan Asia. Ia akan membincangkan pendekatan dalam sejarah dan juga perspektif dan aliran yang baru diperkembangkan atau menerima perhatian bagi memperlihatkan keutamaan ilmu tempatan dan global dan keperibumian ilmu sains sosial. Beberapa persoalan utama yang akan diterokai adalah melihat fitrah sains dan melihat falsafah serta metodenya. Adakah sains tulen boleh menjadi model kepada sains sosial. Bagi tujuan ini persamaan dan perbandingan keduanya akan dibahaskan dari sudut epistemologi, ontologi dan akan dibincangkan dengan melihat kepada topik penghujahan sosial dan perundangan, functionalisme dan behaviorisme, penterjemahan dan pengertian, rationalisme (kefahaman rentas budaya), individualisme dan holisme dan sebagainya. Contoh akan diberikan dari bidang ekonomi, politik, dan pembangunan.

## **9.2 ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI**

### **SAU200/3 Sosiologi Keluarga**

Kursus Sosiologi Keluarga mengajak pelajar memikirkan institusi tertua dalam masyarakat iaitu keluarga dari segi perspektif sosiologi. Peranan dan kepentingan institusi ini akan diketengahkan di samping melihat peranan ahli dalam institusi ini. Kursus ini juga akan membincangkan perubahan keluarga dari sudut sejarah sambil melihat faktor-faktor yang menyumbang kepada perubahan ini seperti industrialisasi, pergerakan wanita dan globalisasi. Isu berkaitan keluarga yang akan diketengahkan ialah hubungan lelaki dan perempuan (termasuk fenomena “dating”), perkahwinan dan perceraian, keganasan rumahtangga, membesarkan anak (“parenting”) dan kemiskinan. Struktur keluarga yang akan dilihat dalam mengupas isu-isu ini termasuk keluarga besar, keluarga nuklear, keluarga tanpa ibu atau bapa (“female-headed family” and “male-headed family”). Perbincangan dalam kursus ini akan berorientasikan institusi keluarga di Malaysia. Di samping itu, kursus ini juga mengambil pendekatan perbandingan dengan melihat bagaimana peranan dan perubahan institusi keluarga di negara lain termasuk Jepun dan Amerika Syarikat.

### **SAU217/4 Hubungan Industri**

Kursus ini membekalkan satu kerangka konsep dan pengetahuan kepada pelajar untuk memahami dan menganalisis pendekatan-pendekatan terhadap hubungan industri atau pekerja, peranan utama peserta, isu-isu yang dihadapi oleh mereka dan strategi-strategi serta proses yang digunakan. Kursus ini membahagikan subjek tersebut kepada empat bahagian. Bahagian I (Perspektif) memperkenalkan kepada pelajar pelbagai konsep dan pendekatan utama untuk mengkaji dan memahami hubungan industri. Bahagian II (Peserta) memeriksa fungsi, organisasi dan isu-isu yang dihadapi oleh peserta-peserta utama dalam hubungan industri - Kesatuan Sekerja, pengurusan dan kerajaan. Bahagian III (Proses) memeriksa pelbagai proses yang digunakan oleh peserta dalam menentukan dan mengendalikan hubungan industri. Bahagian IV (Amalan) memeriksa hasil berkenaan hubungan peserta dalam dua bahagian yang luas - bahagian substantif berkenaan upah dan peraturan kerja serta prosedur berkenaan rungutan, disiplin dan pekerja lebihan.

### **SAU219E/3 Ekonomi, Keusahawanan dan Budaya**

Kursus Ekonomi, Budaya dan Keusahawanan merangkumi tindakan ekonomi, hubungan, dan proses dalam lingkungan persekitaran sosial. Ia membincangkan perbezaan dan integrasi semula ekonomi dan masyarakat, daya maju pasaran sebagai institusi ekonomi, pemusatan kuasa dalam kehidupan ekonomi, kepentingan nilai ekonomi dan budaya ekonomi serta globalisasi ekonomi dan masyarakat. Khususnya, kursus ini menarik perhatian kepada andaian-andaian asas bahawa pemahaman yang mendalam tentang ekonomi dan keusahawanan memerlukan perhatian terhadap bagaimana struktur sosial dan institusi membentuk saluran maklumat, kepercayaan, kerjasama, norma, prinsip moral, kuasa dan dominasi dalam tindakan dan interaksi ekonomi. Ia menganalisis fenomena ekonomi dengan menggunakan pendekatan sosiologi seperti menganalisis

pasaran, syarikat korporat, masyarakat, jaringan, agama, etnik, gender, nilai, persekitaran dan peranan kerajaan dalam ekonomi.

### **SAU220E/3 Gender, Ideologi dan Kuasa**

Kursus ini menyediakan pengetahuan sosiologi gender tentang bagaimana keperempuanan dan kelakian diberi makna dalam masyarakat dan implikasi proses ini terhadap identiti sendiri, seksualiti, kerja dan aspek sosial yang lain. Kursus ini memberi tumpuan pada tema-tema seperti perbezaan gender, ketaksamaan gender, penindasan gender dan feminisme gelombang ketiga. Tema-tema dibincangkan dalam topik-topik tertentu, seperti gender dan kerja, ideologi patriarki, gender dan komunikasi dan sebagainya.

### **SAU222/3 Ketaksamaan Sosial**

Kursus ini melihat kepada kerangka sosiologi untuk memahami ketaksamaan sosial dalam masyarakat kita dan mengapakah ketaksamaan sosial wujud. Kursus ini juga melihat kepada hubungan resiprokal dalam isu gender, etnik dan kelas ke atas kewujudan ketaksamaan sosial. Beberapa teori sosial yang mengupas persoalan ketaksamaan juga diberikan tumpuan.

### **SAU300E/4 Pekerjaan and Kehidupan**

Kursus ini merupakan kursus yang menggunakan pendekatan sosiologi untuk memahami pekerjaan dalam masyarakat moden. Kursus ini melihat pelbagai konsep dan teori dalam bidang Sosiologi Pekerjaan dan bagaimana teori-teori ini digunakan untuk memahami dunia pekerjaan. Pekerjaan telah berubah apabila masyarakat berubah. Oleh yang demikian, kursus ini melihat kepada perubahan yang berlaku dalam dunia pekerjaan yang dipengaruhi oleh globalisasi dan teknologi.

### **SAU321/3 Antropologi Pelancongan**

Kursus ini menganalisis pelancongan sebagai satu fenomena sosial yang mengandungi tingkah laku ritual (*ritualized behaviors*) dan makna-makna yang kompleks bagi kedua-dua buah masyarakat yang terlibat iaitu pelancong dan juga negara tuan rumah. Kursus ini juga menyelami isu-isu autentisiti budaya dan artistik, penghasilan identiti dan pemasaran (*identity production and marketing*). Dengan menyelami fenomena konsumerisme, komodifikasi (*commodification*) dan pempakejan budaya (*packaging of cultures*), kursus ini menjelaskan bagaimana pelancongan menjadi asas faktor sosio-budaya dalam pembentukan identiti diri sebagai tuan rumah dan tetamu. Aspek simbolik pelancongan juga disentuh, termasuk penciptaan tempat-tempat yang suci (*sacred*) dan simbolik di Malaysia dan luar negara. Pelajar juga akan didedahkan kepada pelbagai mekanisma yang boleh digunakan untuk memaksimumkan perolehan pelancongan secara terus kepada komuniti tempatan melalui pendekatan pelancongan berasaskan pelancongan.

### **SAU322/3 Antropologi Perubatan**

Kursus ini mengkaji isu seperti penyakit, kesakitan, sembuh dari penyakit dari sudut antropologi. Ia juga melihat bagaimana masyarakat yang berbeza budaya melihat dan menginterpretasikan penyakit dan juga tubuh badan. Kursus ini akan membincangkan topik-topik utama dalam Antropologi Perubatan, teori-teori yang dibangunkan serta

kaedah mengkaji topik berkaitan dari sudut antropologi. Pendekatan antropologi yang diambil mengajak pelajar membincangkan kes-kes kajian di kalangan kelompok-kelompok masyarakat berbeza baik di dalam mahupun di luar Malaysia. Kes-kes kajian mengenai bagaimana mereka mengalami dan menginterpretasikan penyakit, kesakitan dan cara penyembuhan akan dibincang. Ia juga melihat konflik dari sudut penerimaan dan kefahaman apabila perubahan moden dibawa ke kelompok-kelompok ini.

#### **SAU323/4 Antropologi dan Alam Sekitar**

Kursus ini merupakan kursus pengenalan kepada kajian hubungan manusia dengan persekitaran mereka yang lebih menjurus kepada masyarakat tempatan yang terpinggir. Kursus ini juga adalah pengenalan kepada teori dan perspektif antropologi terhadap perhubungan manusia dengan alam sekitar, khususnya Antropologi Alam Sekitar. Kursus ini melihat cara bagaimana masyarakat-masyarakat yang dikaji berinteraksi dari segi budaya, politik dan ekonomi dengan persekitaran mereka. Lazimnya, interaksi ini berlaku dalam bentuk pengurusan sumber asli tempatan. Dalam bidang Antropologi, kajian hubungan antara manusia dan persekitaran ini dipanggil Antropologi Ekologi atau Antropologi Alam Sekitar yang cuba melihat persepsi dan interaksi manusia dengan persekitaran fizikal, biologi dan politik mereka. Antara topik yang akan disentuh ialah strategi subsisten, perubahan yang dilakukan oleh manusia terhadap persekitaran mereka, kelestarian sumber asli, ilmu persekitaran tempatan, dan kesan daripada pelbagai dasar kerajaan untuk mengawal alam sekitar seperti penubuhan hutan simpanan dan taman negara. Pada akhir kursus ini, pelajar akan diminta untuk membentangkan hasil kajian mereka mengenai sebuah masyarakat tempatan bersama-sama isu kritikal yang dihadapi oleh masyarakat ini.

#### **SAU324/3 Agama dan Hubungan Sosial**

Kursus ini menghubungkan hubungan sosial dalam agama menerusi kegiatan kehidupan seharian. Ia bertujuan untuk memberikan pelajar satu pengenalan kepada fenomena agama dalam bidang Antropologi dan Sosiologi. Fokus utama adalah ke atas definisi agama, kepentingan upacara dan institusi. Sumbangan agama dalam melentur perilaku seseorang individu akan dilihat melalui peranan yang dimainkan dalam proses sosialisasi, peranan dalam memberikan makna ke atas komuniti; dalam mencari titik penyelesaian sewaktu wujud konflik sosial dan peranan dalam mempromosi dan menyesuaikan diri dengan perubahan sosial.

#### **SAU325/3 Hubungan Etnik dan Rasisme**

Kursus ini membincangkan perhubungan etnik dan ras serta kepentingan hubungan tersebut dalam menghalusi perpaduan, integrasi dan keharmonian di Malaysia. Bahagian pertama kursus ini melihat kepada konsep, pendekatan dan teori yang digunakan untuk memahami hubungan etnik dan rasisme. Bahagian kedua pula mengupas faktor kekuatan dan kerapuhan hubungan antara etnik serta mekanisme yang boleh digunakan untuk mengatasinya. Ianya berbeza-beza mengikut kes kajian yang dibincangkan dalam konteks Malaysia.

### **SAU326/3 Masyarakat Maklumat**

Masyarakat kontemporari dikatakan berada dalam era transisi di mana perubahan ini dibawa serta dipengaruhi oleh kepentingan yang diberikan kepada maklumat dan teknologi. Kursus ini memberi penekanan kepada teori dan aplikasi. Bahagian pertama kursus digunakan untuk membincangkan teori-teori sosial mengenai kewujudan apa yang digelar “masyarakat maklumat” bagi memberi pelajar kerangka untuk membincang dan menilai keadaan semasa. Bahagian kedua mengupas peranan media hari ini dalam membentuk corak kebudayaan masyarakat setempat dalam konteks alaf global dan kesannya terhadap ekonomi, politik dan sosial tempatan.

### **SAU327/3 Sosiologi Politik**

Sosiologi Politik merupakan satu bidang yang menjurus kepada fenomena politik berdasarkan kepada pemahaman sosiologi. Pemahaman sosiologi dirujuk kepada inteprestasi ke atas pelbagai kaedah metodologi dan teori yakni melihat kepada sejauh manakah ahli sosiologi mampu menerangkan fenomena sosial manakala fenomena politik dirujuk kepada bagaimana ahli sosiologi menggunakan pelbagai topik termasuklah asas sosial dan budaya ke atas kuasa dan autoriti. Kursus ini memberi tumpuan ke atas isu politik dan menekankan bagaimana politik beroperasi berasaskan kepada proses politik yang turut dikenali sebagai fenomena sosio-politik.

### **SAU404/3 Etnografi**

Kursus etnografi ini menggabungkan teori dan metod. Aspek teori akan membantu pelajar untuk mendefinisikan budaya dan mempelajari perspektif teoritik dalam mengkaji budaya termasuklah interpretif, feminis, kritikal dan pasca-moden. Pembelajaran budaya dan penulisan mengenainya amat bergantung kepada latihan praktikal etnografi. Dalam kursus ini, pelajar akan didedahkan kepada pengaplikasian praktikal kaedah etnografi termasuk teknik pengamatan dan temubual, membuat nota lapangan (*field notes*). Aspek analisis interpretif juga akan ditekankan iaitu analisis tematik (*thematic analysis*), analisis metapor (*metaphor analysis*) dan analisis naratif (*narrative analysis*). Pada akhir kursus, pelajar akan digalakkan untuk mempelajari satu gelombang baru dalam penjelajahan budaya iaitu mengekspresikan etnografi berbentuk novel (termasuklah cerita pendek, novel dan dokumentari). Akhir sekali, pelajar akan mengaplikasikan kemahiran yang dipelajari dengan menjalankan satu projek kajian etnografi.

### **SAU407/3 Sosiologi Kehidupan Harian**

Kursus ini menyediakan pengetahuan sosiologi untuk memahami perlakuan kehidupan harian. Kehidupan harian ini difahami dengan membuatkan kebiasaan harian tersebut menjadi ganjil (*by 'making the familiar strange'*). Keadaan ini berlaku apabila seseorang mengenehkan sebarang anggapannya (*their taken-for-granted*) terhadap peraturan dan rutin kehidupan sosialnya. Selepas itu, mempersoalkan pola-pola perlakuan ini dari sudut pandangan pemerhati luar. Kursus ini secara umum memperkenalkan pelajar kepada beberapa teori sosial interpretif, seperti Simbolik Interaksionisme, Etnometodologi dan Sosiologi Fenomenologis-Eksistensialis. Berdasarkan teori-teori interpretif ini topik-topik subtantif utama, seperti persembahan diri, devians harian, ketidaksiuman harian, pengalaman kerja harian, perasaan segan-segan dan malu, interaksi dalam dunia publik, membeli-belah dan penggunaan harian dan lain-lain akan dibincang secara mendalam.

### **SAU498/6 Latihan Ilmiah**

Latihan Ilmiah melatih pelajar menjalankan satu penyelidikan sama ada berbentuk kajian lapangan atau kajian perpustakaan dalam topik yang dipilih, termasuk gender, institusi keluarga, budaya media, devian, hubungan ras dan etnik, pelancongan, hubungan industri, teori sosiologi, agama, antropologi perubatan, kajian siber, jenayah dan politik. Hasil kajian perlu diterjemahkan kepada mini tesis. Pelajar akan diselia oleh seorang penyelia sepanjang penyelidikan dan penulisan tesis. Mini tesis yang telah disiapkan akan diperiksa oleh seorang pemeriksa.

### **SAW204/3 Kaedah Penyelidikan Kuantitatif**

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada pelbagai falsafah dan teknik kaedah kuantitatif untuk mengkaji secara saintifik dan sistematik tentang fenomena sosial. Kursus ini memberi pengalaman secara langsung tentang prosedur spesifik yang digunakan untuk memahami pembangunan pengetahuan saintifik dalam bidang Antropologi dan Sosiologi dengan menggunakan kaedah kuantitatif. Kursus ini juga menekankan interaksi antara teori dan proses penyelidikan.

### **SAW205/3 Kaedah Penyelidikan Kualitatif**

Kursus ini memberikan penekanan kepada pengetahuan asas dan kemahiran penyelidikan kualitatif serta pelbagai kaedah yang digunakan dalam penyelidikan kualitatif. Tumpuan akan diberikan kepada proses menjalankan penyelidikan kualitatif, terutamanya dalam aspek persampelan, pengumpulan dan menganalisis data kualitatif. Untuk memahami aspek ini secara mendalam, kursus ini memperkenalkan lima jenis penyelidikan kualitatif – seperti Penyelidikan Lapangan, Etnografi, ‘Grounded Theory Method’, Penyelidikan Kualitatif Feminis dan Strategi Penyelidikan Abduktif – untuk membincangkan proses penyelidikan kualitatif tersebut.

### **SAW206/4 Teori Antropologi dan Sosiologi**

Kursus ini membincangkan sumbangan teori-teori klasikal Antropologi dan Sosiologi terhadap pemahaman mengenai struktur utama kemasyarakatan dan tingkah laku manusia. Pelajar dijangka berkebolehan untuk memahami idea utama ahli teori seperti Marx, Weber dan Durkheim yang telah menyediakan model untuk memahami masyarakat yang mana juga telah dirujuk oleh ahli Sosiologi dan Antropologi yang lain. Pelajar juga digalakkan untuk lebih kritikal dan analitikal dalam memahami realiti sosial masyarakat khususnya di Malaysia. Penggunaan konsep dan model tokoh-tokoh Antropologi dan Sosiologi terkemuka akan diberi penekanan dan kita akan melihat pendekatan setiap ahli teori tersebut secara sistematik. Pada penghujung kursus, pelajar-pelajar akan berkeupayaan untuk mengaplikasikan teori-teori tersebut dalam kehidupan seharian atau di organisasi tempat kerja.

### **SAW301/3 Teori Antropologi dan Sosiologi Lanjutan**

Kursus ini adalah sambungan kepada kursus Teori Antropologi dan Sosiologi dengan memberikan penekanan kepada perkembangan bidang Antropologi dan Sosiologi selepas Perang Dunia ke-Dua. Antara aliran-aliran utama yang akan dibincangkan ialah aliran struktur fungsionalisme, teori kritikal, teori pilihan rasional, simbolik interaksionisme dan teori strukturasi. Tokoh-tokoh yang akan diketengahkan ialah Parsons, Merton,

Dahrendorf, Collins, Goffman, Blumer dan Giddens. Isu penting yang diketengahkan di sepanjang kursus ini adalah hubungkait antara “struktur” dan “ejensi manusia”, serta apakah yang menjadi punca kepada “order” dalam masyarakat.

### **SAW401/3 Seminar Antropologi dan Sosiologi 1**

Seminar Antropologi dan Sosiologi 1 ini adalah wajib untuk semua pelajar tahun akhir major Antropologi dan Sosiologi. Dengan mengambil format seminar, pelajar dikehendaki membaca bahan bacaan yang ditetapkan, bersedia untuk membuat perbincangan mengenai topik-topik tertentu dan juga menjalankan satu projek. Topik yang akan dibincangkan bergantung kepada pensyarah yang mengendalikan seminar ini. Antara topik yang akan diketengahkan ialah media dan masyarakat, pelancongan dan persekitaran, fenomena kehidupan harian, ekonomi dan masyarakat, isu-isu politik dan masyarakat, jenayah dan masyarakat, isu-isu gender, pekerjaan dan mana-mana bidang Antropologi dan Sosiologi terkini.

### **SAW402/3 Seminar Antropologi dan Sosiologi 2**

Seminar Antropologi dan Sosiologi 2 ini adalah wajib untuk semua pelajar tahun akhir major Antropologi dan Sosiologi. Dengan mengambil format seminar, pelajar dikehendaki membaca bahan bacaan yang ditetapkan, bersedia untuk membuat perbincangan mengenai topik-topik tertentu dan juga menjalankan satu projek. Mereka juga akan mencari dan mengenalpasti ‘gaps’ dalam penyelidikan dalam bidang yang dipilih. Topik yang akan dibincangkan bergantung kepada pensyarah yang mengendalikan seminar ini. Antara topik yang akan diketengahkan ialah media dan masyarakat, pelancongan dan persekitaran, fenomena kehidupan harian, ekonomi dan masyarakat, isu-isu politik dan masyarakat, jenayah dan masyarakat, isu-isu gender, pekerjaan dan mana-mana bidang sosiologi terkini. Topik yang diketengahkan dalam Seminar 1 dan Seminar 2 adalah dalam bidang-bidang yang berbeza. Seminar 2 ini akan memberi penekanan kepada perkembangan baru dalam bidang Antropologi dan Sosiologi yang dipilih oleh pensyarah.

## **9.3 PERANCANGAN DAN PENGURUSAN PEMBANGUNAN**

### **SBU200/3 Analisis Pelaburan Projek**

Kursus ini akan membincangkan beberapa isu pelaburan asas, konsep dan kaedah menilai cadangan projek pelaburan dan isu-isu tentang keusahawanan. Antara tajuk yang dibincang ialah nilai masa wang, aliran wang terdiskaun, nilai kini bersih, kadar pulangan dalaman, risiko dan masalah ketidakpastian.

### **SBU201/3 Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah**

Kursus ini akan membincangkan konsep dan teori asas pembangunan luar bandar dan wilayah. Antara tajuk yang akan dipelajari meliputi teori dan strategi pembangunan luar bandar, peranan kerajaan dalam pembangunan desa dan ekonomi di sektor-sektor terpilih, dan perancangan dan strategi pembangunan wilayah.

### **SBU210/3 Pembangunan Bandar**

Kursus ini merupakan pengenalan kepada bidang pembangunan bandar. Kursus ini mendedahkan para pelajar kepada teori dan konsep-konsep asas dalam pembangunan bandar. Selain itu, pelajar diperkenalkan kepada beberapa pendekatan dan strategi yang diaplikasi dalam proses pembangunan bandar khususnya di negara membangun seperti Malaysia. Pelajar juga turut didedahkan kepada impak pembangunan bandar kepada ekonomi, masyarakat dan alam sekitar sesebuah negara. Kursus ini diakhiri dengan perbincangan mengenai isu dan cabaran yang timbul kesan daripada proses pembangunan sesebuah bandar.

### **SBU211E/3 Isu-Isu Perbandaran**

Kursus ini dimulakan dengan membincang teori-teori perbandaran dan perubahan struktur ekonomi dan masyarakat yang berkaitan dengan perkembangan kapitalisme di negara-negara dunia ketiga. Peranan pemerintah dalam perancangan bandar untuk memudahkan pertumbuhan ekonomi diberi tumpuan. Peranan masyarakat bandar dalam membentuk had-had perubahan yang mereka alami berbanding dengan kuasa pemerintah dan pemodal digunakan sebagai contoh untuk menyerlahkan hubungan-hubungan yang kompleks berkaitan dengan perubahan terutama sekali perubahan guna-tanah.

### **SBU220/3 Masyarakat dan Teknologi**

Kursus ini mengkaji sains dan teknologi dalam konteks sains sosial. Tradisi sains dan teknologi dalam beberapa masyarakat akan ditinjau. Dasar sains dan teknologi dalam pendidikan, penyelidikan dan pembangunan industri juga akan dibincangkan dengan isu-isu semasa dan perkembangan dalam sains dan teknologi (mikroelektronik dan bioteknologi).

### **SBU230/3 Demografi dan Perancangan Tenaga Manusia**

Kursus ini mendedahkan para pelajar dengan isu berkaitan kependudukan dan juga kaedah analisis kependudukan yang meliputi kesuburan, kematian termasuk pembentukan jadual hayat, migrasi dan unjuran kependudukan. Penekanan diberi kepada kesan kependudukan ke atas pembangunan sosial dan ekonomi.

### **SBU233E/3 Pendidikan, Latihan dan Sumber Manusia**

Kursus ini meneliti dan membincangkan peranan sektor pendidikan dan latihan dalam pembangunan sumber manusia sesebuah negara. Peningkatan sistem pendidikan dan latihan telah menjadi agenda penting dalam pembangunan khususnya dalam kalangan negara membangun seperti Malaysia. Di samping itu, beberapa isu terpilih juga dibincangkan dengan lebih terperinci supaya para pelajar dapat memahami dengan lebih mendalam mengenai hubungan pendidikan dan latihan sumber manusia dan pembangunan negara. Isu-isu yang dibincangkan merangkumi sumbangan pendidikan kepada pembinaan sumber manusia, ekuiti, kualiti, kepelbagaian dan cabaran yang dihadapi oleh sistem pendidikan dan latihan khususnya dalam era globalisasi.



### **SBU305/3 Kependudukan, Pembangunan dan Sumber Asli**

Kursus ini mendedahkan pelajar dengan hubungan kependudukan dan pembangunan terhadap sumber dan menghubungkannya dengan konsep keupayaan menampung serta kesan tindakan manusia terhadap sumber dan alam sekitar. Kursus ini juga akan membincangkan implikasi perubahan penduduk terhadap alam sekitar dan sumber semulajadi sama ada sumber yang boleh diperbaharui ataupun sumber yang tidak boleh diperbaharui serta langkah-langkah yang harus diambil bagi mengurangkan tekanan terhadap sumber yang sedia ada agar ia dapat dipertahankan bagi generasi masa hadapan.

### **SBU307/3 Gender dan Pembangunan**

Kursus ini membincangkan konsep dan teori kajian gender dalam bidang kajian pembangunan. Ia memfokus kepada pekerjaan yang dilakukan oleh wanita di dalam dan di luar rumahtangga sebagai pekerja berupah atau tidak berupah, anak, isteri and ahli komuniti. Isu yang dikaji termasuk keganasan terhadap wanita, buruh migran dan isu kemiskinan.

### **SBU310/3 Kemiskinan dan Pembangunan**

Kemiskinan adalah masalah lama dan berpanjangan di dunia, terutama sekali di negara sedang membangun. Kursus ini akan memberi pendedahan kepada pelajar tentang teori-teori kemiskinan serta pendekatan untuk membasmi kemiskinan. Pelajar juga akan didedahkan dengan penyebab lazim kemiskinan. Usaha untuk membasmi kemiskinan pada tahap global dan tempatan juga dibincangkan dengan menggunakan kajian kes berbentuk institusi dan program pembangunan luar bandar. Skim mikrounit menjadi fokus utama dalam langkah penyelesaian masalah kemiskinan di mana contoh klasik seperti bank Grameen dan AIM serta Tekun digunakan sebagai kajian kes untuk pelajar lebih memahami struktur dan fungsi institusi kewangan tersebut dalam usaha untuk membasmi kemiskinan.

### **SBU313/4 Kerajaan Tempatan dan Undang-Undang Perbandaran**

Kursus ini dimulakan dengan pengenalan kepada konsep kerajaan tempatan dan sejarah perkembangan kerajaan tempatan khususnya di Malaysia. Seterusnya, perbincangan mengenai struktur dan fungsi kerajaan tempatan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976. Ini diikuti pula oleh perbincangan mengenai isu-isu yang berkaitan dengan peranan kerajaan tempatan secara khusus, iaitu penyampaian perkhidmatan dan penyediaan kemudahan awam, isu kewangan kerajaan tempatan, pelantikan ahli majlis serta kawalan pembangunan oleh kerajaan tempatan. Pelajar juga diperkenalkan kepada beberapa undang-undang kecil perbandaran (*by-laws*), khususnya yang berkaitan dengan aktiviti penjajaan, kebersihan dan kawalan pembangunan. Kursus ini diakhiri dengan perbincangan mengenai peranan kerajaan tempatan dalam melaksanakan konsep pembangunan mapan dan tadbir urus bandar yang berkesan.

### **SBU326E/3 Perindustrian dan Pembangunan Antarabangsa**

Kursus ini memberikan gambaran umum mengenai peranan perindustrian dalam konteks pembangunan ekonomi kapitalis sedunia. Objektif kursus ini ialah untuk memperkenalkan konsep dan isu berkaitan perindustrian dan pembangunan antarabangsa. Pelajar juga didedahkan kepada proses perindustrian dan pembangunan antarabangsa

yang dialami oleh negara terpilih. Pengalaman negara-negara berkenaan dalam pembangunan dan pertumbuhan ekonomi melalui proses perindustrian dibincangkan. Di samping itu, kursus ini turut membincangkan kesan perindustrian terhadap negara, masyarakat dan alam sekitar. Beberapa isu berkaitan seperti perubahan demografi, isu buruh, pencemaran dan sebagainya akan dibincangkan.

### **SBU346/3 Pengurusan Sistem Kesihatan**

Kursus ini dimulai dengan memperkenalkan konsep dan teori kesihatan, kesihatan dan pembangunan, pengawalan penyakit dan perkembangan sistem kesihatan yang diamalkan di Malaysia. Seterusnya perbincangan tentang isu-isu kesihatan terkini seperti kemiskinan dan kesihatan, pembiayaan kesihatan, kesan pembangunan terhadap kesihatan dan pelancongan kesihatan.

### **SBU347/3 Pembangunan dan Pentadbiran Tanah**

Kursus ini terbahagi kepada dua bahagian, iaitu pentadbiran tanah dan isu-isu pembangunan tanah. Bahagian pertama memperkenalkan sistem pentadbiran serta undang-undang berkaitan tanah di Malaysia, proses perancangan pembangunan dan peranan kerajaan dalam mengawal usaha pembangunan tanah. Manakala bahagian kedua pula membincangkan secara khusus beberapa isu berkaitan pembangunan dan sistem pentadbiran tanah dari aspek ekonomi, sosial dan alam sekitar supaya pelajar dapat memahami dengan lebih jelas akan proses pembangunan tanah. Antara isu-isu kritikal yang dibincangkan ialah hak pemilikan tanah, kesan pembangunan ke atas tanah, pengurusan tanah bandar dan pembangunan mapan.

### **SBU348/4 Penilaian Impak Sosial dan Alam Sekitar**

Kursus penilaian impak sosial dan alam sekitar merupakan satu proses mengenalpasti, meramal, menilai, memberi makna serta menyampaikan serta maklumat berkaitan impak sesuatu polisi, pelan, program, projek atau operasi yang dirancang ke atas komuniti dan alam sekitar. Proses penilaian ini turut mencadangkan langkah mitigasi untuk mengelak serta mengurangkan impak sosial dan alam sekitar yang negatif dengan mengesyorkan langkah yang bersesuaian bagi mempertingkatkan impak-impak yang bermanfaat. Penentuan petunjuk-petunjuk sosial dan alam sekitar dalam sebuah penilaian impak adalah antara komponen penting dalam kursus ini. Selain daripada mendedahkan kaedah dan teknik asas penyediaan terma rujukan serta laporan penilaian impak sosial dan alam sekitar kepada pelajar.

### **SBU349/3 Pertanian dan Pembangunan**

Dalam kursus ini, pelajar akan didedahkan kepada konsep, isu, strategi, dan pendekatan dalam sektor pertanian di negara maju dan negara membangun. Kursus ini memberi peluang kepada pelajar untuk membincangkan isu-isu pembangunan sektor pertanian dari pelbagai perspektif meliputi ekonomi, kemiskinan, pembangunan luar bandar, keselamatan makanan, modenisasi, pembangunan modal dan buruh, campur tangan kerajaan, penyelidikan, pertukaran asing, kewangan, dan kepentingan bantuan asing. Pembangunan dalam sektor pertanian adalah penting kerana pertanian tidak seharusnya dilihat sebagai sektor sokongan dan pasif terhadap proses pembangunan ekonomi, sebaliknya, sektor ini juga mempunyai peranan yang penting dalam pembangunan ekonomi dan sosial secara keseluruhan.

### **SBU350/3 Pembangunan Dalam Islam**

Kursus ini distruktur meliputi lima tema utama merangkumi pengenalan kepada pembangunan dalam Islam, isu dan cabaran yang didepani dalam melaksanakan pembangunan tersebut serta instrumen dan mekanisme pelaksanaannya. Selain itu, kursus ini turut membincangkan tentang pembangunan lestari dari perspektif Islam. Kursus ini turut meneroka secara terperinci isu yang wujud dalam pembangunan berdasarkan perspektif Islam. Antara isu kritikal yang dibincangkan ialah kemiskinan, kelestarian alam sekitar, krisis dan pendidikan. 5 Matlamat dalam Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) dibincangkan dalam kursus ini merangkumi SDG1 (Tiada Kemiskinan), SDG3 (Kesihatan Baik dan Kesejahteraan), SDG4 (Pendidikan Berkualiti), SDG13 (Tindakan Terhadap Iklim) dan SDG16 (Keamanan, Keadilan dan Pertubuhan Kukuh). Kursus ini disasarkan untuk berperanan sebagai pendedahan terhadap satu bentuk alternatif kepada pembangunan konvensional sedia ada yang diajarkan dalam kursus-kursus lain.

### **SBU411E/4 Alam Sekitar dan Pembangunan**

Alam sekitar merupakan sumber penting untuk pembangunan. Kursus ini menyentuh hubungkait antara sistem pengeluaran dan alam sekitar; pertumbuhan dan perubahan dalam sistem pengeluaran; interaksi alam sekitar dan pengurusan pembangunan. Pelajar juga akan didedahkan dengan langkah-langkah penyelesaian dan pendekatan ke arah pembangunan mapan dengan konsep serta pendekatan baru yang lebih mesra alam.

### **SBU498/6 Latihan Ilmiah**

Latihan Ilmiah merupakan kursus yang memerlukan pelajar membuat penyelidikan mengenai bidang Perancangan dan Pengurusan Pembangunan dengan bimbingan seorang penyelia dan menyediakan satu mini tesis berdasarkan hasil penyelidikan tersebut. Antara topik yang boleh dipilih termasuklah kaedah perancangan dan pengurusan pembangunan, pembangunan ekonomi, pembangunan bandar, pembangunan sosial, pembangunan luar bandar, pembangunan berteraskan Islam, pembangunan tanah dan wilayah, pembangunan lestari, pembangunan sumber manusia, kependudukan, impak pembangunan terhadap alam sekitar dan masyarakat, gender dan sebagainya. Penyelidikan yang dijalankan boleh berupa kajian lapangan atau pun kajian perpustakaan. Mini tesis yang telah siap akan diperiksa oleh penyelia dan seorang pemeriksa dalam. Pelajar juga perlu membentangkan hasil penyelidikan mereka untuk dinilai oleh penyelia dan pemeriksa dalam berkenaan.

### **SBW205/3 Teori dan Isu Pembangunan**

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar tentang teori-teori dan isu pembangunan. Teori pembangunan yang dibincangkan termasuk teori klasik dan teori pasca modernisasi. Pendekatan dan model pembangunan yang mempengaruhi pertumbuhan ekonomi dan strategi pembangunan sesebuah negara seperti konsep Negara Industri Baru (NIB) juga dibincangkan. Isu-isu pembangunan dibincangkan semasa tutorial dan dikaitkan dengan teori-teori pembangunan yang relevan.

### **SBW206/3 Dasar Ekonomi dan Pembangunan Malaysia**

Kursus ini meninjau pembentukan dan pelaksanaan dasar-dasar pembangunan yang utama yang telah membolehkan ekonomi Malaysia maju ke taraf ekonomi perindustrian baru. Penekanan diberikan kepada dasar-dasar pembangunan ekonomi seperti dasar perindustrian, pertanian dan buruh.

### **SBW207/3 Ekonomi Untuk Pembangunan**

Kursus ini meliputi konsep dan isu pembangunan di negara sedang membangun dan negara maju, pembangunan daripada perspektif ekonomi, pembangunan lestari, pembangunan luar bandar, pembangunan modal insan, industri dan perbandaran, pasaran antarabangsa, pertukaran asing, pelaburan dan bantuan asing serta perancangan pembangunan.

### **SBW208/3 Kaedah Penyelidikan Pembangunan**

Kursus ini memberi pendedahan secara terperinci tentang kaedah penyelidikan yang sesuai dalam konteks penyelidikan pembangunan. Setiap tahap penyelidikan akan didedahkan kepada pelajar, daripada proses rekabentuk penyelidikan, persampelan, penyediaan instrumen untuk mengumpul data (soal selidik dan panduan soalan), kajian lapangan, kaedah menganalisa data kuantitatif dan kualitatif, sehinggalah kepada penulisan dan teknik rujukan. Pelajar juga akan didedahkan dengan cara untuk mengendalikan perisian SPSS dan cara-cara untuk mengkod, membersihkan dan menjalankan ujian ke atas data.

### **SBW209/4 Pengurusan Pembangunan**

Kursus ini merupakan kursus asas kepada bidang perancangan dan pengurusan pembangunan. Para pelajar akan diperkenalkan kepada beberapa konsep asas sebagai persediaan bagi mengikuti kursus lanjutan yang lain. Pelajar juga berpeluang mendapat pendedahan kepada beberapa kaedah dan strategi perancangan dan pengurusan pembangunan yang diamalkan oleh kebanyakan negara maju dan membangun. Selain itu, beberapa isu dan masalah berkaitan impak pembangunan terhadap masyarakat dan alam sekitar turut dibincangkan dengan menggunakan beberapa contoh atau kajian kes sama ada dari dalam mahupun luar negara. Kursus ini diakhiri dengan perbincangan mengenai kepentingan merancang dan mengurus pembangunan secara lebih efektif dan efisien.

### **SBW300/3 Perancangan dan Pengurusan Projek**

Kursus ini membincangkan kaedah-kaedah perancangan, pelaksanaan dan penilaian projek pembangunan awam dan swasta. Ia meliputi pembahagian stuktur kerja untuk perancangan projek, penjadualan kerja projek, pemantauan dan penilaian projek serta pengurusan pasukan projek.

## 9.4 EKONOMI

### **SEP206/3 Ekonomi Malaysia**

Kursus ini membincangkan isu-isu ekonomi Malaysia serta menganalisis ekonomi negara dari segi penentu-penentu pencapaian ekonomi keseluruhannya dan sektor-sektor ekonomi yang utama serta strategi-strategi yang diguna bagi mencapai objektif-objektif ekonomi negara.

### **SEP304/3 Ekonometrik Asas**

Kursus ini memperkenalkan kaedah-kaedah ekonometrik untuk menganalisis data dan hubungan ekonomi. Tajuk-tajuk utama yang dibincangkan merangkumi metodologi ekonometrik, model regresi mudah dan berganda, autokorelasi, heteroskedastisiti, multikolinearan dan ralat spesifikasi, pembolehubah dami, analisis data panel, model persamaan serentak, siri masa pegun dan tak pegun, punca unit dan kointegrasi, model pembetulan ralat vektor dan model autoregresi vektor.

**Prasyarat:** SEW104/3 - *Ekonomi Matematik (S)*,  
SEW207/3 - *Statistik Gunaan (S)*.

### **SEP403E/3 Seminar Isu Ekonomi Kontemporari**

Kursus ini melibatkan perbincangan antara pelajar mengenai isu-isu semasa ekonomi kontemporari. Dengan menggunakan teori-teori yang telah dipelajari dalam program ekonomi, pelajar akan mengaplikasikan teori tersebut dalam menganalisis masalah ekonomi semasa. Kursus ini memerlukan pembacaan yang banyak dan pelajar harus peka terhadap perkembangan ekonomi dunia semasa. Kursus ini juga akan membincangkan alternatif kepada penyelesaian masalah ekonomi semasa yang bersesuaian.

**Nota:** *Dikhususkan untuk pelajar Ijazah Sarjana Muda Ekonomi sahaja.*

### **SEU224/3 Ekonomi Pemasaran Pertanian dan Koperasi**

Kursus ini merupakan satu kursus yang lengkap tentang isu-isu yang berkaitan dengan harga pertanian dan pemasaran, dengan rujukan khas kepada masalah-masalah pertanian di Malaysia. Konsep pasaran, pemasaran, penawaran, permintaan, margin pemasaran, kecekapan, kos, fungsi pemasaran, perkhidmatan pemasaran, dan penentuan harga akan disentuh.

**Prasyarat:** SKW109/3 - *Pengantar Isu-isu Ekonomi (P)*.

**Nota:** *Tiada prasyarat untuk pelajar Ijazah Sarjana Muda Ekonomi.*

### **SEU227/3 Ekonomi Pembangunan**

Kursus ini adalah satu kursus pengenalan bidang ekonomi pembangunan. Pelajar akan didedahkan kepada konsep, ukuran, model serta isu-isu pembangunan. Pelajar akan juga didedahkan kepada bagaimana negara merancang strategi pembangunan untuk lebih maju dan mampu bersaing dalam pasaran global.

**Prasyarat:** SKW109/3 - *Pengantar Isu-isu Ekonomi (P)*.

**Nota:** *Tiada prasyarat untuk pelajar Ijazah Sarjana Muda Ekonomi.*

### **SEU230/3 Ekonomi Buruh**

Kursus ini adalah kursus pendahuluan kepada ekonomi buruh. Kursus ini meliputi teori-teori utama dalam bidang ekonomi buruh yang diguna untuk menjelaskan dan menganalisis masalah-masalah dan isu-isu dalam pasaran buruh.

**Prasyarat:** *SKW109/3 - Pengantar Isu-isu Ekonomi (P).*

**Nota:** *Tiada prasyarat untuk pelajar Ijazah Sarjana Muda Ekonomi.*

### **SEU231/3 Ekonomi Islam**

Pada permulaan kursus ini, dijelaskan rasional pembelajaran Ekonomi Islam dan kepentingannya dalam era perkembangan dan kemajuan ekonomi global umumnya dan Malaysia khususnya pada hari ini. Seterusnya pengenalan kepada epistemologi dan metodologi Ekonomi Islam disampaikan secara membandingkan dengan epistemologi dan metodologi ekonomi konvensional. Selanjutnya ciri-ciri asas sesebuah sistem ekonomi Islam serta keistimewaan ciri-cirinya akan dibincangkan. Setelah itu perbincangan dan penganalisisan akan diberi perhatian kepada subsistem ekonomi Islam yang meliputi pengeluaran dan perniagaan, penggunaan, pengagihan dan pembiayaan serta institusi-institusi yang berkaitan. Prinsip-prinsip amali dalam pengeluaran, penggunaan, pengagihan dan pembiayaan itu dibincangkan dalam konteks pelaksanaan dan amalan di negara ini. Kursus ini juga membincangkan sistem perbankan dan pasaran modal Islam termasuk instrumen-instrumen serta kontrak-kontrak yang diguna pakai dalam menyediakan pembiayaan, baik untuk pelaburan mahupun penggunaan.

**Prasyarat:** *SKW109/3 - Pengantar Isu-isu Ekonomi (P).*

**Nota:** *Tiada prasyarat untuk pelajar Ijazah Sarjana Muda Ekonomi.*

### **SEU332/3 Ekonomi Perlakuan**

Kursus ini menggabungkan idea-idea daripada psikologi hasil daripada kajian empirikal dan eksperimen bagi tujuan memahami gelagat manusia yang lebih baik berbanding dengan yang telah diberikan oleh teori-teori ekonomi tradisional. Dalam kursus ini, pelajar mempelajari andaian-andaian "rationality" dan kombinasi psikologi dan ekonomi dalam analisis pembuatan keputusan ekonomi.

**Prasyarat:** *SEW101/3 - Mikroekonomi (S).*

### **SEU333/3 Organisasi Industri**

Kursus ini merupakan satu kursus pengenalan kepada organisasi industri. Organisasi industri merupakan satu kajian tentang operasi dan prestasi pasaran persaingan tidak sempurna, dan perlakuan firma dalam pasaran tersebut. Pelajar-pelajar akan didedahkan kepada pendekatan organisasi industri, model-model struktur pasaran yang berbeza, perlakuan firma dalam pasaran tersebut seperti diskriminasi harga, pengiklanan, dan sebagainya, dan kesan perlakuan firma terhadap prestasi pasaran.

**Prasyarat:** *SEW101/3 - Mikroekonomi (S).*

**Nota:** *Dikhususkan untuk pelajar Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dan Major Ekonomi.*

### **SEU334/3 Wang, Perbankan dan Pasaran Kewangan**

Kursus ini akan membincangkan peranan wang serta institusi kewangan dalam proses penciptaan wang dan pengaliran dana di dalam sesebuah ekonomi. Kursus ini juga memberi pelajar suatu latar belakang tentang sejarah serta evolusi sistem kewangan. Isu-isu semasa yang berkaitan dengan wang, urusan bank dan sistem kewangan akan dibincang.

**Prasyarat:** *SKW109/3 - Pengantar Isu-isu Ekonomi (P).*

**Nota:** *Tiada prasyarat untuk pelajar Ijazah Sarjana Muda Ekonomi.*

### **SEU335E/3 Ekonomi Sektor Awam I**

Kursus ini melihat justifikasi aktiviti kerajaan, corak program perbelanjaan kerajaan yang konsisten dengan justifikasi tersebut dan kesan perbelanjaan kerajaan terhadap keputusan yang telah dibuat. Proses pembelajaran kursus ini terbahagi kepada tiga bahagian. Bahagian pertama mengkaji alat yang digunakan untuk menilai tahap kecekapan perbelanjaan kerajaan. Bahagian kedua kursus ini akan melihat kepada perbelanjaan kerajaan terhadap barang awam dan eksternaliti. Pada masa yang sama pelajar akan didedahkan terhadap proses sistem politik untuk melihat bagaimana dasar dibentuk berdasarkan sistem politik tersebut. Bahagian ketiga kursus ini akan melihat kepada penilaian sebahagian daripada program perbelanjaan kerajaan seperti program keselamatan sosial, kesihatan, pendidikan dan program subsidi.

**Prasyarat:** *SEW202/3 - Mikroekonomi Pertengahan (S).*

### **SEU336E/3 Ekonomi Persekitaran dan Sumber Asli**

Kursus ini mengaplikasi prinsip ekonomi dalam menilai keberkesanan dasar awam dan pengurusan berkaitan sumber asli seperti air, udara, perikanan dan perhutanan. Pelajar juga akan mempelajari kaedah analisis impak ekonomi dan faedah-kos dan bagaimana menyelesaikan masalah alam sekitar dan sumber terhad lain.

**Prasyarat:** *SEW101/3 - Mikroekonomi (S).*

### **SEU337/3 Ekonomi Tenaga**

Kursus ini melihat kepada tajuk-tajuk terpilih yang berkaitan dengan ekonomi tenaga. Kursus ini dicorakkan untuk memperkenalkan kepada pelajar isu yang menjadi tanggung kepada nilai rantai tenaga daripada pencarian dan pengeluaran kepada pembersihan dan pemasaran. Tajuk yang akan dipelajari meliputi isu seperti pasaran minyak dan gas dan penentuan harga, perundangan yang melibatkan pencarian dan pengeluaran minyak dan gas, kos hiliran dan hulu dan pengeluaran ekonomi.

**Prasyarat:** *SEW101 - Mikroekonomi (S),*

*SEW103 - Makroekonomi (S).*

**Nota:** *Dikhususkan untuk pelajar Ijazah Sarjana Muda Ekonomi sahaja.*

### **SEU338E/3 Ekonomi Pelancongan**

Kursus ini menilai dan menganalisis pelancongan daripada perspektif ekonomi. Penilaian dan analisis dibuat pada peringkat mikro dan makro. Tajuk meliputi penentu permintaan pengguna terhadap pelancongan; struktur persaingan di antara firma yang menawarkan perkhidmatan pelancongan, kos dan faedah pembangunan pelancongan terhadap masyarakat, peranan kerajaan dalam melindungi industri pelancongan, kesan pelancongan terhadap persekitaran dan isu kelestarian pelancongan. Kursus ini melibatkan pelbagai kajian kes dalam dan luar negara bagi meningkatkan pemahaman pelajar tentang ekonomi pelancongan, terutamanya pembangunan pelancongan di Malaysia.

**Prasyarat:** SEW202 - *Mikroekonomi Pertengahan (S)*,  
SEW204 - *Makroekonomi Pertengahan (S)*.

**Nota:** *Dikhususkan untuk pelajar Ijazah Sarjana Muda Ekonomi sahaja.*

### **SEU339E/3 Perancangan Ekonomi dan Analisis Projek**

Kursus ini akan membincangkan peranan perancangan dan dasar awam dalam pembangunan ekonomi. Antara tajuk yang akan dipelajari meliputi teori dan teknik perancangan termasuk kaedah menganalisis projek ekonomi dan sosial.

**Prasyarat:** SEW101/3 - *Mikroekonomi (S)*,  
SEW103/3 - *Makroekonomi (S)*.

### **SEU411E/3 Perdagangan Antarabangsa**

Kursus ini merangkumi aspek-aspek “teori tulen” perdagangan antarabangsa, iaitu aspek-aspek teori klasik dan moden mengenai arah aliran perdagangan, kebaikan atau faedah daripada perdagangan bebas, aspek-aspek perdagangan tidak bebas, jenis-jenis blok perdagangan antarabangsa, kesan pertumbuhan terhadap perdagangan dan institusi perdagangan antarabangsa seperti GATT dan WTO.

**Prasyarat:** SEW101/3 - *Mikroekonomi (S)*.

### **SEU413E/3 Ekonomi Monetari**

Kursus ini akan membincangkan cara-cara dasar kewangan dibentuk serta peranan dasar kewangan dalam ekonomi. Pelajar juga akan didedahkan kepada teori-teori ekonomi monetari serta perbandingan tentang teori dan bukti empirikal semasa juga akan dibincangkan. Perbincangan tentang amalan-amalan dasar kewangan yang wujud di pelbagai negara juga akan dijalankan.

**Prasyarat:** SEW103/3 - *Makroekonomi (S)*.

### **SEU416E/3 Ekonomi Sektor Awam II**

Kursus ini menganalisis impak pelbagai jenis cukai daripada kedua-dua aspek positif dan normatif. Analisis positif akan berfokus kepada kesan cukai terhadap agihan pendapatan, kecekapan ekonomi dan perlakuan ekonomi. Analisis normatif akan membincangkan cadangan teori ekonomi tentang apa yang cukai capai.

**Prasyarat:** SEW202/3 - *Mikroekonomi Pertengahan (S)*,  
SEU335E/3 - *Ekonomi Sektor Awam I (S)*.



### **SEU418E/3 Ekonomi Wilayah**

Kursus ini akan mengkaji kaedah yang digunapakai oleh pembuat dasar dalam analisis ekonomi wilayah. Kursus ini akan dimulakan dengan penerangan ringkas mengenai teori pertumbuhan umum dan pembangunan wilayah. Kursus ini akan melihat dengan lebih mendalam hubungan inter industri antara wilayah dengan membincangkan kebaikan dan keburukannya, masalah antara wilayah seperti urbanisasi, kemiskinan dan pembangunan bandar dan bagaimana pembuat dasar setiap negara berbeza dalam membentuk penyelesaian kepada permasalahan tersebut.

**Prasyarat:** SEW202 - *Mikroekonomi Pertengahan (S)*,  
SEW204 - *Makroekonomi Pertengahan (S)*.

**Nota:** *Dikhususkan untuk pelajar Ijazah Sarjana Muda Ekonomi sahaja.*

### **SEU421E/3 Kewangan Antarabangsa**

Kursus ini memperkenalkan aspek-aspek kewangan dalam perdagangan dan pembayaran antarabangsa. Tajuk-tajuk utama yang akan dibincangkan merangkumi perakaunan imbangan pembayaran, ketidakseimbangan dan pelarasan imbangan pembayaran, hubungan antara perdagangan luar dan ekonomi negara, pengganda perdagangan luar dan pantulan asing, pasaran pertukaran asing, pendedahan dan pengurusan risiko pertukaran, penentu-penentu kadar pertukaran, sistem-sistem kadar pertukaran, sistem kewangan antarabangsa yang lepas dan masa kini, krisis kewangan antarabangsa, dan dasar-dasar makroekonomi untuk imbangan dalaman dan luaran.

**Prasyarat:** SEW103/3 - *Makroekonomi (S)*.

### **SEU422E/3 Ekonomi Gunaan**

Kursus ini akan meliputi beberapa topik terpilih yang belum diajar di peringkat kursus-kursus teori ekonomi pertengahan. Kursus ini akan menekankan aplikasi teori ekonomi dalam pelbagai situasi. Topik-topik yang dipilih untuk kursus ini boleh dibahagikan kepada tiga bahagian. Dalam bahagian pertama, aplikasi teori ekonomi pengguna akan dibincangkan. Dalam bahagian kedua, kursus ini akan mempertimbangkan keputusan yang diambil di dalam keadaan tidak pasti. Bahagian ketiga akan memperkenalkan teori permainan iaitu suatu aplikasi yang sering digunakan untuk menganalisis pilihan strategik interaksi.

**Prasyarat:** SEW202/3 - *Mikroekonomi Pertengahan (S)*,  
SEW 204/3 - *Makroekonomi Pertengahan (S)*.

### **SEU499/6 Latihan Ilmiah**

Bagi tujuan pengijazahan, pelajar diperlukan untuk menyiapkan projek penyelidikan berdasarkan kepada tajuk yang diminati pelajar. Pelajar akan mempunyai seorang penyelia bagi membantu pelajar dalam menyiapkan Latihan Ilmiah tersebut. Kursus ini memerlukan kemahiran menulis dan menganalisis yang baik. Oleh itu pemahaman konsep-konsep ekonomi yang relevan pada tajuk yang hendak dikaji adalah penting dalam memastikan satu projek penyelidikan yang baik disediakan. Bagi tujuan analisis, pelajar juga harus menyediakan diri dengan pengetahuan statistik dan ekonometrik.

**Nota:** *Dikhususkan untuk pelajar Major Ekonomi sahaja.*

### **SEW101/3 Mikroekonomi**

Tajuk-tajuk yang diliputi di dalam kursus ini dibahagikan kepada empat bahagian utama yang bertemakan pengenalan kepada analisis ekonomi, permintaan dan pengguna, pengeluaran dan firma, dan teori perlakuan pasaran. Di bawah pengenalan kepada analisis ekonomi, topik yang dibincangkan adalah mengenai kegiatan ekonomi dan teori ekonomi, teori harga dan pasaran, dan kuasa-kuasa yang menentukan harga pasaran. Dalam bahagian kedua, tema permintaan dan pengguna menyentuh aspek citarasa dan kegemaran pengguna, keluk permintaan individu, perlakuan pengguna di pasar dan lanjutan kepada teori pengguna. Bahagian ketiga menumpu kepada firma di dalam proses pengeluaran dan meliputi firma dan teknologi, teori kos dan keseimbangan firma yang memaksimumkan keuntungan. Dalam bahagian terakhir, perhatian akan ditumpukan kepada teori perlakuan pasaran yang mengkaji perlakuan pengguna dan pengeluar di dalam pasaran persaingan sempurna, monopoli tulen, pasaran monopolistik dan pasaran oligopoli. Topik teori permainan juga diperkenalkan dalam bahagian ini.

**Prasyarat:** *SKW109/3 - Pengantar Isu-isu Ekonomi (P).*

**Nota:** *Dikhususkan untuk pelajar Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dan major Ekonomi pada Semester 1; dikhususkan untuk pelajar minor Ekonomi pada Semester 2. Tiada prasyarat untuk pelajar Ijazah Sarjana Muda Ekonomi.*

### **SEW103/3 Makroekonomi**

Kursus ini dibahagikan kepada lima bahagian utama. Bahagian pertama adalah pengenalan kepada makroekonomi. Bahagian kedua membincangkan perakaunan pendapatan negara. Bahagian ketiga merangkumi penentuan keseimbangan dalam kedua-dua pasaran barangan dan pasaran wang. Bahagian keempat membincangkan keseimbangan serentak dalam pasaran barangan dan pasaran wang, serta kesan pelaksanaan dasar kerajaan ke atas keseimbangan pendapatan. Bahagian terakhir membincangkan imbalan pembayaran dan keseimbangan dalam ekonomi terbuka.

**Prasyarat:** *SKW109/3 - Pengantar Isu-isu Ekonomi (P).*

**Nota:** *Dikhususkan untuk pelajar Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dan major Ekonomi pada Semester 1; dikhususkan untuk pelajar minor Ekonomi pada Semester 2. Tiada prasyarat untuk pelajar Ijazah Sarjana Muda Ekonomi.*

### **SEW104/3 Ekonomi Matematik**

Kursus ini memperkenalkan teknik-teknik matematik yang biasa digunakan dalam pengajian ekonomi kepada pelajar. Topik-topik merangkumi algebra, persamaan, fungsi, pembezaan dan pengamilan.

**Prasyarat:** *SKW109/3 - Pengantar Isu-isu Ekonomi (P).*

**Nota:** *Dikhususkan untuk pelajar Major Ekonomi sahaja.*

### **SEW105/3 Matematik untuk Analisis Ekonomi**

Kursus ini memperkenalkan teknik-teknik matematik yang lazim digunakan oleh ahli-ahli ekonomi dalam penganalisaan permasalahan ekonomi. Topik-topik merangkumi fungsi, persamaan linear dan tidak linear, fungsi implisit dan songsang, pembezaan, pengamilan dan matriks. Setiap pengenalan kaedah matematik akan disertai dengan penggunaan kaedah matematik dalam menyelesaikan pelbagai permasalahan ekonomi.

**Nota:** *Dikhususkan untuk pelajar Ijazah Sarjana Muda Ekonomi sahaja.*

### **SEW202/3 Mikroekonomi Pertengahan**

Kursus ini meliputi tiga topik penting yang akan mengukuhkan pengetahuan mikroekonomi asas pelajar: teori letak harga input dalam pelbagai struktur pasaran; analisis keseimbangan am dan kecekapan ekonomi; dan punca dan kesan kegagalan pasaran dan kaedah mengatasinya.

**Prasyarat:** SEW101/3 - Mikroekonomi (S).

### **SEW204/3 Makroekonomi Pertengahan**

Kursus ini adalah sambungan daripada kursus SEW103: Makroekonomi. Ia dimulakan dengan menggunakan model IS-LM (model harga tetap) yang telah dipelajari dalam kursus SEW103 untuk membincangkan keluk AD Keynes dan membandingkannya dengan keluk AD klasik. Perbincangan model harga fleksibel ini dilanjutkan ke topik keluk AS, di mana perbincangan pada bahagian ini juga dibuat mengikut sudut pandangan kumpulan klasik dan kumpulan Keynes. Keluk AD dan keluk AS yang dihasilkan digunakan untuk membincangkan kedudukan ekonomi dalam keadaan keseimbangan jangka pendek dan keseimbangan jangka panjang.

### **SEW206/3 Kaedah-kaedah Penyelidikan**

Kursus ini dirangka untuk memberikan kemahiran asas kepada pelajar dalam mendapatkan pengetahuan mengenai kaedah-kaedah penyelidikan kuantitatif dan kualitatif yang dapat diaplikasikan dalam penyelidikan ekonomi. Kursus ini merupakan satu kursus penting yang harus diambil oleh pelajar untuk menyediakan mereka dalam projek penyelidikan yang bakal diambil pada tahun akhir pengajian. Kursus akan melibatkan tugas penyelidikan bagi memberikan pendedahan awal kepada pelajar mengenai teknik-teknik penyelidikan yang akan dihadapi.

**Nota:** *Dikhususkan untuk pelajar Ijazah Sarjana Muda Ekonomi sahaja.*

### **SEW207/3 Statistik Gunaan**

Kursus ini memperkenalkan kaedah-kaedah statistik untuk menganalisis data ekonomi dan perniagaan. Tajuk-tajuk utama yang akan dibincangkan merangkumi taburan pensampelan, penganggaran titik dan selang keyakinan bagi min dan perkadaran, pengujian hipotesis bagi min, perkadaran dan varians satu dan dua populasi, konsep-konsep reka bentuk uji kaji, analisis varians pengelasan satu hala dan dua hala, analisis regresi dan korelasi, analisis siri masa dan nombor indeks.

**Prasyarat:** SEW101/3 - Mikroekonomi (S),  
SEW103/3 - Makroekonomi (S),  
SEW104/3 - Ekonomi Matematik (S) :- Pelajar major Ekonomi sahaja,  
SEW105/3 - Matematik untuk Analisis Ekonomi :- Pelajar Ijazah Sarjana Muda Ekonomi sahaja.

**Nota:** *Dikhususkan untuk pelajar Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dan Major Ekonomi.*

### **SEW299/6 Latihan Industri**

Latihan industri ini akan dijalankan pada masa cuti panjang selama 8 minggu pada akhir Semester 4. Pelajar perlu mengumpulkan sebanyak 66 kredit untuk menjalankan Latihan Industri. Pelajar akan ditempatkan di industri yang ditetapkan oleh pihak Pusat Pengajian/ Koordinator Program/ Jawatankuasa Latihan Industri.

*Nota:* Dikhususkan untuk pelajar Ijazah Sarjana Muda Ekonomi sahaja.

### **SEW303/3 Sejarah Ekonomi**

Kursus ini memperkenalkan evolusi teori ekonomi dari pemikiran ekonomi lama kepada teori ekonomi moden. Ini dapat melengkapkan pelajar dengan pengetahuan tentang asas sejarah ekonomi yang bermula dengan pemikiran ekonomi lama yang kemudiannya berkembang disebabkan oleh perkembangan perdagangan dan perindustrian. Kursus ini juga membincangkan mengenai teori ekonomi Adam Smith, Ricardo dan Malthus. Di samping itu, kursus ini juga membincangkan kritikan terhadap teori ekonomi terdahulu dan pembentukan teori ekonomi moden.

### **SEW499/6 Projek Penyelidikan**

Bagi tujuan pengijazahan, pelajar perlu menyiapkan projek penyelidikan berdasarkan kepada tajuk yang mereka minati. Pelajar akan mempunyai seorang penyelia bagi membantu pelajar dalam menyiapkan Latihan Ilmiah tersebut. Kursus ini memerlukan kemahiran menulis dan menganalisis yang baik. Oleh itu pemahaman konsep-konsep ekonomi yang relevan pada tajuk yang hendak dikaji adalah penting dalam memastikan satu projek penyelidikan yang baik disediakan. Bagi tujuan analisis, pelajar juga harus menyediakan diri dengan pengetahuan statistik dan ekonometrik.

*Nota:* Dikhususkan untuk pelajar Ijazah Sarjana Muda Ekonomi sahaja.

## **9.5 SAINS POLITIK**

### **SPU205/3 Kerajaan dan Politik Malaysia**

Kursus ini memperkenalkan pelajar-pelajar struktur dan pola-pola utama proses politik Malaysia sejak waktu penjajahan dan kemerdekaan. Perbincangan akan bermula dengan proses pembentukan bangsa dan penubuhan institusi-institusi kenegaraan. Beberapa isu utama pengelolan politik dan isu-isu terbangkit dalam pilihanraya akan ditinjau seperti peristiwa 1969, pengelolan politik pada 1980an, reformasi politik pada 1998, dan 'tsunami' politik pada 2008, 2013 dan 2018. Selain itu, perbincangan akan meliputi dinamik politik di Malaysia seperti kerajaan bersifat "authoritarian", politik ras dan agama, peranan kelas menengah dan masyarakat sivil, penglibatan bisnes dalam politik, proses modenisasi dan implikasinya terhadap masyarakat, perubahan dalam budaya politik dan kemunculan satu "Politik Baru" akan ditinjau secara kritis.

### **SPU208E/3 Asas-Asas Dasar Awam**

Kursus ini ialah kursus pengenalan kepada dasar-dasar awam. Tujuan kursus ini ialah memperkenalkan para pelajar kepada usaha dan peranan kerajaan dalam mengatasi masalah awam yang pelbagai. Kursus ini menawarkan para pelajar pengertian konsep-konsep dan teori-teori asas dasar awam. Para pelajar akan didedahkan kepada proses

pembuatan dasar awam dan cabaran-cabaran yang dihadapi dalam proses ini. Proses ini merangkumi pengenalan masalah awam, penggubalan dan pelaksanaan dasar dan penilaian dasar-dasar awam. Pelajar juga akan didedahkan kepada jenis-jenis dan aktor-aktor yang terlibat di dalam dasar awam. Konsep dan teori akan diaplikasi di dalam sistem pemerintahan Parlimen dan Presiden.

#### **SPU314E/4 Politik Antarabangsa dan Kerjasama Serantau**

Kursus ini memperkenalkan dua tema utama dalam pengajian perhubungan antarabangsa iaitu politik antarabangsa dan kerjasama serantau. Di bawah politik antarabangsa, konsep-konsep dan teori lanjutan serta peranan aktor-aktor dalam hal ehwal politik dunia akan ditekankan. Isu-isu global yang berkaitan dengan pendekatan politik dunia akan turut dianalisa secara mendalam. Manakala, bahagian kerjasama serantau akan memperlihatkan perbincangan tentang teori, konsep dan isu-isu semasa pada peringkat serantau terutamanya berkenaan fahaman regionalisme dan kerjasama institusi serantau di rantau Asia Timur.

#### **SPU322/3 Teori dan Praktik Penyelesaian Konflik**

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar teori dan praktik penyelesaian konflik sebagai satu bidang pengajian perdamaian. Penyelesaian konflik biarpun dari segi teori ataupun praktiknya dibahagikan kepada beberapa bidang khusus termasuk teori konflik, teori penyelesaian konflik, analisis konflik, proses penyelesaian konflik dan kaedah penyelesaian konflik. Pengetahuan dan kemahiran ini akan dikaji dari segi kegunaannya di semua peringkat kehidupan manusia, iaitu bermula dengan individu hingga ke tahap antarabangsa.

#### **SPU323E/3 Pengurusan Sektor Awam**

Kursus ini adalah berkenaan dengan pengurusan sektor awam. Kursus ini meneroka pelbagai teori-teori yang berkaitan dengan pengurusan sektor awam. Disamping itu kursus ini akan membincangkan pelbagai isu-isu sektor awam yang relevan dengan masa kini. Fokus juga akan diberikan kepada teori dan praktikal yang mempunyai pengaruh yang besar terhadap prestasi sektor awam. Pendekatan-pendekatan baru yang relevan serta implikasinya bagi sektor awam juga akan dikaji.

#### **SPU324/3 Transformasi Konflik dan Pembinaan Perdamaian**

Kursus ini adalah sambungan daripada kursus SPU322 Teori dan Praktik Penyelesaian Konflik. Pelajar dikehendaki mengambil kursus SPU322 dahulu sebagai persediaan untuk kursus ini. Fokus kursus ini adalah kepada konflik-konflik social berpanjangan yang susah untuk diselesaikan (*protracted social conflicts*). Konflik-konflik jenis ini memerlukan tumpuan yang istimewa seperti kaedah transformasi konflik dan pembinaan perdamaian. Pendekatan transformasi merujuk kepada cara mentransformasikan konflik tersebut dengan cara membuat perubahan kepada isu, konteks, hubungan, ataupun actor yang terlibat. Pembinaan perdamaian pula boleh dilihat sebagai asas untuk menguatkan proses perdamaian. Penglibatan semua kelompok terutama masyarakat sivil akan dibincangkan secara mendalam dalam kursus ini. Kursus ini memerlukan penglibatan pelajar yang tinggi dalam segala aktiviti yang dijalankan termasuk pembacaan, penulisan, persembahan makalah, perbincangan, serta aktiviti-aktiviti dalam kelas yang akan meningkatkan kefahaman pelajar.

### **SPU325/3 Politik Asia Tenggara**

Kursus ini menumpu pada pola-pola perubahan dan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh negara-negara Asia Tenggara moden. Sebagai pengenalan, kita akan membincang proses penjajahan dan diikuti dengan beberapa teori dan konsep utama yang sering digunakan oleh sarjana untuk memahami politik, ekonomi, dan sosial di Asia Tenggara moden. Seterusnya, kita akan meninjau secara mendalam proses perubahan politik serta dinamik hubungan “state” dan “society” di Indonesia, Thailand, Filipina dan Singapura. Walaupun negara-negara ini mempunyai latar-belakang budaya yang berbeza, keempat-empatnya telah melalui beberapa pengalaman yang hampir sama sejak abad ke-19. Kesemuanya telah dijejas secara langsung mahupun tidak langsung oleh kedatangan pihak penjajah di rantau Asia Tenggara. Sejak kemerdekaan, negara-negara ini berjuang dalam proses “nation-building” dan pembentukan strategi pertumbuhan ekonomi pasaran bebas yang tidak jauh berbeza. Juga, peranan “state” dalam pembentukan bangsa yang berpadu, sistem kenegaraan dan agihan kuasa, serta reaksi masyarakat sivil terhadap proses tersebut merupakan isu-isu yang rumit dewasa ini dalam keempat-empat negara ini.

### **SPU326E/3 Kerajaan Demokratik**

Kursus ini bertujuan mendedahkan pelajar kepada konsep, institusi dan proses pemerintahan demokratik. Kursus ini akan bermula dengan satu tinjauan kritis terhadap idea dan pendekatan asal tentang demokrasi dalam tradisi Yunani. Perkara ini akan diikuti dengan tinjauan tentang perkembangan idea tersebut dalam tradisi demokrasi liberal Barat, demokrasi Islam dan demokrasi ala-Asia. Berdasarkan beberapa kes empirik tertentu, kursus ini akan seterusnya menumpukan perhatian kepada analisis proses, institusi dan praktis sebenar kerajaan demokrasi masa kini. Kursus ini akan diakhiri dengan satu penilaian kritis tentang idea dan praktis pemerintahan demokratik dan masa depannya.

### **SPU327/3 Strategi dan Kemahiran Penyelesaian Konflik**

Kursus ini adalah sambungan daripada kursus SPU322/3: Teori dan Praktik Penyelesaian Konflik. Pelajar dikehendaki mengambil kursus SPU322/2 dahulu sebagai persediaan untuk kursus ini. Penyelesaian konflik memerlukan strategi dan kemahiran yang spesifik. Ini termasuk pengetahuan tentang pemetaan konflik serta cara menganalisis sesuatu konflik dengan baik. Strategi yang akan digunakan juga tertakluk kepada jenis dan tahap konflik tersebut. Selain dari itu, ianya juga memerlukan pengetahuan serta kemahiran asas dalam menangani sesuatu isu yang bakal timbul. Kemahiran ini termasuk kemahiran berkomunikasi dengan baik, teknik menjalankan negosiasi, serta bertindak sebagai pihak ketiga dalam proses mediasi. Kursus ini memerlukan penglibatan pelajar yang tinggi dalam segala aktiviti yang dijalankan termasuk pembacaan, penulisan, persembahan makalah, perbincangan, serta aktiviti-aktiviti dalam kelas yang akan meningkatkan kemahiran menyelesaikan sesuatu konflik.

### **SPU329E/3 Ideologi Dunia Ketiga**

Kursus ini bertujuan mempertingkatkan kefahaman para pelajar tentang konsep-konsep dan pendekatan-pendekatan politik yang wujud dalam ‘Dunia Ketiga’ atau negara-negara Selatan dalam usaha mereka menghadapi cabaran dari kuasa-kuasa besar di Utara.

### **SPU403/3 Seminar Perhubungan Antarabangsa**

Kursus ini berperanan untuk membantu pelajar mendalami konsep-konsep asas yang telah dipelajari pada awal tahun pengajian. Pembelajaran berfokus kepada sub-sub bidang dalam perhubungan antarabangsa dan isu-isu utama yang memerlukan pemikiran kritikal. Perbincangan berkisar pada tinjauan perkembangan perhubungan antarabangsa, beberapa sub bidang penting, dan teori-teori lanjutan termasuk pendekatan alternatif. Revolusi industri dan perubahan sistem antarabangsa menuntut perhatian pada aspek-aspek seperti keselamatan manusia, kerjasama serantau, persaingan sumber tenaga dan banyak lagi. Negara-negara yang berperanan besar seperti China, India, Kesatuan Eropah, Amerika Syarikat, Jepun dan lain-lain akan diketengahkan untuk perbincangan dan penganalisaan. Kursus ini bukan sahaja memerlukan pelajar banyak membaca tetapi juga berkongsi pandangan yang kritis dan konstruktif.

### **SPU404/3 Seminar Politik Malaysia**

Kursus ini berperanan untuk membantu pelajar mendalami konsep-konsep asas yang telah dipelajari pada awal tahun pengajian. Pembelajaran berfokus kepada sub-sub bidang dalam sains politik dan isu-isu utama yang memerlukan pemikiran yang lebih bersifat kritis. Perbincangan kursus berkisar pada perkembangan sistem pemerintahan dan politik Malaysia serta isu-isu politik semasa. Teori-teori lanjutan termasuk pendekatan alternatif, dan isu-isu berkaitan dengan globalisasi, perkembangan teknologi dan media, kebangkitan kelas menengah dan masyarakat sivil, dan masalah politik wang dan governance turut menjadi isu utama perbincangan kursus ini. Kursus ini bersifat interaktif dan memerlukan pelajar banyak membaca agar dapat memberi pendapat yang bernas dan konstruktif.

### **SPU406/3 Seminar Pentadbiran Awam**

Pada asasnya, kursus ini dianggap sebagai satu daripada pelengkap kepada pengajian pentadbiran awam yang melihat pelbagai dimensi bidang dan aspek pentadbiran awam itu sendiri. Pelajar-pelajar berpeluang membincangkan beberapa perkara mengenai beberapa topik kontemporari yang dihadapi oleh pentadbiran awam Malaysia dalam menghadapi persekitaran yang sentiasa berubah. Selain pentadbiran berperanan melaksanakan fungsi-fungsi kerajaan dalam sistem pemerintahan negara, para pentadbir juga tidak lari daripada tanggungjawab melaksanakan pembangunan negara. Kursus ini akan membincangkan beberapa aspek utama berkaitan pentadbiran dan peranannya, antaranya peranan pentadbiran awam dalam penyampaian perkhidmatan, impak globalisasi dan ICT dalam sektor awam, pembangunan pentadbiran awam, hubungan pentadbiran negeri dan pusat dan pentadbiran tempatan. Selain itu, pelajar juga akan didedahkan kepada masalah dan cabaran yang dihadapi oleh pentadbiran awam.

### **SPU498/6 Latihan Ilmiah**

Latihan Ilmiah ini terbuka kepada pelajar major tahun akhir. Para pelajar yang ingin mengambil Latihan Ilmiah perlu mengisi Borang Permohonan yang perlu dihantar bersama dengan kertas cadangan kajian kepada Penyelaras Rancangan Sains Politik semasa para pelajar berada di Tahun Tiga pengajian dan tiga minggu sebelum cuti akhir sidang semester kedua. Apabila cadangan kajian calon diluluskan dan seorang penyelia

dilantik, calon diharap dapat menjalani penyelidikan sendiri. Panjangnya tesis adalah tidak lebih daripada 15,000 perkataan, disiapkan dalam masa dua semester dan membawa 6 unit.

#### **SPW201/4 Pentadbiran Awam**

Kursus ini bermula dengan menghuraikan peranan yang dimainkan oleh pentadbiran awam dalam kerajaan masakini. Berdasarkan peranan yang penting ini, cabaran utama ialah bagaimana memastikan pentadbiran awam akan berkhidmat untuk masyarakat. Cabaran ini dihuraikan bersama dengan kriteria-kriteria untuk menilai prestasi dan cara-cara mempengaruhi kelakuan pentadbir. Kursus ini kemudiannya menumpukan dua cara utama, iaitu pengawalan awam dan “birokrasi representative”, untuk menghadapi cabaran tersebut.

#### **SPW202/4 Perhubungan Antarabangsa**

Kursus ini merangkumi tiga aspek penting iaitu teori, konsep dan aktor dalam Perhubungan Antarabangsa. Dalam bahagian pengenalan, persoalan seperti kenapa perlunya kita mengkaji Perhubungan Antarabangsa, bagaimana kajian ini dijalankan, dan apakah perbezaan di antara politik antarabangsa dengan politik dalam negara dikemukakan. Seterusnya, teori-teori utama dalam Perhubungan Antarabangsa diperkenalkan untuk perbincangan. Ini diikuti dengan sejarah dunia yang membincangkan perkembangan politik dunia. Persoalan kuasa dan peranannya dalam Perhubungan Antarabangsa serta perkaitan antara kuasa dan konflik antarabangsa turut diberi perhatian. Selain itu, perbincangan juga berkisar pada peranan aktor negara dan bukan negara terhadap isu-isu penting seperti globalisasi, perubahan iklim dan krisis ekonomi dunia selain berbincang tentang kerjasama melalui proses diplomasi dan undang-undang antarabangsa. Tinjauan dan reaksi pelajar terhadap prospek keamanan dan kerjasama antara pelbagai aktor demi menjamin masa depan masyarakat dunia mengakhiri kursus ini.

#### **SPW203/3 Teori dan Kaedah Sains Politik**

Kursus ini bertujuan meninjau beberapa pendekatan teoritis utama yang digunakan oleh sarjana Sains Politik dalam analisis empirik. Tumpuan diberikan pada beberapa pendekatan yang digunakan dalam bidang kecil Politik Perbandingan. Bahagian pertama membincang beberapa pendekatan teoritis yang cuba memahami fenomena politik dari segi analisis sistem kenegaraan keseluruhannya dan organisasi-organisasi formalnya. Bahagian kedua membincang beberapa pendekatan teoritis yang melihat sistem kenegaraan itu sebagai kesan proses ekonomi, sosial dan budaya yang berlaku dalam sesuatu masyarakat sivil. Bahagian ketiga membincang beberapa pendekatan utama yang digunakan dalam bidang kecil Hubungan Antarabangsa dan Pentadbiran Awam.

#### **SPW205/3 Pengantar Falsafah Politik**

Kursus ini memfokus kepada tinjauan umum pemikiran politik tokoh-tokoh Barat dan Timur yang terkenal, seperti Aristotle, Thomas Hobbes, John Locke, Karl Marx, Confucious, Al-Mawardi dan Al-Maududi dan memperkenalkan isu-isu asas pemikiran politik kepada pelajar.



### **SPW209/4 Politik Perbandingan**

Kursus ini bertujuan memperkenalkan kepada para pelajar terhadap perbezaan dan persamaan fenomena politik antara negara dan dalam kalangan negara. Perbincangan antara lain akan meliputi aspek formal dan tidak formal institusi politik, tingkah laku politik, idea dan teori politik.

### **SEA301/4 Politics and Regionalism in ASEAN**

The course examines politics of regionalism in Asian region and the emergence of the Association of Southeast Asian Nations (ASEAN). The instructor will first introduce students to the period of political turbulence during the Cold War and the involvement of major powers in the region. The course will examine ASEAN's role in fashioning the regional order that has developed since the end of Cold War and post 1997 economic crisis that have seen the changes of ASEAN identity vis-à-vis superpowers. Particular attention will be paid to new regional arrangements, economic integration mechanisms, and track-two diplomacy among others. The course will also examine politics of regionalism from a "bottom-up" perspective. That is, it looks at the role of non-state actors in shaping the processes of regionalism in Asia.

## **9.6 KERJA SOSIAL**

### **SSE373/3 Kerja Sosial Perubatan**

Kursus ini akan merangkumi aspek pengetahuan teori dan analisa praktis. Bahagian pengetahuan teori akan menyentuh konteks kerja sosial dalam bidang kesihatan, pembentukan, kepentingan serta fungsinya juga akan diperjelaskan. Bahagian seterusnya akan meneliti keperluan biopsikososial pengguna khidmat kesihatan dan seterusnya melihat isu status kesihatan dan penyakit sebagai isu asas kesejahteraan sosial. Untuk komponen penganalisan praktis, kursus ini akan meneliti kesan kesihatan dan intervensi penjagaan kesihatan. Ia juga akan menilai corak perkhidmatan antara disiplin dan kesannya ke atas praktis kerja sosial kesihatan dan sekaligus meneliti etika praktis kerja sosial kesihatan.

### **SSE374/3 Kerja Sosial dengan Kanak-Kanak, Remaja dan Keluarga**

Kursus ini akan memperkenalkan pelajar kepada ilmu pengetahuan dan amalan kerja sosial berkaitan kebajikan kanak-kanak, remaja dan keluarga. Isu, masalah dan kesejahteraan kekeluargaan dari perspektif intervensi kerja sosial yang bersesuaian akan dikaji. Pemahaman tentang konsep asas, nilai, rangka teoritis dan sejarah serta pelbagai pendekatan dalam amalan kerja sosial kekeluargaan akan ditumpukan. Lawatan pengajian dan kerjasama dengan agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan yang menawarkan perkhidmatan kebajikan keluarga dan kanak-kanak akan diwujudkan bagi membolehkan pelajar memahami dengan lebih mendalam dalam pengembangan amalan kerja sosial dengan kanak-kanak, remaja dan sistem kekeluargaan.

### **SSE375/3 Pembangunan dan Pengelolaan Komuniti**

Kursus ini bertujuan memberi pendedahan mengenai kepentingan penglibatan dengan golongan yang berkeperluan dan yang dipinggirkan dalam masyarakat. Penekanan dibuat mengenai unsur-unsur memperkasakan komuniti agar boleh menggalakkan kesedaran hak dan tanggungjawab sendiri, secara individu mahupun kolektif. Dengan kesedaran yang dibangkitkan dapat membantu komuniti mengenal pasti dan membentuk khidmat-khidmat berpusat kepada kehendak komuniti.

### **SSE384/3 Kerohanian dan Kerja Sosial**

Kursus ini bertujuan menunjukkan bahawa kerohanian dan kepercayaan agama adalah merupakan aspek asas kehidupan manusia dan pengamal kerja sosial seharusnya berkemampuan untuk berkecimpung dalam dimensi tersebut. Tumpuan terhadap dimensi kerohanian juga adalah satu petanda bahawa gerakan untuk beredar daripada paradigma modernis kerja sosial yang selama ini telah melihat dimensi kerohanian dan keagamaan dalam kerja sosial sebagai sesuatu yang bersifat sampingan sahaja. Diskusi tentang agama-agama *mainstream* akan ditumpukan dalam kursus ini. Ianya diikuti dengan melihat ciri-ciri kerohanian yang ada dalam setiap agama tersebut. Dengan pendedahan kepada kepelbagaian tersebut, kursus ini dapat memberi beberapa alternatif kaedah penyelesaian masalah kepada pelajar-pelajar. Hipotesis alternatif perlu diketengahkan dalam diskusi akademik tentang permasalahan manusia dan cara mengatasinya.

### **SSE394/3 Seksualiti Manusia dan Intervensi Kerja Sosial**

Isu-isu berkaitan dengan seksualiti yang pelbagai adalah sesuatu yang dinamik dan perlu pemahaman yang berterusan. Di Malaysia, isu-isu seksualiti adalah sangat berkait rapat dengan budaya dan agama, yang menjadikan praktis kerja sosial di negara ini mendapat cabarannya yang tersendiri. Kursus ini menerapkan pemikiran dan pemahaman kritis yang boleh membantu pelajar memahami isu-isu seksualiti pelbagai konteks secara mendalam. Di samping itu, pelajar-pelajar akan didedahkan dengan kemahiran untuk melihat sesuatu isu seksualiti dari perspektif kerja sosial.

### **SSE396/3 Kerja Sosial Forensik**

Kerja sosial forensik adalah bidang kerja sosial yang membincangkan tentang isu-isu kerja sosial dalam konteks sistem perundangan. Kursus kerja sosial forensik ini mendedahkan pelajar-pelajar kepada kepentingan pengaplikasian ilmu kerja sosial dalam konteks forensik. Antara komponen utamanya adalah keadilan juvena, koreksi dan perundangan sivil. Kursus ini menggalakkan pelajar-pelajar untuk membincang dan membahas secara kritis isu-isu terbabit seperti elemen-elemen sistem keadilan jenayah, isu jenayah juvena, viktimologi, dan polisi-polisi yang membabitkan isu-isu sivil. Pelajar-pelajar akan dilatih untuk menerapkan pendekatan berasaskan bukti (*evidence-based approach*) dalam teori dan praktis.

### **SSE463/3 Terapi Keluarga**

Kursus pengenalan ini akan memberi tumpuan kepada kemahiran bekerja dengan keluarga. Isu-isu kekeluargaan akan dikupas dan dibincangkan dengan mendalam. Teori-teori berkaitan kaunseling kekeluargaan akan dibincang dan dipraktikkan dalam proses pembelajaran.

### **SSE464/3 Praktis Kerja Sosial dengan Warga Tua**

Kursus ini akan menfokus kepada isu-isu yang dihadapi oleh golongan warga tua. Kaedah intervensi kerja sosial dengan golongan ini akan dikupas dengan mendalam bagi membolehkan pelajar memahami cara untuk memberikan perkhidmatan yang berkesan apabila bekerja dengan golongan ini.

### **SSW110/3 Pengantar Kerja Sosial**

Kursus ini mendedahkan pelajar kepada idea kesejahteraan sosial dan kebajikan sebagai suatu bidang ilmu. Ia mengkaji orientasi kesejahteraan sosial dan kebajikan di peringkat tempatan dan antarabangsa. Selain itu, ia juga meneliti nilai-nilai yang berhubung dengan pengukuhan kesejahteraan sosial dan kebajikan antara rakyat dan pemerintah. Perbincangan mengenai kepentingan kewujudan suatu profesyen kerja sosial di sebalik idea kesejahteraan sosial juga akan ditekankan. Pelajar-pelajar dijangka akan mempunyai kefahaman mengenai kepentingan pengajian kesejahteraan sosial dan kebajikan sebagai bidang ilmu dan praktis; mereka akan mampu menilai isu-isu sosial dari perspektif permasalahan dan penyelesaian serta memahami dengan jelas asas pengetahuan profesyen kerja sosial. Pelajar dikehendaki mempunyai kesedaran tentang kemampuan, peranan dan tanggungjawab kerja sosial di dalam pembangunan dan perkembangan masyarakat.

### **SSW111/3 Falsafah, Nilai dan Etika Kerja Sosial**

Kursus ini bertujuan untuk meninjau dengan lebih mendalam asas nilai, dan penentuan masyarakat terhadap pembentukan nilai. Persoalan nilai peribadi, masyarakat setempat dan negara serta penyesuaian dengan nilai dan etika profesion akan ditinjau. Melalui kursus ini diharapkan pelajar dapat mencerminkan nilai profesion yang unggul dalam sikap dan pelaksanaan kerja bersama dengan pegangan etika.

### **SSW112/4 Kemahiran Asas Kerja Sosial (Makmal)**

Kursus ini bertujuan memperkenalkan kepada para pelajar beberapa kemahiran praktik kerja sosial. Umumnya, tumpuan dibuat untuk mempelajari kemahiran khusus bekerja dengan orang perseorangan dalam konteks situasi-situasi hidup yang memerlukan pembangunan diri dan penyelesaian masalah. Pengajaran dijalankan di dalam keadaan yang menyatukan pembelajaran mengenai ilmu dan kemahiran. Pendidikan secara berpenyertaan di dalam suasana makmal membolehkan pelajar mempraktikkan kemahiran-kemahiran yang dipelajari dalam kelas. Penyertaan pelajar-pelajar di dalam beberapa permainan rol, permainan-permainan tertentu dan latihan simulasi dalam makmal boleh mengupayakan pelajar-pelajar mula mencuba mengaplikasikan ilmu yang perlu di dalam praktik kerja kemasyarakatan.

### **SSW113/3 Tingkahlaku Manusia dan Persekitaran Sosial**

Kursus ini bertujuan untuk meninjau pembangunan dan perlakuan manusia dalam perspektif yang komprehensif dengan mengambil kira sosiobudaya dan ekologi tempatan. Kursus ini akan mengaitkan kepentingan ilmu ini dengan pelaksanaan praktis kerja sosial.

#### **SSW 200/4 Kaedah Kerja Kes dengan Individu dan Keluarga**

Kursus ini merupakan kursus asas dalam komponen praktik kerja sosial generik dan akan menyediakan pelajar supaya mempunyai “*beginning professional level of proficiency*”. Kursus ini akan (i) mendedahkan pelajar kepada beberapa keadaan, isu-isu dan teori berkaitan dengan praktik/amalan kerja sosial dengan individu dan keluarga dalam situasi yang memerlukan pembangunan diri dan penyelesaian masalah; (ii) memberi penekanan kepada nilai dan etika yang menjadi prinsip asas perkhidmatan kerja sosial serta beberapa teknik yang membekalkan perkhidmatan yang selaras dengan keperluan bidang kerja sosial. Pelajar akan didedahkan kepada proses menolong, pengurusan, penilaian dan terminasi dalam bekerja dengan individu dan keluarga.

#### **SSW211/3 Teori-Teori dalam Praktis Kerja Sosial**

Kursus ini bertujuan untuk meninjau dengan mendalam aspek-aspek konsepsi dalam falsafah, ilmu, nilai dan kemahiran kerja sosial. Tumpuan akan diberi ke atas kedudukan teori mengenai praktis dalam keadaan semasa yang menunjukkan kepelbagaian (*diversity*) dengan tema penyeragaman yang konsisten. Asas utama teori praktik kerja sosial adalah bagi memahami realiti kompleks yang menyelubungi manusia dalam pelbagai bentuk situasi. Kursus ini juga akan menyentuh teori-teori utama yang kerap digunakan dalam disiplin kerja sosial.

#### **SSW221/4 Kaedah Kerja Kumpulan**

Kursus ini dibentuk untuk membantu para pelajar memperoleh pengetahuan asas dan teori-teori kerja kumpulan sebagai satu kaedah intervensi. Tumpuan akan diberi kepada pengertian falsafah asas, nilai dan prinsip pembentukan kumpulan sebagai satu cara membangunkan ahli-ahli; kepada proses pembentukan, perkembangan dan dinamik-dinamik kumpulan, kegunaan kumpulan-kumpulan dan proses-proses yang terlibat dalam pembentukan, pengkalan dan penamatan. Perhatian turut diberikan kepada isu-isu identiti peribadi yang muncul dari dinamik kumpulan dan kaitannya dengan sistem di sekeliling.

#### **SSW223/3 Undang-Undang Untuk Pekerja Sosial**

Kursus ini akan mendedahkan kepada pelajar pengetahuan mengenai undang-undang dan kesedaran mengenai implikasinya, kepakaran dari segi aplikasinya dan bila perlu, kebolehan untuk berkomunikasi dengan para peguam dan hakim yang menjadi keperluan asasi untuk sesiapa yang bekerja dengan jabatan kerja sosial ataupun organisasi yang terlibat dalam perkhidmatan sosial. Di akhir kursus ini pelajar dijangka akan memperoleh pengetahuan asas mengenai peraturan-peraturan dan rangka undang-undang yang menyentuh perkara-perkara penting dalam bidang kerja sosial. Pelajar juga akan didedahkan kepada peranan pekerja sosial di Mahkamah.

#### **SSW224/6 Praktikum I**

Kursus ini merupakan siri pertama praktikum bagi pelajar-pelajar yang mengkhusus dalam Rancangan Kerja Sosial dan diwajibkan bagi semua pelajar yang mengambil program ini. Pelajar ditempatkan di agensi-agensy perkhidmatan sosial untuk memberi peluang kepada mereka mengenali perkhidmatan sosial tempatan dari aspek (i) Dasar

perancangan, pentadbiran dan pelaksanaan perkhidmatan. Tumpuan akan diberi kepada kerja dengan individu dan keluarga, (ii) Perkembangan diri dari segi peribadi profesional. Pada masa yang sama, pelajar dikehendaki menggunakan/mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran-kemahiran dan kaedah-kaedah kerja sosial yang telah dipelajari. Latihan amali ini juga merupakan pendedahan awal ke tahap ikhtisas. Dalam tempoh empat (4) minggu pelajar dibimbing untuk mengaitkan pengalaman teoritis dan praktis dengan lebih kritis dalam keadaan yang sebenarnya. Pelajar berpeluang memperkuatkan lagi perkembangan diri peribadi dan profesional. Praktikum ini dijalankan semasa cuti di antara Semester 3 dan Semester 4.

### **SSW310/3 Praktis Kerja Sosial di Sekolah**

Kursus ini akan membincangkan interaksi antara institusi sekolah, keluarga dan masyarakat serta pengaruhnya kepada golongan pelajar / remaja. Golongan pelajar selaku remaja perlu melalui tahap perkembangan dan keperluan tertentu dan sering kali terkait dengan masalah-masalah sosial tertentu. Isu-isu semasa berkaitan pelajar di sekolah akan dikupas dan dibincangkan dengan mendalam. Model-model, jenis-jenis perkhidmatan dan kemahiran kerja sosial sekolah turut ditekankan bagi membolehkan pelajar mempelajari corak intervensi yang berkesan apabila bekerja dengan golongan remaja di sekolah.

### **SSW312/4 Kaedah Kerja Komuniti**

Kursus ini memperkenalkan kepada pelajar pelbagai bentuk dan pendekatan kerja komuniti. Selain daripada prinsip-prinsip amalan dan kemahiran yang diperlukan, kursus ini juga akan membincangkan tentang keperluan rangka analitis dan teoritis untuk amalan kerja komuniti. Walaupun bidang ini menitikberatkan amalan, ia juga akan memerlukan penganalisaan sosial dan pemahaman tentang struktur sosial dan hubungan sosiopolitik yang ada di sebalik amalan kerja komuniti yang bertujuan untuk memanfaatkan golongan atau masyarakat yang miskin dan yang tertindas. Isu-isu dan dilema yang dihadapi oleh pekerja komuniti juga diberi perhatian.

### **SSW313/6 Praktikum II**

Siri kedua praktikum ini bertujuan untuk memberi pendedahan yang meluas dan mendalam dalam kerja kelompok/kumpulan. Selain itu, pelajar berkesempatan dengan bimbingan pengajar, menilai (a) perkembangan diri peribadi dan diri profesional, (b) kemahiran dalam pengendalian perkhidmatan sosial, dan (c) pengalaman teoritis dalam keadaan sebenarnya. Praktikum ini dijalankan selama empat (4) minggu semasa cuti di antara Semester 4 dan Semester 5. Pelajar dikehendaki menulis rakaman kerja harian dan wajib menulis Laporan Kemajuan Separuh Penggal dan Laporan Akhir.

### **SSW322E/3 Dasar dan Perancangan Sosial**

Kursus ini bertujuan untuk memberi pelajar rangka teoritis dan konsepsi dalam memahami dasar dan perancangan sosial. Kursus ini akan meninjau isu-isu dan masalah sosial; perancangan sebagai satu proses yang kompleks yang membawa perubahan; pembentukan dan perkembangan dasar sosial, keutamaan negara dan kebijakan masyarakat; dan isu-isu berkaitan dengan pelaksanaan dan penilaian dasar sosial. Kursus ini juga akan membincangkan pendekatan-pendekatan, isu-isu dan masalah-masalah yang berkaitan dengan proses perancangan sosial serta kontroversi di sekitar perancangan konvensional dan perancangan berpenyertaan.

### **SSW352/4 Penyelidikan Kerja Sosial**

Kursus ini bertujuan memberi peluang kepada pelajar menjalankan penyelidikan dalam sains sosial, khususnya dalam bidang kerja sosial. Pelajar akan diberi satu kefahaman bahawa penyelidikan tidak sahaja perlu tetapi merupakan bahagian yang melengkapkan amalan kerja sosial dan perkembangan ilmu kerja sosial. Persamaan metodologi penyelidikan dan metodologi kerja sosial akan dihuraikan. Tumpuan kursus ini ialah ke atas metodologi dan kaedah penyelidikan alternatif yang lebih sesuai dalam amalan kerja kemasyarakatan. Latihan amali termasuk persediaan cadangan penyelidikan dan perjalanan penyelidikan yang relevan dalam bidang kerja sosial juga diperkenalkan.

### **SSW410/4 Kerja Sosial Antarabangsa dan Silang Budaya**

Setiap seorang daripada kita adalah warga dunia ini. Sama ada kita menerima atau tidak, masalah-masalah serta hala tuju kita menjadi semakin berhubung kait. Pekerja sosial berpeluang memainkan pelbagai peranan dalam budaya global ini menggunakan kemahiran dan nilai-nilai penyayang dan pemerksasaan. Pekerja sosial terlibat dalam pelbagai aktiviti penting di peringkat tempatan dan antarabangsa. Antara aktiviti yang diceburi pekerja sosial adalah kaunseling dan bantuan kepada pelarian-pelarian; pemudahcaraan program anak angkat antarabangsa; menyediakan bantuan bencana semasa krisis; mengembangkan, menguruskan dan sumber manusia di peringkat antarabangsa bersama agensi seperti Pertubuhan Bulan Sabit Merah/Palang Merah; HIV/AIDS dan, meneliti isu-isu antarabangsa dengan penumpuan terhadap peningkatan kualiti hidup masyarakat dan mengatasi isu ketidakadilan sejagat. Kursus ini di reka bentuk untuk menyediakan pelajar untuk kerja sosial di peringkat antarabangsa atau transnasional di negara-negara yang melibatkan pendatang asing, pelajar asing, program anak angkat antarabangsa dan sebagainya. Kursus ini juga relevan untuk pelajar-pelajar kerja sosial antarabangsa yang ingin mempraktikkan prinsip-prinsip kerja sosial di negara mereka masing-masing.

### **SSW411E/3 Organisasi dan Pentadbiran Khidmat Manusia**

Kursus ini membantu bakal-bakal pekerja sosial dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan dalam menguruskan sesebuah pertubuhan atau organisasi khidmat manusia. Penekanan dibuat ke atas bagaimana sesuatu perancangan strategik itu dibuat, kaedah-kaedah pemasaran, kualiti perkhidmatan dan peranan ahli-ahli lembaga dalam organisasi khidmat manusia.

### **SSW412/6 Praktikum III**

Praktikum ini dijalankan selama lapan (8) minggu semasa cuti di antara Semester 6 dan Semester 7. Sebagai kesinambungan terakhir, kursus ini memberi peluang dan pendedahan kepada pelajar untuk melibatkan diri dalam satu-satu komuniti. Kursus ini dibentuk untuk pelajar memahami komuniti secara dekat dan menyelami idea perubahan komuniti dan pembangunan sosial secara meluas.

### **SSW413E/4 Seminar Kerja Sosial**

Kursus ini akan meliputi semua kaedah-kaedah kerja sosial yang telah dibincangkan di sepanjang pembelajaran pelajar. Pemahaman lebih mendalam dan kritis mengenai pelbagai kaedah kerja sosial akan dibincangkan sebagai kaedah unitari dalam praktik kerja sosial. Ia juga akan meninjau dengan kritis praktik-praktik kerja sosial yang dilaksanakan dalam masyarakat Malaysia pada masa sekarang serta isu-isu yang wujud dalam masyarakat. Pelajar dijangka dapat mengaplikasikan pengetahuan kerja sosial, dan berupaya menyelesaikan isu-isu di pelbagai peringkat dalam bentuk kerja sosial seminar.

## **9.7 PSIKOLOGI**

### **STU231/4 Asas-Asas Psikologi**

Kursus ini bertujuan untuk memperkenalkan bidang psikologi. Ia akan membincangkan teori-teori psikologi secara menyeluruh. Penyelidikan terkini dalam bidang psikologi juga akan turut dibincangkan. Antara topik-topik utama ialah ingatan, proses kognitif, kecerdasan dan emosi. Kaitan bagaimana teori-teori utama ini dapat diaplikasikan dalam kehidupan dan kerjaya seseorang akan ditekankan. Pelajar yang mengikuti kursus ini akan dapat memahami teori-teori utama psikologi dan melihat kaitannya dengan kehidupan dan kerjaya mereka. Kursus ini juga menyiapkan pelajar untuk berhadapan dengan kursus-kursus lanjutan dalam bidang ini.

### **STU241/4 Psikologi Kesihatan**

Kursus ini bertujuan untuk memperkenalkan bidang psikologi kesihatan. Ia akan melihat bagaimana faktor-faktor psikologi boleh mempengaruhi kesihatan fizikal dan mental seseorang. Antara tajuk utama yang akan dibincangkan ialah kesihatan mental, tekanan, sistem sokongan dan sistem rawatan kesihatan. Antara lain, sistem rawatan psikoterapi bukan-tradisional juga akan diperkenalkan untuk membuka minda para pelajar supaya intervensi dapat dipakejkan sebagai rawatan keseluruhan.

### **STU242/4 Psikologi Sosial**

Kursus ini bertujuan untuk memperkenalkan bidang psikologi sosial. Ia akan membincangkan teori-teori utama serta penyelidikan terkini dalam bidang psikologi sosial. Antara topik-topik utama ialah sosial kognisi, sosial persepsi, dinamik kumpulan, agresif dan keganasan serta hubungan rapat. Kaitan bagaimana teori-teori utama ini dapat diaplikasikan dalam kehidupan dan kerjaya seseorang akan ditekankan. Pelajar yang mengikuti kursus ini akan dapat memahami teori-teori utama psikologi sosial dan melihat kaitannya dengan kehidupan dan kerjaya mereka. Kursus ini juga menyiapkan pelajar untuk berhadapan dengan kursus-kursus lanjutan dalam bidang ini.

### **STU243/4 Psikologi Perkembangan**

Kursus ini memperkenalkan bidang psikologi perkembangan. Secara amnya, kursus ini boleh dibahagikan kepada dua pendekatan. Pendekatan pertama akan melihat perkembangan secara kronologi bermula daripada perkembangan prenatal, bayi, kanak-kanak, remaja, awal dewasa, pertengahan dewasa, sehingga akhir dewasa dan kematian. Pendekatan kedua akan melihat perkembangan keupayaan tertentu seperti perkembangan keupayaan fizikal, kognitif, emosi dan sosial. Kursus ini juga akan mengetengahkan isu-isu semasa pada setiap tahap perkembangan.

### **STU244/4 Psikologi Tak Normal**

Kursus ini bertujuan memperkenalkan bidang psikologi tak normal. Ia akan membincangkan tentang apa itu tingkahlaku tak normal. Teori-teori psikologi tak normal akan dibentangkan berdasarkan DSM versi terkini. Kursus ini juga akan menekankan kepada kaitan antara psikologi dan psikiatri.

### **STU245/4 Psikologi Positif**

Kursus ini memperkenalkan bidang psikologi positif. Psikologi positif merupakan satu bidang saintifik yang mengkaji kekuatan manusia dan bagaimana kekuatan boleh digunakan untuk mencapai kebahagiaan. Antara perkara-perkara yang akan dikupas ialah konsep emosi dan kesejahteraan itu sendiri. Kursus ini juga akan meneliti konsep kekuatan diri. Perbincangan tentang psikologi positif akan dijalankan dengan mengambil perspektif sosio-budaya. Kaitan bagaimana teori-teori utama ini dapat diaplikasikan dalam kehidupan dan kerjaya seseorang akan ditekankan. Pelajar yang mengikuti kursus akan dapat memahami teori-teori utama psikologi positif dan melihat kaitannya dengan kehidupan dan kerjaya seseorang. Kursus ini juga menyiapkan pelajar untuk berhadapan dengan kursus-kursus lanjutan dalam bidang ini.

### **STU338/4 Kaunseling**

Kursus ini memperkenalkan teori dan praktis kaunseling. Ia memfokus kepada (i) proses dan kemahiran menolong asas yang terdapat dalam kaedah kaunseling generik dan (ii) andaian asas, strategi dan teknik dalam pendekatan kaunseling terpilih.

## **9.8 MINOR PENGAJIAN ASIA TENGGARA (MINOR IN SOUTHEAST ASIAN STUDIES)**

### **SEA301/4 *Politics and Regionalism in ASEAN***

*The course examines politics in Southeast Asian region and the emergence of the Association of Southeast Asian Nations (ASEAN). The instructor will first introduce students to the period of political turbulence during the Cold War, marked by the Vietnam War and the involvement of major powers in the region. The course will examine ASEAN's role in fashioning the regional order that has developed since the end of Cold War. Focus will be given to watershed events in the region's politics, for example, the Cambodian conflict and peace process. Particular attention will be paid to new regional arrangements for security such as the ASEAN Regional Forum, economic integration mechanisms, and track-two diplomacy among others. We will also look at the new security issues that ASEAN focuses such as environmental and human rights issues, and others.*

*The course will conclude by raising issues pertaining to the involvement of Asian civil society in regional cooperation. Have civil society groups and representatives been able to engage in the state-directed regional cooperation? How do important constituencies like human rights groups, civil society and religious groups engaged and responded meaningfully in the Asian regional bodies such as ASEAN?*



### **SEA302/4 Economic Transformation in Southeast Asia**

*The course is designed to present a macro dynamic picture of the economic transformation of selected ASEAN countries, such as, Brunei, Indonesia, Malaysia, the Philippines, Singapore and Thailand. Emphasis will be on the understanding of the development in economic policies, trade regimes, the role of public sector, human resource development, technology transfer, foreign direct investment and the industrialisation process. Finally, selected contemporary economic issues confronting the ASEAN countries will also be highlighted and discussed.*

### **SEA303/4 Societies and Cultures of the Nusantara**

*This course will survey the ethnic and linguistic diversity of Southeast Asia from an anthropological perspective. The approach will be thematic and topic-focused. Some of the overarching themes to be covered include: in search of Southeast Asia from anthropological, archaeological, and historical perspectives; moving through Southeast Asia on land and water; ways of life from “simple” to complex societies, with special emphasis on hunting-and-gathering and agricultural communities; contemporary challenges and issues such as the status of women, sexual diversity, religious ideologies, and localization of global processes. We will cover both the mainland and insular regions of Southeast Asia and touch on continuities and changes through time. Students will be encouraged to explore what “Southeast Asia” means and who “Southeast Asians” are; review issues and problems; and consider trends and prospects. The primary emphasis will be on understanding Southeast Asia environmentally and socially.*

### **SEA306/4 Independent Studies**

*This course is offered to cater to students of the Southeast Asian Studies minor package who are interested in focusing on specific issue / area of interest on / about Southeast Asia. The student will be assigned to a faculty member with the appropriate expertise who will supervise and evaluate the student's work. The supervisor concerned would determine the mode of evaluation, although the student is generally expected to produce a semester-end or bibliographical essay or both. The student must first discuss with the Course Coordinator. The Coordinator will then try to find a Supervisor. After consultation/discussion with the Supervisor, the Supervisor must sign the registration form. The student must then get the signature of the Coordinator. The course registration form that has not been signed by the Supervisor and the Coordinator is not valid and therefore the course will not be registered for the student. To register the course, please contact the Course Coordinator at:*

Associate Professor Dr. Chua Soo Yean  
School of Social Sciences  
Building C13/ Room 107  
Universiti Sains Malaysia  
Phone: 04 - 6533350  
E-mail: sychua@usm.my

**Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan  
Borang Semakan Keperluan Pengijazahan  
Ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (Kepujian)**

**Nama Pelajar** : \_\_\_\_\_ **Major** : ANSOS  
**No Matrik** : \_\_\_\_\_ **Minor** : \_\_\_\_\_  
**Nama Penasihat Akademik** : \_\_\_\_\_

JENIS KURSUS	TAHUN 1		TAHUN 2		TAHUN 3		TAHUN 4	
	SEM 1	SEM 2	SEM 3	SEM 4	SEM 5	SEM 6	SEM 7	SEM 8
<b>TERAS (KOD: T) (72 kredit)</b>								
(i) <b>Teras Asas (21 kredit)</b>								
SKW101/3								
SKW105/3								
SKW109/3								
SKW110/3								
SKW123/3								
SKW124/3								
SKW321/3								
(ii) <b>Teras Major (51 kredit)</b>								
SAU200/3								
SAU217/4								
SAU219E/3								
SAU220E/3								
SAU222/3								
SAU300E/4								
SAU321/3								
SAU322/3								
SAU323/4								
SAU324/3								
SAU325/3								
SAU326/3								
SAU327/3								
SAU404/3								
SAU407/3								
SAU498/6								
SAW204/3								
SAW205/3								
SAW206/4								
SAW301/3								

SAW401/3								
SAW402/3								
<b>ELEKTIF (KOD: E)</b>								
<b>(12 kredit)</b>								
<b>MINOR (KOD: M)</b>								
<b>(20 kredit)</b>								
<b>UNIVERSITI (KOD:U)</b>								
<b>(18 – 22 kredit)</b>								
LKM400/2	} <b>Wajib</b> <b>Lulus</b> <b>dengan</b> <b>Gred C</b>							
LSP300/2								
LSP401/2								
HFE224/2								
HFF225/2								
WUS101/2								
Kokurikulum/2								
Kokurikulum/ Kursus Kemahiran / Opsyen (4 - 8 Unit)								
<b>JUMLAH UNIT</b>								
<b>Tandatangan</b>								
<b>Penasihat Akademik</b>								
<b>Tarikh</b>								

**Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan  
Borang Semakan Keperluan Pengijazahan  
Ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (Kepujian)**

**Nama Pelajar** : \_\_\_\_\_ **Major** : PPP  
**No Matrik** : \_\_\_\_\_ **Minor** : \_\_\_\_\_  
**Nama Penasihat Akademik** : \_\_\_\_\_

JENIS KURSUS	TAHUN 1		TAHUN 2		TAHUN 3		TAHUN 4	
	SEM 1	SEM 2	SEM 3	SEM 4	SEM 5	SEM 6	SEM 7	SEM 8
<b>TERAS (KOD: T)</b> <b>(72 unit)</b>								
<b>(i) Teras Asas</b> <b>(21 Unit)</b>								
SKW101/3								
SKW105/3								
SKW109/3								
SKW110/3								
SKW123/3								
SKW124/3								
SKW321/3								
<b>(ii) Teras Major</b> <b>(51 Unit)</b>								
SBU200/3								
SBU201/3								
SBU210/3								
SBU211E/3								
SBU220/3								
SBU230/3								
SBU233E/3								
SBU305/3								
SBU307/3								
SBU310/3								
SBU313/3								
SBU326E/3								
SBU346/3								
SBU347/3								
SBU348/4								
SBU349/3								
SBU350/3								
SBU411E/3								
SBU498/6								
SBW205/3								

SBW206/3									
SBW207/3									
SBW208/3									
SBW209/4									
SBW300/3									
<b>ELEKTIF (KOD: E)</b>									
<b>(12 Unit)</b>									
<b>MINOR (KOD: M)</b>									
<b>(20 Unit)</b>									
<b>UNIVERSITI (KOD:U)</b>									
<b>(18 – 22 Unit)</b>									
LKM400/2	} <b>Wajib</b> <b>Lulus</b> <b>dengan</b> <b>Gred C</b>								
LSP300/2									
LSP401/2									
HFE224/2									
HFF225/2									
WUS101/2									
Kokurikulum /2									
Kokurikulum/ Kursus Kemahiran / Opsyen (4- 8 Unit)									
<b>JUMLAH UNIT</b>									
<b>Tandatangan</b> <b>Penasihat Akademik</b>									
<b>Tarikh</b>									

**Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan  
Borang Semakan Keperluan Pengijazahan  
Ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (Kepujian)**

Nama Pelajar : \_\_\_\_\_ Major : EKONOMI  
 No Matrik : \_\_\_\_\_ Minor : \_\_\_\_\_  
 Nama Penasihat Akademik : \_\_\_\_\_

JENIS KURSUS	TAHUN 1		TAHUN 2		TAHUN 3		TAHUN 4	
	SEM 1	SEM 2	SEM 3	SEM 4	SEM 5	SEM 6	SEM 7	SEM 8
<b>TERAS (KOD: T)</b>								
<b>(72 unit)</b>								
<b>(i) Teras Asas</b>								
<b>(21 Unit)</b>								
SKW101/3								
SKW105/3								
SKW109/3								
SKW110/3								
SKW123/3								
SKW124/3								
SKW321/3								
<b>(ii) Teras Major Wajib</b>								
<b>(21 Unit)</b>								
SEP304/3								
SEW101/3								
SEW103/3								
SEW104/3								
SEW202/3								
SEW204/3								
SEW207/3								
<b>(iii) Teras Major Pilihan</b>								
• Kumpulan A :								
Pilih 2 Kursus								
SEP206/3								
SEU227/3								
SEU230/3								
SEU231/3								
• Kumpulan B :								
Pilih 5 Kursus								
SEU224/3								
SEU332/3								
SEU333/3								
SEU334/3								
SEU335E/3								
SEU336E/3								

SEU339E/3									
SEW303/3									
• Kumpulan C : Pilih 3 Kursus									
SEU411E/3									
SEU413E/3									
SEU416E/3									
SEU421E/3									
SEU422E/3									
SEU499/6									
<b>ELEKTIF (KOD: E)</b>									
<b>(12 Unit)</b>									
<b>MINOR (KOD: M)</b>									
<b>(20 Unit)</b>									
<b>UNIVERSITI (KOD:U)</b>									
<b>(18 – 22 Unit)</b>									
LKM400/2									
LSP300/2	} <b>Wajib</b>								
LSP401/2		} <b>Lulus</b>							
HFE224/2	} <b>dengan</b>								
HFF225/2		} <b>Gred C</b>							
WUS101/2									
Kokurikulum /2									
Kokurikulum/ Kursus Kemahiran / Opsyen (4 - 8 Unit)									
<b>JUMLAH UNIT</b>									
Tandatangan Penasihat Akademik									
Tarikh									

**Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan  
Borang Semakan Keperluan Pengijazahan  
Ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (Kepujian)**

**Nama Pelajar** : \_\_\_\_\_ **Major** : SAINS  
**No Matrik** : \_\_\_\_\_ **Minor** : POLITIK  
**Nama Penasihat Akademik** : \_\_\_\_\_

JENIS KURSUS	TAHUN 1		TAHUN 2		TAHUN 3		TAHUN 4	
	SEM 1	SEM 2	SEM 3	SEM 4	SEM 5	SEM 6	SEM 7	SEM 8
<b>TERAS (KOD: T)</b>								
<b>(72 unit)</b>								
<b>(i) Teras Asas</b>								
<b>(21 Unit)</b>								
SKW101/3								
SKW105/3								
SKW109/3								
SKW110/3								
SKW123/3								
SKW124/3								
SKW321/3								
<b>(ii) Teras Major</b>								
<b>(51 Unit)</b>								
SPU205/3								
SPU208E/3								
SPU314E/4								
SPU322/3								
SPU323E/3								
SPU324/3								
SPU325/3								
SPU326E/4								
SPU327/3								
SPU329E/3								
SPU404/3								
SPU406/3								
SPU498/6								
SPW201/4								
SPW202/4								
SPW203/4								
SPW205/3								
SPW209/4								
SEA301/4								





**Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan  
Borang Semakan Keperluan Pengijazahan  
Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian)**

**Nama Pelajar** : \_\_\_\_\_ **Minor** : \_\_\_\_\_  
**No Matrik** : \_\_\_\_\_  
**Nama Penasihat Akademik** : \_\_\_\_\_

JENIS KURSUS	SEM 1	SEM 2	SEM 3	SEM 4	SEM 5	SEM 6	SEM 7	SEM 8
<b>TERAS (KOD: T) (87 unit)</b>								
<b>(i) Teras Wajib (45 Unit)</b>								
SEP206/3								
SEP304/3								
SEP403E/3								
SEW101/3								
SEW103/3								
SEW105/3								
SEW202/3								
SEW204/3								
SEW206/3								
SEW207/3								
SEW299/6								
SEW303/3								
SEW499/6								
<b>(ii) Teras Pilihan (42 Unit)</b>								
• Pilih 3 Kursus								
SEU224/3								
SEU227/3								
SEU230/3								
SEU231/3								
• Pilih 6 Kursus								
SEU332/3								
SEU333/3								
SEU334/3								
SEU335E/3								
SEU336E/3								
SEU337/3								
SEU338E/3								
SEU339E/3								

• Pilih 5 Kursus									
SEU411E/3									
SEU413E/3									
SEU416E/3									
SEU418E/3									
SEU421E/3									
SEU422E/3									
<b>ELEKTIF (KOD: E)</b>									
<b>(4 Unit)</b>									
<b>MINOR (KOD: M)</b>									
<b>(20 Unit)</b>									
<b>UNIVERSITI (KOD:U)</b>									
<b>(15 – 22 Unit)</b>									
LKM400/2	} <b>Wajib</b> <b>Lulus</b> <b>dengan</b> <b>Gred C</b>								
LSP300/2									
LSP401/2									
HFE224/2									
HFF225/2									
WUS101/2									
Kokurikulum /2									
Kokurikulum/ Kursus Kemahiran / Opsyen (1 - 8 Unit)									
<b>JUMLAH UNIT</b>									
<b>Tandatangan</b>									
<b>Penasihat Akademik</b>									
<b>Tarikh</b>									

**Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan  
Borang Semakan Keperluan Pengijazahan  
Ijazah Sarjana Muda Kerja Sosial (Kepujian)**

**Nama Pelajar** : \_\_\_\_\_  
**No Matrik** : \_\_\_\_\_  
**Nama Penasihat Akademik** : \_\_\_\_\_

JENIS KURSUS	TAHUN 1		TAHUN 2		TAHUN 3		TAHUN 4	
	SEM 1	SEM 2	SEM 3	SEM 4	SEM 5	SEM 6	SEM 7	SEM 8
<b>TERAS (KOD: T)</b>								
<b>(86 unit)</b>								
<b>(i) Sains Kemasyarakatan (16 Unit)</b>								
SKW105/3								
SKW110/3								
SKW123/3								
SKW321/3								
STU231/4								
<b>(ii) Teras Program (70 Unit)</b>								
SSW110/3								
SSW111/3								
SSW112/4								
SSW113/3								
SSW200/4								
SSW211/3								
SSW221/4								
SSW223/3								
SSW224/6								
SSW310/3								
SSW312/4								
SSW313/6								
SSW322E/3								
SSW352/4								
SSW410/4								
SSW411E/3								
SSW412/6								
SSW413E/4								





*Transforming Higher Education  
for a Sustainable Tomorrow*